

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**ANALISIS TERJEMAHAN BUDAYA
DALAM SARI KATA FILEM
ANIMASI *GENG: PENGEMBARAAN
BERMULA***

SITI HAJAR BINTI MOHD FAZIL

MA

Mei 2026

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**ANALISIS TERJEMAHAN BUDAYA
DALAM SARI KATA FILEM
ANIMASI *GENG: PENGEMBARAAN
BERMULA***

SITI HAJAR BINTI MOHD FAZIL

Tesis dikemukakan bagi memenuhi
keperluan untuk ijazah
Sarjana
(Pengajian Bahasa Gunaan)

Akademi Pengajian Bahasa

Mei 2026

PENGESAHAN OLEH PANEL PEMERIKSA

Saya sahkan bahawa Panel Pemeriksa yang telah bermesyuarat pada 16 Disember 2025 untuk mengendalikan peperiksaan akhir Siti Hajar Binti Mohd Fazil bagi tesis Sarjana yang bertajuk “Analisis Terjemahan Budaya dalam Sari Kata Filem Animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*” berdasarkan Akta Universiti Teknologi MARA 1976 (Akta 173). Panel Pemeriksa telah mencadangkan pelajar tersebut layak dianugerahkan ijazah yang tersebut. Panel Pemeriksa adalah seperti berikut

Rozaimah Rashidin, PhD
Pensyarah Kanan
Akademi Pengajian Bahasa
Universiti Teknologi MARA
(Pengerusi)

Muhammad Arsyad Abdul Majid, PhD
Profesor Madya
Akademi Pengajian Bahasa
Universiti Teknologi MARA
(Pemeriksa Dalam)

Anis Shahirah Abdul Sukur, PhD
Pensyarah Kanan
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia
(Pemeriksa Luar)

**PROFESSOR DR HJH ZURAEDA
IBRAHIM**
Dekan
Institut Pengajian Siswazah
Universiti Teknologi MARA
Tarikh: 26 Mei 2026

DEKLARASI PENULIS

Saya mengakui bahawa penghasilan tesis ini dilakukan mengikut peraturan Universiti Teknologi MARA. Ia adalah asli dan dapatan hasil usaha saya sendiri, melainkan dinyatakan sebaliknya atau diberikan penghargaan sebagai hasil rujukan. Tesis ini tidak pernah diserahkan kepada mana-mana institusi akademik atau bukan akademik untuk apa-apa ijazah atau kelayakan.

Saya, dengan ini, menyatakan bahawa saya telah mengikuti Kaedah dan Peraturan Akademik bagi Pasca Siswazah, Universiti Teknologi MARA, sepanjang melakukan pengajian dan penyelidikan saya.

Nama Pelajar : Siti Hajar Binti Mohd Fazil

No. Pelajar : 2023230516

Program : Sarjana Pengajian Bahasa Gunaan-LG750

Fakulti : Akademi Pengajian Bahasa

Tajuk Tesis : Analisis Terjemahan Budaya dalam Sari Kata Filem
Animasi Geng: Pengembaraan Bermula

Tandatangan Pelajar :

Tarikh : Mei 2025

ABSTRAK

Perbezaan budaya menjadi satu daripada masalah dalam terjemahan termasuklah terjemahan sari kata. Ditambah pula dengan keterbatasan perkataan serta baris sari kata. Sehubungan itu, satu kajian dijalankan untuk mengkaji terjemahan budaya dalam bahasa Melayu dan terjemahannya dalam sari kata bahasa Inggeris filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*. Kajian dijalankan berdasarkan tiga objektif kajian iaitu (i) mengenal pasti unsur budaya dalam filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula* (ii) menganalisis prosedur terjemahan budaya dalam sari kata filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula* dan (iii) menghurai jenis padanan terjemahan budaya dalam sari kata filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*. Analisis kandungan dan analisis perbandingan digunakan sebagai kaedah kajian dalam kajian yang berbentuk kualitatif. Kategori Budaya oleh Newmark (1988), Prosedur Terjemahan oleh Newmark (1988) dan Padanan Terjemahan oleh Koller (1979) digunakan sebagai kerangka teori dalam kajian ini. Filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula* yang diterbitkan pada tahun 2009 dijadikan sebagai bahan kajian. Dapatan kajian menunjukkan budaya dalam filem animasi ini dapat dikategorikan kepada empat kategori iaitu (i) ekologi, (ii) material, (iii) sosial dan (iv) organisasi, adat, aktiviti, prosedur atau konsep. Kategori budaya material serta budaya sosial menunjukkan kekerapan tertinggi iaitu sebanyak 28 dapatan (31.5%), manakala budaya ekologi merupakan kekerapan terendah iaitu sebanyak 12 dapatan (13.5%). Dapatan kajian menunjukkan unsur budaya material seperti makanan dan minuman serta budaya sosial seperti kelas masyarakat paling banyak dikenal pasti dalam filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*. Hasil analisis juga menunjukkan bahawa sembilan prosedur terjemahan digunakan untuk menterjemah kesemua unsur budaya. Prosedur terjemahan literal menunjukkan kekerapan tertinggi dengan dapatan sebanyak 34 dapatan (38.2%), manakala prosedur terjemahan penggantian merupakan kekerapan terendah dengan dapatan sebanyak 1 dapatan (1.1%). Dapatan kajian menunjukkan bahawa prosedur terjemahan literal paling kerap digunakan dalam menterjemah unsur budaya ke dalam sari kata filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula* kerana penyari kata mengekalkan makna dan struktur dalam bahasa sumber ke dalam bahasa sasaran. Dapatan juga menunjukkan bahawa kesemua budaya dalam filem animasi ini diterjemahkan menggunakan empat jenis padanan iaitu (i) padanan denotasi, (ii) padanan konotasi, (iii) padanan pragmatik, dan (iv) padanan formal. Padanan denotasi merupakan jenis padanan yang paling kerap penggunaannya dengan dapatan sebanyak 50 dapatan (56.2%), manakala padanan terjemahan konotasi adalah kekerapan terendah dengan dapatan sebanyak tujuh dapatan (7.9%). Padanan denotasi digunakan paling dominan kerana padanan terjemahan dalam bahasa sasaran telah tersedia dan mudah difahami tanpa mengubah makna asal. Kajian ini diharapkan dapat memberikan sumbangan yang bermakna kepada bidang penterjemahan audiovisual, khususnya dalam mempertingkatkan mutu terjemahan sari kata serta kefahaman penonton terhadap kandungan antara budaya.

ABSTRACT

Cultural differences are one of the challenges in translation, including subtitle translation, particularly due to the limitations of words and subtitle lines. Therefore, a study was conducted to examine the translation of cultural elements in the English subtitles of the animated film *Geng: Pengembaraan Bermula*. The study was based on three main objectives: (i) to identify cultural elements in the animated film *Geng: Pengembaraan Bermula*, (ii) to analyse the cultural translation procedures used in the subtitles of the film, and (iii) to describe the types of translation equivalence employed in the subtitles of the film. Content analysis and comparative analysis were employed as the research methods in this qualitative study. The study applied Newmark's (1988) Categories of Cultures and Procedures of Translation, as well as Koller's (1979) Types of Translation Equivalence, as the theoretical framework. The animated film *Geng: Pengembaraan Bermula*, released in 2009, was used as the corpus of the study. The findings indicate that the cultural elements in the film can be categorized into four categories: (i) ecology, (ii) material, (iii) social, and (iv) organizations, customs, activities, procedures, or concepts. Among these, material culture and social culture recorded the highest frequency with 28 instances (31.5%), while ecological culture showed the lowest frequency with 12 instances (13.5%). The findings show that material cultural elements, such as food and drink, also social cultural such as social classification are the most commonly identified in the animated film *Geng: Pengembaraan Bermula*. The analysis also revealed that nine translation procedures were used to translate all cultural elements. Literal translation recorded the highest frequency with 34 instances (38.2%), whereas substitution showed the lowest frequency with only one instance (1.1%). The findings further indicate that literal translation is the most frequently used procedure in translating cultural elements into the subtitles of the animated film *Geng: Pengembaraan Bermula* because the subtitler maintains the meaning and structure of the source language in the target language. In addition, the findings show that all cultural elements in the film were translated using four types of equivalence: (i) denotative equivalence, (ii) connotative equivalence, (iii) pragmatic equivalence, and (iv) formal equivalence. Denotative equivalence was the most frequently used type, with 50 instances (56.2%), while connotative equivalence was the least frequently used, with seven instances (7.9%). Denotative equivalence was dominant because the equivalent translation in the target language is readily available and easily understood without altering the original meaning. This study is expected to contribute meaningfully to the field of audiovisual translation, particularly in enhancing the quality of subtitle translation and improving viewers' understanding of cross-cultural content.

PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah dipanjatkan ke hadrat Allah SWT atas limpah kurnia dan izin-Nya, yang telah memberikan kekuatan, kesungguhan, ketabahan serta kesabaran kepada saya dalam menyiapkan kajian ini dengan jayanya. Kajian yang dijalankan ini telah memberikan satu pengalaman yang amat bermakna dan mencabar, kerana mendidik saya untuk mengekalkan komitmen dan disiplin sepanjang proses penyelidikan dijalankan. Kajian ini juga menjadi lambang perjalanan saya untuk terus berusaha menimba ilmu tanpa henti.

Pelbagai sokongan dan dorongan yang diberikan oleh pelbagai pihak demi menyiapkan kajian ini. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan kepada penyelia saya iaitu Profesor Madya Dr. Norhazlina Husin. Beliau merupakan individu yang sering mendidik, membimbing, mendorong, menasihati, serta menyokong saya sepanjang kajian ini dilakukan. Kesabaran dan kesungguhan beliau dalam mendidik sehingga terhasilnya sebuah penulisan proposal, artikel dan tesis ini, amatlah saya hargai. Pada masa yang sama, doa serta keberkatan ilmu yang diberikan juga menjadi salah satu faktor utama kejayaan penyelidikan ini. Semoga segala bakti yang dicurahkan menjadi asbab beliau sentiasa berada di bawah lindungan Allah SWT dan dipanjangkan usianya.

Penghargaan istimewa juga ditujukan khas buat ahli keluarga tercinta, terutama sekali ibu saya, Puan . kerana sentiasa berada di samping saya dan menjadi saksi perjuangan sepanjang menyiapkan kajian ini. Beliau sering memberikan saya dorongan, kasih sayang, perhatian, kata-kata semangat, serta menjadi tempat untuk saya berkongsi emosi tatkala berada di titik terendah dalam menyiapkan kajian ini. Pada masa sama, doa seorang ibu turut menjadi asbab saya mampu menyiapkan tesis ini kerana terdapatnya keberkatan di dalam doa seorang ibu. Tidak dilupakan, Encik Mohd Fazil bin Mohd Isa (ayah), sosok penting yang memberikan saya peluang untuk melanjutkan pengajian sehingga ke tahap ini. Beliau merupakan individu yang sentiasa menyokong saya untuk terus melanjutkan pengajian tanpa mengenal erti putus asa. Semoga Allah SWT sentiasa melindungi insan-insan yang banyak berjasa ini daripada segala malapetaka dan mengurniakan kesihatan buat mereka berdua.

Tidak dilupakan juga buat dua individu penting dalam hidup saya yang sudah kembali ke Rahmatullah, namun nama dan figuranya sentiasa terpahat kemas di dalam ingatan. Biar pun kedua-duanya tidak berada di sisi sepanjang kajian ini dijalankan, namun kata-katanya sentiasa saya genggam kemas untuk terus maju ke hadapan demi menjadi seorang yang berjaya.

Akhir sekali, saya ingin merakamkan penghargaan buat kesemua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan kajian ini. Segala bantuan serta sokongan yang diberikan amatlah dihargai.

ISI KANDUNGAN

Muka Surat

PENGESAHAN OLEH PANEL PEMERIKSA	ii
DEKLARASI PENULIS	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii

BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Penyataan Masalah	3
1.4 Objektif Kajian	6
1.5 Persoalan Kajian	6
1.6 Kepentingan Kajian	6
1.7 Skop dan Batasan Kajian	7
1.7.1 Skop Kajian	8
1.7.2 Batasan Kajian	8
1.8 Definisi Konsep	9
1.8.1 Prosedur Terjemahan	9
1.8.2 Padanan Terjemahan	9
1.8.3 Budaya	9
1.8.4 Sari Kata	10
1.8.5 Filem Animasi	10
1.9 Kerangka Tesis	10

BAB 2 SOROTAN LITERATUR		12
2.1	Pendahuluan	12
2.2	Budaya	12
2.2.1	Budaya dan Filem	17
2.3	Terjemahan Budaya	19
2.4	Prosedur Terjemahan	22
2.5	Terjemahan Audiovisual	26
2.5.1	Sari Kata	30
2.6	Padanan Terjemahan	40
2.7	Kerangka Teori	45
2.7.1	Kategori Budaya (Newmark, 1988)	45
2.7.1.1	<i>Ekologi</i>	45
2.7.1.2	<i>Material</i>	46
2.7.1.3	<i>Sosial</i>	46
2.7.1.4	<i>Organisasi, Adat, Aktiviti, Prosedur atau Konsep</i>	46
2.7.1.5	<i>Amalan dan Gerak Laku</i>	47
2.7.2	Prosedur Terjemahan (Newmark, 1988)	48
2.7.2.1	<i>Pemindahan</i>	48
2.7.2.2	<i>Naturalisasi</i>	48
2.7.2.3	<i>Persamaan Budaya</i>	49
2.7.2.4	<i>Persamaan Deskriptif</i>	49
2.7.2.5	<i>Persamaan Fungsian</i>	50
2.7.2.6	<i>Sinonim</i>	50
2.7.2.7	<i>Pinjam Terjemah</i>	51
2.7.2.8	<i>Transposisi</i>	51
2.7.2.9	<i>Modulasi</i>	52
2.7.2.10	<i>Terjemahan Sedia Ada</i>	52
2.7.2.11	<i>Terjemahan Label</i>	53
2.7.2.12	<i>Penggantian</i>	53
2.7.2.13	<i>Analisis Komponen</i>	54
2.7.2.14	<i>Pengguguran dan Perluasan</i>	54
2.7.2.15	<i>Parafrasa</i>	55
2.7.2.16	<i>Kuplet</i>	56
2.7.2.17	<i>Nota, Maklumat Tambahan dan Glos</i>	56

2.7.2.18	<i>Terjemahan Literal</i>	57
2.7.3	Padanan Terjemahan (Koller, 1979)	57
2.7.3.1	<i>Padanan Denotasi</i>	57
2.7.3.2	<i>Padanan Konotasi</i>	58
2.7.3.3	<i>Padanan Teks Normatif</i>	58
2.7.3.4	<i>Padanan Pragmatik</i>	59
2.7.3.5	<i>Padanan Formal</i>	59
2.8	Rumusan	60
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	61
3.1	Pendahuluan	61
3.2	Reka Bentuk Kajian	61
3.3	Kaedah Kajian	63
3.3.1	Transkripsi	63
3.3.2	Analisis Kandungan	64
3.3.3	Analisis Perbandingan	65
3.4	Bahan Kajian	66
3.5	Proses Pengumpulan Data	67
3.6	Kerangka Analisis	70
3.6.1	Kategori Budaya	71
3.6.2	Prosedur Terjemahan	72
3.6.3	Padanan Terjemahan	72
3.7	Kebolehpercayaan Data	73
3.8	Rumusan	74
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	75
4.1	Pendahuluan	75
4.2	Kategori Budaya dalam Filem Animasi <i>Geng: Pengembaraan Bermula</i>	75
4.2.1	Material	76
4.2.2	Sosial	77
4.2.3	Organisasi, Adat, Aktiviti, Prosedur atau Konsep	78
4.2.4	Ekologi	79

4.3	Prosedur Terjemahan Budaya dalam Sari Kata Filem Animasi <i>Geng: Pengembaraan Bermula</i>	83
4.3.1	Terjemahan Literal	84
4.3.2	Pemindahan	86
4.3.3	Kuplet	86
4.3.4	Persamaan Budaya	88
4.3.5	Pengguguran	90
4.3.6	Persamaan Deskriptif	91
4.3.7	Naturalisasi	92
4.3.8	Transposisi	93
4.3.9	Penggantian	94
4.4	Padanan Terjemahan Budaya dalam Sari Kata Filem Animasi <i>Geng: Pengembaraan Bermula</i>	101
4.4.1	Padanan Denotasi	102
4.4.2	Padanan Formal	103
4.4.3	Padanan Pragmatik	103
4.4.4	Padanan Konotasi	104
4.5	Rumusan	116
BAB 5	KESIMPULAN	117
5.1	Pendahuluan	117
5.2	Rumusan Dapatan	117
5.3	Sumbangan Kajian	119
5.4	Cadangan Kajian Akan Datang	120
5.5	Rumusan	121
RUJUKAN		122
LAMPIRAN		143
PROFIL PENULIS		263

SENARAI JADUAL

Jadual	Tajuk	Muka Surat
Jadual 2.1	Pecahan Sari Kata	37
Jadual 4.1	Kategori Budaya dalam Filem Animasi <i>Geng: Pengembaraan Bermula</i>	75
Jadual 4.2	Tempoh Adegan Gerai Uncle Muthu dalam Filem Animasi <i>Geng: Pengembaraan Bermula</i>	80
Jadual 4.3	Tempoh Adegan yang Memaparkan Kelas Masyarakat dalam Filem Animasi <i>Geng: Pengembaraan Bermula</i>	81
Jadual 4.4	Prosedur Terjemahan Budaya dalam Sari Kata Filem Animasi <i>Geng: Pengembaraan Bermula</i>	84
Jadual 4.5	Kategori Budaya+Prosedur Terjemahan dalam Sari Kata Filem Animasi <i>Geng: Pengembaraan Bermula</i>	97
Jadual 4.6	Padanan Terjemahan Budaya dalam Sari Kata Filem Animasi <i>Geng: Pengembaraan Bermula</i>	101
Jadual 4.7	Prosedur Terjemahan+Padanan Terjemahan dalam Sari Kata Filem Animasi <i>Geng: Pengembaraan Bermula</i>	108

SENARAI RAJAH

Rajah	Tajuk	Muka Surat
Rajah 2.1	Sari Kata untuk OKU Masalah Pendengaran	34
Rajah 2.2	Sari Kata untuk OKU Masalah Penglihatan	35
Rajah 2.3	Lagu yang Diterjemah dalam Sari Kata	38
Rajah 3.1	Rajah Reka Bentuk Analisis Terjemahan Budaya dalam Sari Kata Filem Animasi <i>Geng: Pengembaraan Bermula</i>	62
Rajah 3.2	Proses Pengumpulan Data	68
Rajah 3.3	Kerangka Analisis bagi Analisis Terjemahan Budaya dalam Sari Kata Filem Animasi <i>Geng: Pengembaraan Bermula</i>	70
Rajah 4.1	Kedudukan Perkataan untuk Pinjam Terjemah	87
Rajah 4.2	Pemetaan Terjemahan Budaya dalam Sari Kata Filem Animasi <i>Geng: Pengembaraan Bermula</i>	113

SENARAI SINGKATAN

Singkatan	Kenyataan
<i>CPS</i>	<i>Characters Per Second</i>
D	Diterangkan
M	Menerangkan
OKU	Orang Kurang Upaya
<i>SLS</i>	<i>Same-Language Subtitling</i>
TAV	Terjemahan Audiovisual

BAB 1

Pengenalan

1.1 Pendahuluan

Bab ini dimulakan dengan perbincangan mengenai latar belakang dalam membentuk konteks yang jelas bagi penyelidikan yang dijalankan. Seterusnya, pernyataan masalah dikemukakan untuk membincangkan isu-isu utama yang menjadi fokus kepada kajian ini. Bab ini turut meneruskan perbincangan dengan memperincikan objektif kajian, persoalan kajian dan kepentingan kajian. Di samping itu, skop dan batasan kajian dibincangkan bagi menetapkan had kepada penyelidikan. Pada masa sama, bab ini turut memberikan definisi istilah-istilah utama yang digunakan terhadap kajian. Bab ini diakhiri dengan kerangka tesis yang membincangkan mengenai topik yang dibincangkan bagi setiap bab penyelidikan yang dijalankan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Selama bertahun-tahun, industri hiburan telah berkembang secara pesat sehingga menjadi salah satu keperluan dalam kehidupan masyarakat, terutama sekali apabila ia semakin terdedah kepada penggunaan kepelbagaian bahasa dan budaya (Siti Nasirah & Shahrul Nizam, 2022). Industri perfileman merupakan antara industri hiburan yang memberi impak positif (Nurul Alias et al., 2025) terhadap perkembangan sosial dan budaya di Malaysia. Dalam konteks ini, filem animasi tempatan menunjukkan perkembangan yang memberangsangkan (Rizuan & Mohd Asyiek, 2025) sehingga berjaya menembusi pasaran antarabangsa melalui judul terkenal seperti filem animasi *Ejen Ali*, *Upin & Ipin* dan *BoBoiBoy* (Marfikah Adnan, 2025).

Evolusi ini membuktikan bahawa filem animasi bukan sahaja sebagai medium hiburan (Nor Athirah et al., 2023; Alezender & Karimon, 2024), malah berperanan sebagai platform yang strategik dalam mencerminkan identiti tempatan (Yu, 2023). Penerimaan positif terhadap karya animasi Malaysia pada peringkat global (Nur Yuhanis et al., 2022) menjadikan aktiviti terjemahan audiovisual (TAV) menjadi satu keperluan yang semakin penting (Chaisiri & Rattanakantadilok, 2022).

TAV merupakan pemindahan audio dan visual dari bahasa sumber ke bahasa

sasaran. Pada masa sama, terjemahan juga merupakan medium penting dalam pemindahan ilmu, budaya serta pemikiran masyarakat (Norhazlina, 2022). Melalui komunikasi silang bahasa ini, masyarakat dunia dapat berinteraksi dan memahami nuansa budaya yang berbeza (Zhao, 2023). Walau bagaimanapun, menterjemah elemen budaya merupakan tugas yang kompleks, kerana merangkumi cara kehidupan masyarakat, pemikiran, emosi dan peristiwa bersejarah (Zhao, 2023). Oleh itu, sari kata berfungsi sebagai medium terjemahan yang penting dalam memastikan mesej asal dapat difahami secara tepat oleh khalayak yang mempunyai latar belakang berbeza (Wan Halizawati, 2021).

Dalam konteks ini, sari kata merujuk kepada proses pemindahan bahasa lisan dalam dialog kepada bentuk teks yang dipaparkan pada skrin dalam bahasa sasaran bagi memastikan penonton memahami kandungan audiovisual dengan tepat (Mudaweh, 2023). Sari kata dipaparkan secara selari dengan dialog dan visual yang ditayangkan (Mehawesh & Neimneh, 2021; Leksananda & Manus, 2023). Selain membantu pemahaman kandungan audiovisual, sari kata juga berperanan menyediakan akses kepada penonton daripada pelbagai latar belakang (Mohamed Abdelaal & Al Sarhani, 2021). Peranan ini amat signifikan khususnya bagi Orang Kurang Upaya (OKU) masalah pendengaran (Adriana Hanum et al., 2022; Rahman & Ayob, 2023). Melalui sari kata, elemen dialog dan visual yang mengandungi unsur budaya dapat disampaikan kepada penonton, termasuk adat resam, makanan tradisional, dialek tempatan, dan unsur humor (Díaz Cintas & Remael, 2021; Wan Halizawati, 2021).

Walaupun bagaimanapun, menterjemah budaya ke dalam sari kata bukanlah tugas yang mudah terutama apabila menggunakan padanan terjemahan yang kurang bersesuaian. Unsur budaya perlu dipindahkan dengan teliti bagi memastikan makna asal dalam bahasa sumber tidak hilang atau mengalami sebarang diskaun budaya, iaitu nilai asal gagal difahami sehingga mengurangkan keterhubungan emosi penonton (Ong et al., 2025).

Oleh itu, pemilihan padanan budaya yang bersesuaian menjadi aspek penting dalam menterjemah budaya ke dalam sari kata filem animasi (Yang & Qin, 2025). Penyari kata perlu menguasai dan memahami kedua-dua bahasa dan budaya (Wafa Ali et al., 2025), selain menggunakan kepakaran untuk mengatasi perbezaan linguistik serta keterbatasan leksikal (Nurul Asmira & Suhaili, 2023) sehingga mampu menyebabkan kehilangan makna (Malenova, 2015) dengan menggunakan kepelbagaian prosedur.

Secara keseluruhannya, unsur budaya yang diterjemah ke dalam sari kata filem

animasi tempatan memerlukan ketelitian bagi memastikan nilai budaya dapat disampaikan tanpa kehilangan nilai dan identiti budaya dalam bahasa sumber yang diterjemah ke dalam sari kata. Kajian terdahulu (Batmanathan et al., 2022; Tee et al., 2022; Kanan et al., 2022; Alawad & Alosaini, 2023; Al-Harashsheh & Alhourani, 2024) turut menegaskan keperluan penyari kata untuk memilih strategi padanan budaya secara cermat bagi mengekalkan identiti budaya dalam karya terjemahan.

Berdasarkan perbincangan ini, jelas menunjukkan bahawa filem animasi tempatan semakin berkembang pesat sehingga ke peringkat global. Dalam kajian ini, filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula* (2009) merupakan filem animasi 3D pertama Malaysia yang berjaya menembusi ke pasaran global. Filem ini dihasilkan dengan mengetengahkan elemen budaya tempatan di Malaysia serta berlatar belakangkan kehidupan di sebuah perkampungan di Malaysia dengan memberikan gambaran jelas tentang adat, budaya dan interaksi sosial dalam kalangan masyarakat setempat. Kepelbagaian linguistik dan budaya dalam filem ini perlu diberikan penelitian dalam pemilihan prosedur terjemahan serta padanan terjemahan bagi memastikan identiti budaya yang diketengahkan tetap difahami dalam bahasa sasaran.

1.3 Penyataan Masalah

Industri animasi Malaysia berjaya mendapat tempat di peringkat tempatan negara serta negara-negara ASEAN lain seperti Indonesia, Brunei, Singapura, Thailand, dan Vietnam (Muhammad Amirul Naim, 2024). Filem animasi tempatan sesuai ditonton oleh pelbagai peringkat umur terutama sekali kanak-kanak (Nor Athirah et al., 2023) kerana menampilkan elemen budaya tempatan (Arief & Ismi, 2018; Hanapi, et al., 2019) yang dapat disebarkan dan dipelajari oleh penonton tempatan dan antarabangsa. Sebagai contoh, filem animasi *Upin & Ipin* yang telah meraih pelbagai kejayaan di dalam mahupun luar negara (Muhammad Amirul Naim, 2024). Dalam proses penyebaran unsur budaya, sari kata merupakan bentuk TAV yang paling dominan digunakan dalam industri perfileman untuk memindahkan budaya ke dalam bahasa sasaran (Akat & Kümbül, 2022; Fărcașiu, 2024; Nesirli, 2025).

Walau bagaimanapun, menterjemah unsur budaya ke dalam sari kata bukanlah tugas mudah (Al-Harashsheh & Alhourani, 2024; Sadiq, 2024) kerana wujudnya jurang perbezaan di antara dua budaya. Unsur budaya seperti cerita dongeng, legenda, cerita rakyat, puisi, muzik, instrumen, bahasa diraja, simpulan bahasa, peribahasa, frasa

khusus, serta elemen berkaitan sejarah dan agama (Wan Halizawati, 2021; Quifen et al., 2025) sering membawa makna tersirat yang hanya difahami oleh penutur bahasa sumber sahaja. Ketiadaan padanan budaya secara langsung menjadikan penterjemah unsur budaya ke dalam bahasa Inggeris menjadi lebih mencabar (Norhazlina et al., 2024; Al-Harashseh & Alhourani, 2024). Hal ini kerana, padanan budaya yang tepat adalah terhad, lantas menimbulkan masalah dalam menterjemah budaya ke bahasa sasaran (Muhammad Arsyad, et al., 2022; Kanan et al., 2022; Chaisiri et al., 2022; Lau et al., 2022) kerana adanya perbezaan budaya (Wafaa & Maheram, 2024) apabila wujudnya jurang makna antara bahasa sumber dan bahasa sasaran (Kanan et al., 2022).

Bagi menangani isu ketiadaan padanan budaya, para sarjana telah mencadangkan pelbagai prosedur terjemahan yang boleh digunakan untuk menterjemah unsur budaya ke dalam bahasa sasaran (Mudheher et al., 2023). Walau bagaimanapun, keberkesanan budaya yang diterjemah tetap bergantung kepada pertimbangan penterjemah atau penyari kata itu sendiri (Batmanathan et al., 2022; Al-hubaishi, 2023). Penggunaan prosedur terjemahan tertentu seperti pengembangan dan pengurangan kata, boleh menjejaskan mesej dalam bahasa sasaran (Norhazlina et al., 2024). Justeru, dalam konteks sari kata, penyari kata disarankan menggunakan prosedur pengguguran bagi menyesuaikan kandungan dengan kekangan teknikal tanpa menjejaskan kefahaman penonton.

Terdapat empat cabaran utama dalam menterjemah dialog dan visual ke dalam sari kata, iaitu: (i) menterjemah ujaran secara verbal ke dalam bentuk teks, (ii) keterbatasan ruang kerana sari kata tidak boleh melebihi 40 patah perkataan dan dua baris, (iii) kekurangan teks sumber, dan (iv) pelarasan pergerakan bibir serta paparan sari kata (Al-Adwan & Al-Jabri, 2023).

Selain itu, kekangan masa dan ruang sari kata juga menjadi cabaran utama bagi penyari kata (Karakanta et al., 2020; Lang et al., 2021; Sharma, 2024). Contohnya, sari kata yang dipaparkan terlalu pantas akan menyukarkan penonton untuk membacanya, seterusnya menjejaskan pengalaman mereka ketika menonton (Kruger & Liao, 2025). Situasi ini memaksa penyari kata menggugurkan atau memendekkan unsur budaya yang diterjemah agar sari kata yang dihasilkan ringkas dan padat, sejajar dengan kekangan teknikal yang wujud (Tuuli, 2024).

Berdasarkan perbincangan ini, dapat dirangkumkan bahawa menterjemah unsur budaya ke dalam sari kata bukanlah suatu tugas yang mudah kerana melibatkan pelbagai aspek seperti (i) linguistik, (ii) visual, dan (iii) budaya, khususnya budaya

tempatan yang diterjemah ke dalam sari kata bahasa Inggeris padanan yang bersesuaian sukar ditemui. Hal ini disebabkan setiap budaya bersifat unik, hanya difahami sepenuhnya oleh masyarakat tempatan dan kurang dikenali oleh penonton antarabangsa. Keadaan ini turut dipengaruhi oleh perbezaan latar belakang antara penyari kata dan penonton sasaran (Al-Harashsheh & Alhourani, 2024).

Selain kekangan aspek teknikal, perbezaan latar belakang budaya, pengetahuan dan pengalaman yang berbeza (Szarkowska et al., 2021; Laasri, 2025) juga menyumbang kepada risiko salah tafsir. Kegagalan dalam mencari padanan yang tepat akan menyebabkan kehilangan, pengurangan serta penyimpangan mesej (Violita & Cholsy, 2022; Novytska et al., 2025). Sebagai contohnya, peribahasa *bagai lembu dicucuk hidung* merujuk kepada individu yang menurut arahan tanpa persoalan. Dalam budaya Inggeris pula, ungkapan *like a bull in a china shop* menggambarkan seseorang itu bertindak secara melulu atau cuai dalam situasi yang memerlukan ketelitian. Perbandingan ini menunjukkan bahawa, biarpun budaya Melayu dan budaya Inggeris menggunakan perlambangan yang sama, namun, membawa dasar makna yang berbeza bagi setiap budaya. Ini akan menimbulkan kekeliruan penonton jika unsur budaya tidak diterjemahkan dengan tepat (Novytska et al., 2025).

Dalam konteks Malaysia, walaupun terdapat kajian mengenai terjemahan filem, kebanyakan kajian tersebut menumpukan kepada filem *live-action* atau filem yang menampilkan pergerakan manusia. Fokus kajian biasanya tertumpu kepada elemen seperti humor (Tu, 2020; Mohamad Zakuan & Hasuria, 2021) dan bahasa tabu (Mohamad Zakuan & Khairul Faiz, 2024). Pada masa yang sama, masih terdapat jurang kajian berkaitan unsur budaya dalam filem animasi, terutamanya terjemahan antara bahasa Inggeris dan bahasa Melayu (Kanan et al., 2022; Mohamad Zakuan & Hasuria, 2024; Nur Athirah & Syamimi, 2024) serta antara bahasa Arab dan bahasa Melayu (Noor Eliza et al., 2021). Hal ini menunjukkan terdapat kekurangan kajian pada pasangan bahasa Melayu-Inggeris untuk filem animasi. Selain itu, kajian terdahulu juga cenderung menumpukan kepada penggunaan strategi terjemahan tertentu (Batmanathan et al., 2022; Nur Batrisyia Umairah & Maizura 2024; Mohamad Zakuan & Hasuria, 2024; Yanan et al., 2024; Siti Nasirah & Shahril Nizam, 2022; Ong et al., 2025) tanpa menekankan cabaran khusus dalam menterjemah unsur budaya ke dalam sari kata filem animasi.

Berdasarkan kajian-kajian terdahulu, masih terdapat kekurangan kajian yang meneliti prosedur terjemahan dan padanan terjemahan dalam sari kata filem animasi,

khususnya bagi pasangan bahasa Melayu-bahasa Inggeris. Keadaan ini menunjukkan keperluan untuk menjalankan kajian terhadap filem animasi seperti *Geng: Pengembaraan Bermula*, memandangkan filem ini menampilkan elemen budaya tempatan di Malaysia. Selain itu, filem ini dihasilkan dalam bahasa Melayu dengan terjemahan sari kata dalam bahasa Inggeris, sekali gus menjadikannya bahan kajian yang sesuai untuk meneliti isu-isu terjemahan budaya bagi sesebuah filem.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini mempunyai tiga objektif kajian untuk dicapai iaitu:

1. mengenal pasti unsur budaya dalam filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*
2. menganalisis prosedur terjemahan budaya dalam sari kata filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*
3. menghurai jenis padanan terjemahan budaya dalam sari kata filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*

1.5 Persoalan Kajian

Bagi mencapai tiga objektif kajian, terdapat tiga persoalan dibangunkan untuk menjawab ketiga-tiga objektif kajian iaitu:

1. Apakah unsur budaya dalam filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*?
2. Bagaimanakah prosedur terjemahan digunakan oleh penyari kata untuk menterjemah budaya dalam sari kata filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*?
3. Apakah jenis padanan terjemahan budaya dalam sari kata filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*?

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan ini memberi kepentingan kepada pelbagai pihak seperti pengkaji, ahli akademik, pelajar, serta penterjemah terutama sekali mereka yang berkepakaran di dalam bidang TAV. Antara kepentingan kajian ini dijalankan adalah

memperkenalkan budaya tempatan ke peringkat antarabangsa melalui bentuk terjemahan TAV. Kajian ini menunjukkan bahawa filem animasi bukan sahaja sekadar medium hiburan yang menumbuh secara meluas, tetapi juga mempunyai penyebaran budaya tempatan ke peringkat antarabangsa dengan menggunakan bentuk TAV seperti sari kata. Unsur budaya yang diterjemah ke dalam sari kata di dalam filem animasi mampu meningkatkan pengetahuan penonton luar mengenai budaya tempatan yang terdapat di Malaysia.

Selain itu, kajian ini menunjukkan bahawa penyari kata juga merupakan antara individu berkepentingan yang menggalas tugas sebagai pengantara bahasa dan budaya. Hasil kajian ini dapat menunjukkan bahawa peranan seorang penyari kata adalah menterjemah unsur budaya dari bahasa Melayu ke dalam sari kata bahasa Inggeris dengan mengekalkan makna budaya tersebut serta mematuhi aspek teknikal yang kompleks ketika pelaksanaannya.

Seterusnya, hasil kajian ini juga dapat meningkatkan kualiti sari kata di Malaysia. Syarikat produksi serta penyari kata dapat menggunakan kajian ini sebagai panduan dan rujukan dalam menghasilkan sari kata yang lebih bermutu buat penonton sasaran. Ini kerana, sari kata yang bermutu dapat meningkatkan pengetahuan penonton sasaran mengenai unsur budaya yang diterjemahkan ke dalam sari kata. Seiring dengan itu, sari kata yang berkualiti juga dapat mempertingkatkan mutu filem animasi di Malaysia untuk terus dipasarkan di peringkat antarabangsa.

Akhir sekali, kajian ini dapat dijadikan sebagai sumber rujukan akademik serta bahan penyelidikan untuk pihak-pihak yang berkepentingan seperti penyelidik, ahli akademik, dan pelajar pascasiswazah dapat memanfaatkan hasil daripada kajian ini. Pada masa sama, hasil kajian ini juga dapat membuka ruang kepada pihak berkepentingan untuk terus menghasilkan penyelidikan yang menumpukan kepada unsur budaya dalam sari kata filem animasi tempatan.

1.7 Skop dan Batasan Kajian

Penetapan skop dan batasan kajian adalah bertujuan untuk memastikan penyelidikan ini kekal fokus dan selaras dengan objektif yang telah ditetapkan.

1.7.1 Skop Kajian

Kajian ini menumpukan kepada tiga fokus utama, iaitu: (i) mengenal pasti unsur budaya dalam filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*, (ii) menganalisis prosedur terjemahan budaya yang digunakan dalam sari kata filem animasi tersebut, dan (iii) menghurai jenis padanan terjemahan budaya yang diaplikasikan dalam sari kata filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*.

Bahan kajian bagi kajian ini ialah filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula* (2009), terbitan Les' Copaque Production Sdn. Bhd. Data kajian diperolehi dan dikumpul daripada dialog bahasa Melayu di dalam filem tersebut sebagai bahasa sumber serta terjemahannya dalam sari kata bahasa Inggeris sebagai bahasa sasaran.

Kajian ini menggunakan tiga kerangka teori. Pertama, Kategori Budaya oleh Newmark (1988) digunakan untuk mengkategorikan unsur budaya yang dikenal pasti terdapat dalam dialog dan visual bahasa Melayu. Kedua, Prosedur Terjemahan oleh Newmark (1988) diaplikasikan untuk membandingkan unsur budaya dalam bahasa Melayu dengan terjemahannya dalam sari kata bahasa Inggeris. Ketiga, padanan terjemahan oleh Koller (1979) digunakan untuk menganalisis padanan unsur budaya antara bahasa Melayu dan sari kata bahasa Inggeris.

1.7.2 Batasan Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa batasan yang ditetapkan. Pertama, walaupun Les' Copaque Production Sdn. Bhd. telah menghasilkan beberapa naskhah animasi lain seperti *Upin & Ipin: Keris Siamang Tunggal*, namun kajian ini mengehadkan kepada filem *Geng: Pengembaraan Bermula* sahaja.

Kedua, walaupun sari kata dan alih suara merupakan dua bentuk *audiovisual translation* (AVT) yang paling kerap digunakan dalam industri perfileman, kajian ini hanya menumpukan kepada penggunaan sari kata sahaja sebagai bentuk terjemahan. Fokus kajian adalah pada dialog yang mengandungi unsur budaya serta terjemahannya ke dalam sari kata. Sekiranya terdapat pengulangan unsur budaya yang sama dalam babak berlainan, unsur budaya tersebut dikira sebagai satu data sahaja.

Ketiga, kajian ini tidak melibatkan strategi terjemahan lain dalam analisis. Selain itu, kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan transkripsi dialog bahasa Melayu dan sari kata bahasa Inggeris; yang tidak melibatkan kajian lapangan atau

pengumpulan data yang meneliti persepsi penonton terhadap kualiti filem dan sari kata *Geng: Pengembaraan Bermula*.

1.8 Definisi Konsep

Bahagian ini mengandungi konsep utama yang berkaitan dengan kajian ini. Definisi bagi setiap istilah diperolehi daripada literatur dan disesuaikan dengan kajian ini. Berikut merupakan definisi konsep bagi kajian ini:

1.8.1 Prosedur Terjemahan

Prosedur terjemahan ialah prosedur terjemahan yang digunakan dalam menterjemah unit bahasa berskala kecil seperti perkataan, frasa, dan klausa (Wafaa & Maheram, 2024). Prosedur terjemahan juga digunakan untuk menterjemah unsur budaya ke dalam bahasa sasaran (Norhazlina et al., 2024). Dalam kajian ini, prosedur terjemahan merujuk kepada prosedur spesifik yang digunakan oleh penyari kata untuk memindahkan unsur budaya dalam bahasa Melayu ke dalam sari kata bahasa Inggeris.

1.8.2 Padanan Terjemahan

Padanan ialah hubungan antara teks sumber dan teks sasaran yang terhasil melalui proses pemindahan makna pada pelbagai peringkat bahasa, yang mampu menghasilkan kesepadanan yang berbeza serta dinilai berdasarkan kesan yang setara dan budaya (Rędzioch-Korkuz, 2023). Dalam kajian ini, padanan terjemahan merujuk kepada padanan yang digunakan oleh penyari kata untuk mengekalkan makna unsur budaya dalam bahasa sasaran bagi sari kata bahasa Inggeris filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*.

1.8.3 Budaya

Budaya merupakan interaksi, tingkah laku, konstruk kognitif serta pemahaman yang diperolehi melalui pembudayaan yang dikongsi oleh sesebuah masyarakat (Norhazlina, 2022). Budaya juga merupakan sebahagian identiti yang penting bagi sesebuah kumpulan etnik (Oktavianus et al., 2025). Dalam kajian ini, budaya merujuk

kepada paparan audio, visual serta latar dalam filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*.

1.8.4 Sari Kata

Sari kata ialah paparan dialog dalam bentuk teks yang dipaparkan pada bahagian bawah skrin (Nersirli, 2025). Dalam kajian ini, sari kata merupakan teks terjemahan bahasa Inggeris yang dipaparkan pada bahagian bawah skrin filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*.

1.8.5 Filem Animasi

Filem animasi ialah kandungan media yang digunakan untuk membimbing kanak-kanak bagi memahami nilai budaya tempatan (Nor Raudah et al., 2019). Dalam kajian ini, filem animasi merupakan filem yang dihasilkan dalam bentuk 3D bagi tontonan umum pelbagai peringkat umur seperti filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*.

1.9 Kerangka Tesis

Kajian yang dijalankan ini merangkumi lima bab. Setiap bab membincangkan maklumat berkaitan kajian yang telah dijalankan. Bab 1 membincangkan latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian serta skop dan batasan kajian. Definisi konsep juga dinyatakan di dalam Bab 1. Bab 2 adalah sorotan literatur yang membincangkan isu berkaitan skop kajian, dan teori. Bab 3 membincangkan tentang metodologi kajian dan pilihan filem animasi yang dijadikan sebagai bahan kajian.

Seterusnya, bab 4 dimulakan dengan kategori budaya dalam filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*. Di dalam bab ini juga turut membincangkan tentang prosedur terjemahan budaya dalam sari kata filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*. Akhir sekali, perbincangan mengenai padanan terjemahan dalam sari kata filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*.

Rumusan bagi keseluruhan kajian yang merangkumi kategori budaya, prosedur terjemahan dan padanan terjemahan dibincangkan di dalam Bab 5. Sumbangan dan cadangan kajian lanjutan turut dibincangkan di dalam bab ini.

BAB 2

SOROTAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan

Bab 2 membincangkan secara khusus terhadap fokus kajian yang dijalankan. Dalam bab ini, pendekatan, pandangan ahli teori, serta kerangka teori dibincangkan secara terperinci. Selain itu, kerangka teori yang digunakan di dalam kajian ini turut diperincikan bagi menjelaskan asas teori yang menjadi panduan dalam analisis data.

2.2 Budaya

Budaya merupakan komponen penting yang membentuk identiti dan corak kehidupan dalam sesebuah masyarakat. Budaya wujud melalui aktiviti harian dan komunikasi sesebuah masyarakat (Nur Qhairun Nabiha dan Mohd Yuszaidy, 2022) yang dikaitkan dengan nilai, adat, kepercayaan dan simbol (Edson, 2022). Setiap budaya diwarisi daripada nenek moyang dan dipelajari sejak zaman kanak-kanak bagi memastikan pengetahuan budaya terus mengalir dari satu generasi ke generasi seterusnya (Bihari, 2023). Budaya merangkumi pengetahuan luas, kepercayaan, seni, moral, undang-undang, adat resam, pengalaman dan tabiat lain yang diperolehi serta dipelajari oleh sesebuah masyarakat (Aririguzoh, 2022; Stephenson, 2023). Setiap budaya membawa makna yang kompleks serta sukar ditafsirkan, menjadikan proses mempelajari budaya bukan suatu perkara yang mudah (Huang & Wu, 2023).

Berdasarkan penelitian sarjana terdahulu, budaya dapat difahami melalui tiga ciri utama iaitu (i) himpunan nilai, kepercayaan dan amalan sesebuah masyarakat yang dipelajari melalui komunikasi, (ii) diwarisi daripada generasi terdahulu, dan (iii) mempunyai perbezaan ketara antara satu masyarakat dengan masyarakat yang lain. Ciri-ciri ini terbentuk melalui aktiviti harian serta interaksi sosial, sekali gus menggambarkan bahawa budaya ialah satu konsep yang luas kerana sering menjadi topik perbincangan penting dalam pelbagai bidang termasuk bidang terjemahan.

Dari sudut definisi, Kucharska & Bedford (2023:4) mendefinisikan budaya sebagai

Culture is viewed as a shared mental model that influences how individuals interpret behaviors, and they often behave without being aware of the underlying assumptions.

Definisi yang dikemukakan oleh Kucharska & Bedford (2023:4) menunjukkan bahawa budaya merupakan satu model mental yang dikongsi (*shared mental model*), yang mempengaruhi cara setiap individu mentafsir sesuatu tingkah laku serta sering berkelakuan tanpa menyedari andaian asas yang menjadi terasnya. Berdasarkan definisi yang diberikan oleh Kucharska & Bedford (2023:4), dapat disimpulkan bahawa setiap masyarakat akan melakukan tindakan secara semula jadi tanpa teragak-agak kerana mereka telah berkongsi cara berfikir melalui budaya yang telah dipelajarinya sejak awal.

Pandangan yang diberikan oleh Kucharska & Bedford (2023:4) menunjukkan persamaan dengan Bhatti & Pardaey (2025:897) yang mendefinisikan budaya sebagai

Culture and heritage are basic building blocks in the construction of the identity of people and groups, determining how individuals see themselves and interact with others.

Definisi budaya yang diberikan oleh Bhatti & Pardaey (2025:897) menunjukkan budaya dan warisan merupakan asas bagi pembentukan identiti setiap individu daripada sesebuah masyarakat, yang mampu mempengaruhi cara seseorang untuk berinteraksi dengan individu lain. Maka, budaya bukan sahaja diwarisi oleh sesebuah masyarakat, malah turut membentuk jati diri dan hubungan sosial melalui interaksi yang berlaku dalam kalangan sesebuah masyarakat.

Berdasarkan definisi budaya yang diketengahkan oleh Kucharska & Bedford (2023:4) serta Bhatti & Pardaey (2025:897), mengatakan bahawa budaya diwarisi secara turun temurun daripada sesebuah masyarakat. Namun begitu, pendekatan oleh kedua-dua sarjana ini menunjukkan perbezaan apabila Kucharska & Bedford (2023:4) mengatakan bahawa budaya dilihat sebagai mempengaruhi cara seseorang bertingkah laku, berbeza dengan Bhatti & Pardaey (2025:897) yang mengatakan budaya merupakan asas bagi pembentukan individu serta mempengaruhi cara berinteraksi dengan kelompok masyarakat lain. Perbezaan ini menunjukkan bahawa budaya bukan sahaja berfungsi sebagai panduan masyarakat untuk mengekalkan kelangsungan kehidupan, malah turut memainkan peranan penting dalam membentuk jati diri serta hubungan sosial. Budaya yang dijadikan sebagai panduan adalah terhasil daripada sesebuah masyarakat seperti yang dinyatakan oleh Shih dan Tseng (2025:77), yang mendefinisikan

Culture has been defined as the spiritual creation of human beings, the material civilization created by human beings, or some combination of the two. Culture refers to a group of people's way of life, including their religion, food, clothing, language, rites of passage, and music. In addition, since culture is both universal and

personal, there is more than one accurate definition of culture. Culture is conceptual; it's a collective set of beliefs, behaviors, ideas, philosophies, and practices shared by groups of people.

Definisi yang dinyatakan oleh Shih dan Tseng (2025:77) menunjukkan, budaya adalah hasil ciptaan manusia dalam bentuk rohani seperti kepercayaan dan nilai, atau dalam bentuk material seperti pakaian, makanan dan peralatan, serta boleh juga merupakan gabungan daripada kedua-duanya. Budaya juga digambarkan sebagai cara hidup sesebuah kelompok masyarakat termasuk dari aspek agama, bahasa, adat, muzik dan amalan harian. Secara keseluruhannya, budaya dapat disimpulkan sebagai himpunan kepercayaan, idea, tingkah laku dan amalan yang dikongsi bersama oleh sekumpulan manusia.

Dalam bidang terjemahan seperti yang dinyatakan oleh Katan (2003:69), beliau mendefinisikan budaya sebagai

culture is not the only factor influencing behaviour; and culture-bound behaviour itself is on a cline from typical, through atypical to unrecognizable

Berdasarkan pandangan yang diberikan oleh Katan (2003:69), meskipun sesebuah masyarakat mempelajari budaya yang sama, namun pengaruh budaya terhadap diri seseorang individu adalah berbeza kerana ia bergantung kepada cara budaya tersebut diamalkan oleh seseorang individu itu.

Dalam bidang terjemahan, budaya didefinisi sebagai

culture as the way of life and its manifestations that are peculiar to a community that uses a particular language as its means of expression (Newmark, 1988: 94).

Budaya mengikut Nida (2003:105) adalah

cultural values and beliefs, and as a result it is extremely difficult to produce a formally close translation which will be effective.

Pada masa sama, Newmark (1988) mendefinisikan budaya sebagai cara hidup yang menggunakan bahasa sebagai satu ekspresi, dan menekankan bahawa setiap bahasa dan budaya mampu berkembang atau disesuaikan mengikut peredaran zaman. Nida (2003) menekankan bahawa nilai dan kepercayaan budaya setiap masyarakat adalah berbeza, yang menjadikan budaya yang diterjemah secara literal sering kali kurang berjaya atau tepat.

Berdasarkan pandangan yang diberikan oleh Newmark (1988) dan Nida (2003), dapat disimpulkan bahawa setiap budaya yang dipelajari oleh sesebuah masyarakat mampu berkembang mengikut peredaran zaman. Walau bagaimanapun, budaya tetap

tidak boleh diterjemah secara literal kerana perbezaan antara budaya mampu mempengaruhi hasil terjemahan secara tidak langsung.

Pandangan yang diberikan oleh Newmark (1988) dan Nida (2003) lebih menekankan budaya dengan terjemahan serta pengaruh kepada hasil terjemahan. Justeru itu, definisi yang diketengahkan oleh ahli antropologi Amerika iaitu Kroeber & Kluckhohn (1952:181 dlm. Katan, 2003:25) yang telah menggabungkan sebanyak 164 definisi budaya lebih lengkap dari segi teori kerana mereka memberikan pandangan budaya secara menyeluruh. Hal ini kerana, beliau mendefinisikan budaya sebagai

Culture consists of patterns, explicit and implicit of and for behaviour acquired and transmitted by symbols, constituting the distinctive achievement of human groups, including their embodiment in artefacts; the essential core of culture consists of traditional (i.e., historically derived and selected) ideas and especially their attached values. Culture systems may, on the one hand, be considered as products of action, on the other hand, as conditioning elements of future action.

Berdasarkan pandangan yang diberikan oleh Kroeber & Kluckhohn (1952:181 dlm. Katan, 2003:25), budaya didefinisikan sebagai corak tingkah laku, nilai dan idea yang dipelajari serta dikongsi oleh sesebuah masyarakat. Namun, pandangan yang diberikan oleh Newmark (1988) lebih menekankan budaya yang diaplikasikan ke dalam konteks bidang terjemahan dan bahasa. Maka, bagi memahami konteks budaya, pandangan yang diberikan oleh Louis Kroeber & Clyde Kluckhohn (1952:181 dlm. Katan, 2003:25) adalah lebih tepat dan meluas sebelum budaya difahami atau dipelajari diaplikasikan terhadap konteks terjemahan seperti yang diketengahkan oleh Newmark (1988) dan Nida (2003).

Berdasarkan definisi budaya yang diberikan, dapat dirangkumkan bahawa budaya adalah nilai, adat resam, pemikiran, tingkah laku, barang dan lain-lain yang dihasilkan oleh sebuah masyarakat dan hanya dapat difahami oleh individu yang mengamalkan budaya sahaja. Walau bagaimanapun, kajian ini mengemukakan perspektif berbeza kerana mereka beranggapan bahawa budaya hanya dikhususkan untuk kelompok asal. Jika sarjana terdahulu (seperti Kroeber & Kluckhohn 1952:181 dlm. Katan, 2003:25; Aririguzoh, 2022; Stephenson, 2023; Bihari, 2023; Kucharska & Bedford, 2023) melihat budaya hanya difahami oleh masyarakat yang mengamalkan dan mempelajari budaya sahaja, tetapi kajian ini mengemukakan bahawa budaya sebenarnya bersifat dinamik dan terbuka. Hal ini menunjukkan budaya bukan hanya sekadar warisan bagi sesebuah masyarakat, tetapi juga merupakan satu ilmu dan amalan yang boleh dipelajari, difahami dan diadaptasi oleh masyarakat yang datang daripada

latar belakang yang berbeza. Hal ini kerana, apabila sesuatu budaya itu “dipelajari oleh sesebuah masyarakat”, maka secara tidak langsung budaya juga bersifat terbuka kerana mampu dipelajari dan dihayati oleh setiap individu apabila mereka berinteraksi dalam kelompok masyarakat yang mempelajari budaya ini. Budaya terdiri daripada dua komponen iaitu konkrit dan abstrak, yang merangkumi (i) objek buatan manusia yang menggambarkan sesebuah masyarakat dan (ii) abstrak yang mempengaruhi tingkah laku manusia (Norhazlina, 2015).

Budaya material dan bukan material merupakan dua bentuk budaya yang diamalkan (Arnida & Lubna, 2021) oleh sesebuah masyarakat. Budaya material adalah seperti pakaian, alatan, perkakas, perhiasan, perabot, bangunan dan peralatan (Keai, 2021) yang dihasilkan manusia, manakala objek material menjadi sebahagian daripada budaya hanya apabila ia diberikan makna oleh masyarakat itu sendiri. Contohnya, seketul batu yang terletak di padang tidak membawa sebarang makna sehinggalah ia digunakan untuk dijadikan alatan atau sebagai bahan binaan (Norhazlina, 2015), melainkan digunakan untuk membina binaan seperti *Tembok Besar Cina*. Batu tidak mempunyai sebarang makna budaya (Norhazlina, 2015) tetapi batu mempunyai nilai budaya apabila digunakan untuk membina *Tembok Besar Cina* sehinggalah menjadi simbol warisan budaya dan daya tahan bagi negara Cina (Anthony, 2025). Jika dilihat, *Tembok Besar Cina* merupakan satu simbol binaan bagi budaya material di negara itu.

Budaya bukan material merangkumi norma, undang-undang, kepercayaan, pengetahuan dan nilai yang tidak dapat dilihat secara fizikal (Gerritsen & Riello, 2021 dlm Keai, 2021) yang dinamakan sebagai komponen abstrak. Nilai dan norma setiap masyarakat adalah berbeza (Norhazlina, 2015). Dalam konteks ini, nilai merupakan idea yang dikongsi secara bersama mengenai apa yang boleh, dikehendaki atau yang penting bagi sesebuah masyarakat (Norhazlina, 2015). Idea yang dikongsi seterusnya menjadi asas kepada pembentukan norma, iaitu peraturan sosial yang mampu membimbing tingkah laku individu bagi menangani situasi tertentu. Secara ringkasnya, norma merupakan sebuah peraturan khusus yang membimbing sesebuah masyarakat dalam melakukan tindakan untuk menangani sesuatu situasi, manakala nilai ialah idea umum yang menyokong pembentukan norma tersebut (Norhazlina 2015). Sebagai contohnya, dalam budaya Inggeris, ucapan hello digunakan sebagai bentuk sapaan, manakala masyarakat Melayu akan bersalaman atau mengucapkan salam seperti Assalamualaikum. Kepelbagaian bentuk sapaan membuktikan bahawa norma dalam sesebuah masyarakat adalah berbeza (Norhazlina, 2015) kerana budaya yang dipelajari

dan diwarisi juga berbeza.

Dapat disimpulkan bahawa budaya merupakan satu entiti yang dinamik kerana berfungsi sebagai bahan ilmu yang (i) membolehkan proses pembelajaran dan penghayatan berlaku merentasi sempadan etnik, (ii) menjadi asas kepada proses akulturasi bagi individu yang berinteraksi dalam lingkungan masyarakat; serta (iii) boleh diadaptasikan ke dalam jati diri individu walaupun mempunyai latar belakang budaya yang berbeza.

2.2.1 Budaya dan Filem

Filem merupakan sebuah karya sastera moden yang mencerminkan realiti kehidupan dan pengalaman manusia melalui naratif, perwatakan, serta dialog antara penutur (Putri et al., 2026). Beliau turut menambah, filem juga dijadikan sebagai instrumen utama dalam menyampaikan perselisihan dan mencetuskan emosi antara penonton. Maka, untuk menyampaikan jalan penceritaan yang mampu mencetuskan emosi antara penonton, ia memerlukan kepakaran dalam bidang industri perfileman. Pengarah merupakan individu yang memikul tanggungjawab untuk mengawal nilai artistik serta dramatik sesuatu filem, serta membimbing juruteknik dan pelakon bagi merealisasikan visi penerbitan (Wahyuni et al., 2024). Contohnya, memvisualkan budaya melalui elemen seperti aspek visual, dialog, latar, dan gaya penceritaan. Dalam konteks ini, filem bukan sahaja berfungsi sebagai medium hiburan, tetapi juga sebagai alat pendidikan, dokumentasi, (Adilah & Mohd Adi Amzar, 2024), penyebaran nilai serta perluasan budaya (Noor Aziah et al., 2022). Pada masa sama, budaya tempatan juga dapat diperkenalkan kepada penonton yang mempunyai latar belakang berbeza kerana filem juga berfungsi sebagai jambatan antara budaya (Hua, 2025).

Berdasarkan pandangan yang diberikan oleh Hua (2025), dapat disimpulkan bahawa budaya tempatan dapat diperkenalkan sehingga ke peringkat global dengan menggunakan filem sebagai produk perantaraan. Contohnya, filem animasi tempatan yang mengetengahkan budaya tempatan di dalam konteks penceritaan mereka. Ini kerana, filem animasi tempatan ditonton oleh pelbagai peringkat umur dan latar belakang untuk mempelajari budaya sumber. Namun begitu, pandangan oleh Hua (2025) menunjukkan perbezaan dengan kajian ini. Ini kerana, filem bukan sahaja dijadikan sebagai jambatan antara budaya untuk memperkenalkan dan mempelajari

budaya, akan tetapi budaya yang diperkenalkan juga mampu mengelirukan penonton kerana terdapat perbezaan dari segi latar belakang.

Kepelbagaian budaya sama ada melalui fiksyen dan bukan fiksyen, dapat membentuk pandangan penonton dengan menggunakan media massa seperti filem yang dihasilkan (Harida et al., 2023). Beliau turut menambah, penggunaan audio dan visual dalam filem mampu memberikan impak positif kepada penonton bagi budaya yang dipaparkan. Ini kerana, penonton dapat memahami maklumat dengan lebih baik serta menghasilkan pandangan yang tersendiri bagi unsur budaya yang dipaparkan melalui skrin.

Kepentingan filem dalam konteks global turut dinyatakan oleh Lynn (2023). Beliau menyatakan filem berupaya untuk diketengahkan ke peringkat global tanpa mengira perbezaan latar belakang. Setiap penonton dapat mempelajari cara hidup dan budaya yang berbeza. Dalam konteks ini, filem merupakan medium yang sangat penting bagi setiap masyarakat kerana mampu menarik perhatian penonton untuk memahami perbezaan di antara dua budaya. Maka, filem yang dihasilkan sehingga ke peringkat global berfungsi sebagai jambatan yang menghubungkan sesebuah budaya.

Pandangan oleh Harida et al. (2023) menunjukkan persamaan dengan Lynn (2023). Kedua-dua sarjana ini berpandangan bahawa filem dijadikan sebagai jambatan untuk merapatkan jurang antara budaya tempatan dan penonton yang datangnya daripada kepelbagaian latar belakang. Penonton mampu memahami jalan cerita yang menengahkan unsur budaya lebih baik dengan menggunakan medium audio dan visual. Namun begitu, pandangan oleh Harida et al. (2023) serta Lynn (2023) mengenai budaya dalam filem adalah berbeza dengan kajian ini. Filem bukan sahaja sebagai jambatan antara budaya tetapi juga sebagai “utusan budaya” pada peringkat global. Kepelbagaian unsur budaya seperti bahasa, adat resam, dan kepercayaan yang mewakili masyarakat budaya sumber diketengahkan dalam filem yang dihasilkan. Contohnya, penyebaran imej dan identiti budaya Melayu ke peringkat global melalui filem animasi *Upin & Ipin: Keris Siamang Tunggal* (Wan Halizawati, 2021).

Berdasarkan pandangan dari Wan Halizawati (2021), dapat dirumuskan bahawa filem animasi tempatan seperti *Upin & Ipin: Keris Siamang Tunggal*, merupakan filem animasi yang berjaya memperkenalkan imej dan identiti budaya Melayu ke peringkat antarabangsa. Dalam masa sama, seni Melayu dapat dipromosikan, serta meluaskan pengetahuan mengenai keunikan seni dan budaya tempatan di persada dunia.

Dalam kajian ini, budaya dan filem saling melengkapi antara satu sama lain kerana filem bertindak sebagai medium yang tepat untuk mempromosikan budaya tempatan ke peringkat global. Filem yang mengangkat budaya tempatan bukan sahaja dapat menarik perhatian penonton untuk menonton, malah turut membantu penonton memahami dan mempelajari kepelbagaian budaya tempatan sekali gus membuka minda mereka tentang keunikan budaya tersebut.

2.3 Terjemahan Budaya

Terjemahan budaya bukan sekadar melibatkan pemindahan unsur linguistik antara dua bahasa, tetapi ia juga adalah satu proses kompleks kerana memerlukan pemahaman yang mendalam terhadap budaya, konteks, serta perbezaan linguistik antara bahasa sumber dan bahasa sasaran (Nasution & Kharisma, 2024). Dalam konteks sari kata, setiap penyari kata perlu memahami setiap istilah budaya secara menyeluruh (Al-Harashsheh & Alhourani, 2024) bagi memastikan mesej, nilai dan konteks asal diterjemahkan dengan tepat ke dalam bahasa sasaran. Ini selaras dengan kenyataan Nida (1945:194) yang menyatakan

The person who is engaged in translating from one language into another ought to be constantly aware of the contrast in the entire range of culture represented by the two languages.

Definisi ada persamaannya dengan definisi budaya yang menganggap terjemahan budaya sebagai

there is cultural focus, there is a translation problem due to the cultural 'gap' or 'distance' between the source and target languages.
(Newmark, 1988:94)

Seiring dengan perkembangan kemajuan teknologi, terjemahan budaya menjadi satu keperluan bagi komunikasi yang merentas budaya seperti pandangan yang dikemukakan oleh Bassnett (2014:1) yang mentakrifkan terjemahan sebagai

Translation today is an increasingly common human condition, and the rapid rise of electronic media has also served to heighten awareness of the importance of communicating across cultural.

Definisi terjemahan budaya yang diberikan oleh Bassnett (2014:1), menunjukkan terjemahan budaya merupakan satu keperluan bagi komunikasi dan semakin menjadi satu keperluan seiring dengan perkembangan media elektronik. Pendekatan oleh Bassnett (2014:1) mengatakan terjemahan budaya adalah satu jambatan yang menghubungkan antara budaya di dalam konteks global. Walau

bagaimanapun, pendekatan Bassnett (2014:1) lebih tertumpu kepada kepentingan terjemahan dan kurang membincangkan peranan penterjemah sebagai individu yang membuat keputusan dalam proses terjemahan seperti yang diperincikan oleh Katan (2003:16), yang mendefinisikan terjemahan budaya sebagai

Cultural Interpreting is defined as “communication of conceptual and cultural factors that are relevant to the given interaction as part of the lingualtransmission”. The important thing to keep in mind here is that the interpretation conveys messages in a way appropriate to the language and cultural frameworks involved. This means making choices – e.g., between literal or idiomatic usage – according to those factors as well as according to the situation. Cultural Interpretation did not simply come to be, but has a basis in theory and experience.

Takrifan yang diperincikan oleh Katan (2003:16) menunjukkan terjemahan budaya adalah satu proses komunikasi yang melibatkan pemindahan linguistik dan konseptual yang merentas budaya. Dalam konteks ini, setiap penterjemah perlu membuat pilihan yang strategik seperti literal atau idomatik berdasarkan konteks, situasi dan rangka budaya yang terlibat. Pada masa yang sama, Katan (2003:16) turut menegaskan bahawa setiap budaya yang diterjemahkan memerlukan pengalaman serta kecekapan penterjemah dalam menterjemah dua budaya yang berbeza, bagi menunjukkan kekuatan definisi yang dikemukakan oleh Katan (2003:16). Pandangan oleh Katan (2003:16) menunjukkan persamaan dengan sarjana dalam bidang TAV yang mentakrifkan terjemahan budaya sebagai

Two different languages are concerned and the devices that involve conceptualising one domain of experience in terms of another depend on the knowledge of the two different cultures (Caimi, 2009:243).

Dalam bidang TAV, Caimi (2009:243) menegaskan bahawa penterjemah yang juga seorang pengantara memerlukan pengetahuan serta pengalaman dalam menterjemah kedua-dua budaya dalam bahasa sumber dan bahasa sasaran.

Perbandingan antara Newmark (1988:94), Bassnett (2014:1), Katan (2003:16) serta Caimi (2009:243) menunjukkan bahawa budaya yang diterjemah mampu difahami daripada empat sudut iaitu jurang budaya (Newmark, 1988:94), keperluan komunikasi global (Bassnett, 2014:1), proses perantaraan budaya yang dinamik (Katan, 2003:16) serta perbezaan dua bahasa dan budaya (Caimi, 2009:243). Berdasarkan pandangan daripada keempat-empat sarjana ini, dapat dirumuskan bahawa terjemahan budaya merupakan proses yang begitu mencabar kerana adanya jurang perbezaan di antara kedua-dua budaya. Walaupun berfungsi sebagai medium perantaraan dalam komunikasi global, pengalaman dan kecekapan dalam menterjemah budaya ke dalam

bahasa sasaran mampu memberikan impak kepada keberkesanannya.

Namun begitu, dalam kajian ini menunjukkan perbezaan dengan sarjana terjemahan (seperti Katan, 2003; Caimi, 2009) yang menyatakan penterjemah memerlukan pengalaman dalam menterjemah budaya ke dalam bahasa sasaran. Ini kerana, menurut pandangan kajian ini, penterjemah amatur atau baharu juga adalah seorang penterjemah biarpun tidak mempunyai pengalaman dalam aktiviti terjemahan. Hal ini kerana, penterjemah amatur dalam era digital memiliki pengetahuan dua budaya dalam menterjemahkan ke dalam bahasa sasaran dengan menggunakan teknologi yang semakin berkembang. Ini memudahkan penterjemah amatur untuk menghasilkan terjemahan budaya ke dalam bahasa sasaran. Oleh itu, penterjemah amatur juga berupaya untuk menghasilkan terjemahan budaya walaupun tidak mempunyai sebarang pengalaman seperti yang dinyatakan oleh (Katan, 2003; Caimi, 2009), budaya yang diterjemah ke dalam bahasa sasaran memerlukan penterjemah yang berpengalaman.

Penterjemah amatur atau profesional masih dikenali sebagai pengantara budaya (*culture mediator*) yang berfungsi sebagai jambatan untuk memudahkan interaksi komunikasi penutur yang berbeza latar belakangnya (Taft, 1981, dlm. Katan, 2003; Cherouana, 2023; Vaccarelli, 2024). Dalam konteks ini, pengalaman peribadi dimanfaatkan oleh setiap pengantara dalam menterjemah budaya ke dalam bahasa sasaran, tanpa menyeleweng makna atau mesej dalam bahasa sasaran Rustamovna (2025). Pandangan yang diberikan oleh Rustamovna (2025) dapat mengukuhkan pandangan kajian ini iaitu penterjemah amatur juga dapat diberi ruang dalam menterjemah budaya ke dalam bahasa sasaran. Hal ini kerana, penterjemah amatur dalam perkembangan digital memiliki pengetahuan budaya yang diperolehi melalui penggunaan teknologi, sekali gus membolehkan mereka mengembangkan kebolehan untuk terlibat dalam aktiviti terjemahan sebelum menjadi penterjemah profesional.

Dalam menterjemah budaya ke dalam bahasa sasaran adalah tidak mudah bagi setiap penterjemah atau pengantara kerana mereka perlu menghadapi cabaran ketidakbolehterjemahan budaya (*cultural untranslatability*) yang terbahagi kepada dua kategori, iaitu (i) ketidakboleh terjemah linguistik (*Linguistic untranslatability*) serta ketidakboleh terjemah budaya (*Cultural untranslatability*) (Catford, 1965). Ketidakboleh terjemah linguistik berlaku apabila ciri bahasa dalam teks sumber seperti struktur tatabahasa, kata, atau gaya bunyi bergantung sepenuhnya dengan bahasa sumber yang menjadikan unsur tersebut tidak diterjemah ke dalam teks sasaran kerana tidak mempunyai padanan yang tepat. Ketidakboleh terjemah budaya (*Cultural*

untranslatability) pula berlaku apabila unsur budaya dalam bahasa sumber tidak wujud atau tidak mempunyai sebarang padanan dengan budaya dalam bahasa sasaran. Pada masa sama, setiap penterjemah mampu menangani masalah dalam menterjemah budaya dengan menggunakan padanan paling hampir (Nida, 1969 dlm Huang, 2021) untuk menterjemah elemen budaya seperti adat resam, dialek, dan humor (Wan Halizawati, 2021). Walau bagaimanapun, penggunaan padanan paling hampir juga tidak mudah kerana penterjemah perlu berkemahiran mengekalkan makna atau mesej dalam bahasa sumber ke dalam bahasa sasaran untuk memastikan penonton memahami jalan penceritaan pada skrin.

Unsur budaya yang diterjemahkan ke dalam sari kata dapat diukur berdasarkan parameter yang diketengahkan oleh Pedersen (2011) iaitu (i) transkulturasi, (ii) monobudaya, dan (iii) infrabudaya. Transkulturasi merujuk kepada unsur budaya yang dikongsi atau dikenali oleh kedua-dua budaya sumber dan sasaran, sekali gus memudahkan proses terjemahan. Seterusnya, monobudaya merupakan budaya yang hanya wujud dalam budaya sumber sahaja, dan tidak dikenali oleh pembaca sasaran. Manakala infrabudaya pula merujuk kepada budaya sumber yang sangat khusus dan mungkin tidak diketahui oleh semua masyarakat budaya asal.

Dalam kajian ini, terjemahan budaya merupakan pemindahan budaya sumber ke dalam bahasa sasaran dengan mengekalkan makna atau mesej di dalam bahasa sumber. Penterjemah merupakan individu yang memainkan peranan dalam menghasilkan terjemahan budaya dengan tepat. Unsur budaya yang diterjemahkan ke dalam bahasa sasaran memerlukan pengetahuan akan kedua-dua budaya yang diterjemah ke dalam bahasa sasaran tanpa mengambil kira pengalaman penterjemah kerana dengan perkembangan teknologi, penterjemah berupaya untuk mendapatkan maklumat mengenai kedua-dua budaya tersebut. Ini kerana, penterjemah amatur juga merupakan seorang penterjemah yang mempunyai pengetahuan dalam menterjemah budaya ke dalam bahasa sasaran dengan mengekalkan makna atau mesej dalam bahasa sumber.

2.4 Prosedur Terjemahan

Hasil terjemahan yang kelihatan semula jadi dalam bahasa sasaran sehinggakan tidak kelihatan seperti sebuah teks terjemahan merupakan hasil terjemahan yang berkesan (Venuti, 1998). Ini bagi memastikan hasil terjemahan tidak kelihatan terlalu

canggung (Ahmad Jalaluddin Al-Islami, 2021) dan boleh memberikan impak positif kepada pemahaman penonton. Hasil terjemahan yang kelihatan semula jadi akan meningkatkan pemahaman penonton, oleh kerana penggunaan perkataan atau leksikal yang mudah difahami penonton. Oleh itu, setiap unsur budaya dalam bahasa sumber yang diterjemahkan ke dalam bahasa sasaran perlu kelihatan semula jadi agar mudah difahami dengan menggunakan prosedur atau strategi terjemahan yang terbukti berkesan.

Prosedur dan strategi terjemahan merupakan satu keperluan dalam terjemahan bagi memastikan ketepatan makna budaya yang diterjemahkan ke dalam bahasa sasaran. Namun, prosedur dan strategi terjemahan adalah berbeza kerana prosedur terjemahan merupakan teknik menterjemah unit kecil seperti kata, frasa, atau ungkapan, manakala strategi terjemahan merupakan pendekatan keseluruhan terhadap teks (Newmark, 1988). Oleh itu, unsur budaya dalam bahasa sumber yang diterjemahkan ke dalam bahasa sasaran perlu diterjemah dengan menggunakan prosedur atau strategi terjemahan yang bersesuaian. Prosedur terjemahan memainkan peranan penting bagi memastikan padanan makna dan ekspresi, penyampaian elemen budaya, peningkatan kualiti terjemahan serta dapat menangani proses dalam terjemahan budaya (Sakareva, 2023; Babayev & Alaviyya, 2023).

Penguasaan prosedur terjemahan adalah satu keperluan bagi setiap penterjemah sebelum menghasilkan terjemahan. Ini selaras dengan kenyataan yang diberikan oleh Newmark (1988) yang menyatakan prosedur terjemahan adalah satu operasi yang dimulai dengan pendekatan. Berdasarkan pandangan yang diberikan oleh Newmark (1988), jelas menunjukkan prosedur terjemahan adalah satu proses yang perlu dilalui serta dikuasai oleh setiap penterjemah sebelum menghasilkan terjemahan.

Prosedur terjemahan oleh Newmark (1988) dalam bukunya; *A Textbook of Translation* yang menyetengahkan 18 prosedur terjemahan merupakan pendekatan terjemahan yang paling lengkap bagi unsur budaya yang diterjemahkan ke dalam bahasa sasaran (Malenova, 2015). Walaupun unsur budaya yang diterjemah ke dalam sari kata sering kali mencabar kerana jurang budaya serta kekangan aspek teknikal, akan tetapi prosedur terjemahan yang diketengahkan oleh Newmark (1988) mampu digunakan bagi menyelesaikan masalah dalam menterjemah budaya (Nugraheni, 2025).

Prosedur terjemahan juga dikenali sebagai kaedah terjemahan untuk menangani perbezaan struktur bahasa. Maka dengan itu, Vinay & Darbelnet (1995) dalam bukunya *Comparative Stylistics of French and English* menyetengahkan dua kaedah terjemahan

iaitu terjemahan langsung dan terjemahan tidak langsung. Terjemahan langsung terbahagi kepada tiga iaitu (i) pinjaman, (ii) peniruan, dan (iii) terjemahan literal, manakala terjemahan tidak langsung terbahagi kepada empat iaitu (iv) transposisi, (v) modulasi, (vi) persamaan dan (vii) adaptasi.

1. Pinjaman merupakan prosedur yang digunakan oleh penterjemah apabila ketiadaan padanan makna dalam bahasa sasaran terutama sekali apabila melibatkan istilah atau konsep baharu dalam bahasa sasaran (Vinay & Darbelnet, 1995:31). Prosedur terjemahan pinjaman juga digunakan apabila terdapat perbezaan lingkungan, budaya atau pandangan hidup antara penutur bahasa sumber dan bahasa sasaran (Ahmad Jalaluddin Al-Islami et al., 2021).
2. Peniruan berlaku apabila perkataan atau frasa dalam bahasa sumber dipinjamkan ke dalam bahasa sasaran yang diterjemahkan secara literal mengikut unsurnya (Vinay & Darbelnet, 1995:32). Peniruan leksikal dan peniruan struktur merupakan dua jenis peniruan yang diketengahkan oleh Vinay & Darbelnet (1995). Peniruan leksikal merupakan bahasa sumber yang diterjemahkan ke dalam bahasa sasaran secara literal dengan mengekalkan struktur tatabahasa bahasa sasaran (Vinay & Darbelnet, 1995). Peniruan struktur pula adalah hasil terjemahan mengikut struktur bahasa sumber dengan menggunakan perkataan dalam bahasa sasaran (Ahmad Jalaluddin Al-Islami et al., 2021).
3. Terjemahan literal atau kata demi kata ialah pemindahan teks daripada bahasa sumber ke dalam bahasa sasaran dengan menyesuaikan aspek tatabahasa dalam bahasa sasaran (Vinay & Darbelnet, 1995:33). Dalam kaedah ini, perkataan atau frasa yang diterjemah tidak melalui sebarang perubahan yang besar terhadap struktur atau susunan (Ahmad Jalaluddin Al-Islami et al., 2021).
4. Transposisi adalah prosedur terjemahan dengan menukarkan kelas kata seperti kata nama kepada kata kerja atau kata sifat kepada penerang tanpa mengubah sebarang mesej dalam bahasa sumber (Vinay & Darbelnet, 1995:36).
5. Modulasi ialah perubahan mesej dengan mengubah cara penyampaian apabila penterjemah menggunakan terjemahan literal atau transposisi yang menjadikan hasil terjemahan kelihatan tidak semula jadi atau janggal (Vinay & Darbelnet, 1995:36). Beliau turut menambah, modulasi menghasilkan terjemahan yang lebih idiomatik dan mudah difahami oleh pembaca sasaran tanpa mengubah sebarang mesej dalam bahasa sumber. Contohnya, menterjemah ujaran lisan,

simpulan bahasa, bentuk idiomatik dan sebagainya (Ahmad Jalaluddin Al-Islami et al., 2021).

6. Persamaan merupakan satu situasi yang sama diterjemahkan menjadi dua teks yang berbeza dari segi gaya dan struktur bahasa, namun masih mengekalkan mesej dalam bahasa sumber (Vinay & Darbelnet, 1995:38). Persamaan terdekat merupakan persamaan yang paling hampir dengan maknanya (Ahmad Jalaluddin Al-Islami et al., 2021).
7. Adaptasi merupakan kaedah terjemahan yang dianggap paling bebas (Ahmad Jalaluddin Al-Islami et al., 2021). Hal ini kerana, adaptasi diaplikasikan apabila situasi dalam bahasa sumber tidak wujud dalam budaya bahasa sasaran sehinggakan penterjemah mencipta situasi baharu dengan menyesuaikan makna dan fungsi (Vinay & Darbelnet, 1995:39).

Dalam buku *The Translator's Invisibility* terdapat dua strategi terjemahan yang diketengahkan oleh Venuti (2008) iaitu (i) *domestication* dan (ii) *foreignization*. Beliau mendefinisikan terjemahan sebagai proses interpretasi yang melibatkan penggantian simbol atau bentuk bahasa sumber kepada simbol yang sama dalam bahasa sasaran. Mentafsir makna, konteks dan mesej asal dengan tepat merupakan satu proses yang perlu dilalui oleh setiap penterjemah sebelum disampaikan kepada pembaca sasaran. Dalam masa sama, aspek budaya, norma bahasa serta tahap pemahaman pembaca sasaran juga merupakan antara isu yang perlu diberi perhatian oleh penterjemah. Ini bagi memastikan setiap mesej yang diterjemah menjadi jelas, diterima dan tidak menyimpang daripada mesej asal. Maka, bagi menangani masalah dalam menterjemah istilah-istilah budaya, Venuti (1995) mengemukakan dua strategi terjemahan iaitu *domestication* dan *foreignization*.

1. *Domestication* merupakan strategi terjemahan yang digunakan dengan menyesuaikan nilai budaya dalam bahasa sumber sehingga hasil terjemahan terlihat hampir dengan budaya dalam bahasa sasaran (Venuti, 1995:22). *Domestication* juga digunakan oleh penterjemah dengan merapikan elemen asing bagi memastikan pembaca atau penonton sasaran tidak merasakan jurang budaya dalam hasil terjemahan yang dilakukan (Norhazlina, 2021).
2. *Foreignization* adalah mengubah hasil terjemahan dan pentafsiran (Venuti, 1995:24). Pendekatan ini digunakan dengan mengekalkan budaya sumber, namun struktur teks disesuaikan mengikut bahasa sasaran (Norhazlina, 2021). Sehubungan itu, pemilihan prosedur terjemahan yang tepat bukan sekadar isu

teknikal, tetapi turut mempengaruhi penyampaian makna, ekspresi budaya dan kualiti keseluruhan terjemahan (Juliana et al., 2021; Sakareva, 2023). Dalam konteks penarikataan filem dan animasi, penterjemah perlu membuat keputusan yang teliti bagi memastikan mesej dapat disampaikan secara ringkas, jelas dan sesuai dengan konteks budaya penonton sasaran. Oleh itu, penguasaan terhadap pelbagai prosedur terjemahan membolehkan penterjemah menyesuaikan pendekatan mengikut keperluan teks, sekali gus tercetusnya hasil padanan terjemahan yang lebih tepat dan berfungsi.

Dalam kajian ini, prosedur terjemahan merupakan proses yang perlu dilalui oleh setiap penterjemah dalam mengekalkan makna yang diterjemahkan ke dalam bahasa sasaran. Dalam memilih prosedur atau strategi, penterjemah perlu melakukan pemilihan yang tepat kerana hasilnya akan mempengaruhi pengalaman penonton sasaran.

2.5 Terjemahan Audiovisual

Istilah *audiovisual* merangkumi dua komponen utama, iaitu audio dan visual (Chiaro, 2013; Nesirli, 2025). Dalam konteks ini, filem, rancangan televisyen, video pemasaran, kandungan e-pembelajaran, iklan dan laman sesawang merupakan antara produk audiovisual (Ibrahim & Saadi, 2024; Mudawe et al., 2024) kerana kesemuanya menggabungkan elemen bunyi dan imej sebagai medium komunikasi. Setiap produk audiovisual menggunakan teknologi secara sepenuhnya. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Chiaro (2013:1)

Audiovisual products are typically created with the support of technological apparatus. Movie making traditionally involves the use of cameras and celluloid, the creation of Web pages requires a computer and specialized software, and so on. Similarly, many audiovisual products are also consumed by means of diverse technological media. Cinema screens, television sets, computers, and video-game consoles are examples of equipment normally adopted in order to make use of audiovisuals. Furthermore, filmic products can be accessed by means of terrestrial, satellite or cable networks, in DVD format or in streaming from a computer connected to the World Wide Web.

Kenyataan yang diberikan oleh Chiaro (2013:1) menunjukkan bahawa setiap produk audiovisual dihasilkan secara sepenuhnya dengan menggunakan teknologi.

Pada masa sama, teknologi juga digunakan untuk mengakses produk audiovisual dengan menggunakan skrin pawagam, televisyen, komputer dan permainan video, selain diedarkan melalui rangkaian terestrial, satelit atau kabel, sama ada dalam format fizikal seperti DVD atau melalui penstriman dalam talian.

Kebergantungan terhadap teknologi menjadikan TAV suatu bidang terjemahan yang unik dan berbeza dengan terjemahan teks. Hal ini kerana, terjemahan teks hanya melibatkan pemindahan bahasa sumber ke dalam bahasa sasaran sahaja, namun berbeza dengan TAV. Ini kerana, TAV merupakan pemindahan audio dan visual ke dalam bahasa sasaran. Setiap audiovisual yang diterjemahkan ke dalam bahasa sasaran mementingkan pelarasan perkataan dan visual (Mohamed & Noor, 2025). Terjemahan skrin atau terjemahan filem merupakan antara istilah yang juga digunakan dalam bidang TAV (Essays UK, 2018, dalam. Mudawe et al., 2024). Namun begitu, pandangan oleh Essays UK (2018, dalam. Mudawe et al., 2024) mengenai penggunaan istilah kurang dipersetujui dengan pandangan bagi kajian ini. Ini kerana, terjemahan filem kurang bersesuaian jika perlu menterjemah drama ke dalam bentuk TAV kerana terjemahan filem hanya untuk filem yang diterjemah ke dalam bentuk TAV. Maka, kajian ini berpandangan bahawa istilah TAV lebih bersesuaian sebagai istilah kerana ia mencakupi keseluruhan produk audiovisual. Ini selaras dengan pandangan daripada sarjana dalam bidang TAV Karamitroglou (2000) yang menyatakan istilah TAV lebih sesuai digunakan kerana mencakupi keseluruhan dimensi audiovisual.

TAV merupakan penterjemahan audiovisual (seperti produk audiovisual) yang mana kata-katanya bukan bersifat mandiri, tapi dibantu oleh elemen lain seperti gambar dan bunyi (Diaz-Cintas & Remael, 2006 dlm. Mudawe et al., 2024). Definisi TAV oleh Diaz-Cintas & Remael (2006 dlm. Mudawe et al., 2024) selari dengan Chiaro (2013) yang melihat TAV sebagai proses pemindahan verbal yang terdapat dalam produk audiovisual yang menukarkan satu bahasa ke bahasa yang lain.

Berdasarkan definisi TAV yang diberikan oleh Diaz-Cintas & Remael (2006 dlm. Mudawe et al., 2024) serta Chiaro (2013), dapat dirangkumkan bahawa TAV ialah pemindahan bahasa dalam produk audiovisual seperti filem, rancangan televisyen, drama dan sebagainya dalam verbal dan bukan verbal yang diterjemahkan ke dalam bentuk TAV. Ini menunjukkan perbezaan ketara dengan terjemahan teks kerana TAV perlu melalui pelbagai aspek teknikal terlebih dahulu seperti sinkronasi atau pelarasan.

Sinkronasi verbal dan bukan verbal merupakan komponen penting dalam TAV (Matkivska , 2014 dalam Mudawe et al., 2024:53). Ini bermakna, setiap hasil

terjemahan perlu selari dengan pergerakan bibir bagi bentuk terjemahan alih suara (Chaume, 2006), atau paparan sari kata selari dengan paparan visual pada skrin (Al-Harashsheh & Alhourani, 2024). Jika hasil terjemahan tidak selari dengan paparan visual, ia akan menjejaskan pemahaman penonton yang melihat hasil terjemahan melalui skrin. Berdasarkan pandangan atau definisi yang diberikan oleh sarjana, dapat dirangkumkan bahawa TAV merupakan satu bentuk terjemahan yang menggunakan produk audiovisual atau sebarang produk yang dipaparkan pada skrin dalam verbal atau bukan verbal yang menterjemahkan bahasa sumber ke dalam bentuk TAV iaitu dalam bahasa sasaran. Pada masa sama, setiap produk audiovisual yang diterjemahkan ke dalam bahasa sasaran mementingkan pelarasan.

TAV bukan sahaja memindah perkataan ke dalam bahasa sasaran tetapi turut menterjemah imej, muzik, simbol (Nesirli, 2025), bahasa, budaya, imej, bunyi, warna, kinesik dan naratif (Wan Halizawati, 2021; Sakareva, 2023) yang dikira sebagai bentuk bukan verbal (Chaisiri & Rattanakantadilok, 2022). TAV juga bukan sahaja memindahkan perkataan, tetapi juga melibatkan unsur budaya yang terdapat di dalam sesebuah filem.

Dalam konteks ini, budaya dalam filem dapat disebarkan melalui terjemahan, khususnya dalam bentuk audiovisual. Setiap hasil terjemahan mementingkan pengekalan makna dan budaya dalam bahasa sumber (Al-Harashsheh & Alhourani, 2024). Namun begitu, pandangan oleh Al-Harashsheh & Alhourani (2024), kurang dipersetujui dalam kajian ini. Hal ini kerana, disebabkan kekangan aspek teknikal, ia menyebabkan terdapat sebahagian perkataan digugurkan bagi memenuhi aspek teknikal dalam TAV. Maka, apabila sebahagian perkataan digugurkan, unsur budaya juga tidak dapat diterjemah dengan tepat.

Perbincangan mengenai klasifikasi teks turut memperlihatkan perbezaan pendekatan sarjana dalam memahami sifat audiovisual seperti Jakobson (1959 dlm Díaz Cintas & Remael, 2021) yang membahagikan terjemahan kepada tiga jenis TAV, iaitu;

1. Terjemahan Interlingual merupakan pemindahan mesej atau makna dari satu bahasa dalam bahasa sumber ke bahasa yang lain dalam bahasa sasaran secara tepat.
2. Terjemahan Intralingual merupakan pemindahan mesej atau makna dalam bahasa sumber ke dalam bahasa yang sama dengan bahasa sumber. Dalam TAV, intralingual digunakan bagi OKU masalah pendengaran, khususnya dalam

bentuk sari kata.

3. Terjemahan Intersemiotik atau transmutasi, iaitu teks bertukar menjadi imej, simbol, dan bunyi.

Selain itu, Reiss (1971/2000 dlm Díaz Cintas & Remael, 2021), turut memperkenalkan tiga jenis teks iaitu;

1. Teks berfokuskan kandungan
2. Teks berfokuskan bentuk
3. Teks berfokuskan daya tarikan

Namun begitu, jenis teks yang diperkenalkan oleh Reiss (1971/2000 dlm Díaz Cintas & Remael, 2021), menunjukkan perbezaan dengan Jakobson (1959 dlm Díaz Cintas & Remael, 2021), apabila menambah satu lagi kategori yang dikenali sebagai teks audiomedial. Teks audiomedial merupakan kebergantungan kepada media bukan linguistik (teknikal) serta jenis ekspresi grafik, akustik dan visual. Contohnya, skrip radio dan televisyen, lagu, muzikal, opera, serta drama pentas. Beliau turut menambah, teks audiomedial ditujukan kepada pendengar, kerana ia ditulis untuk dituturkan atau dinyanyikan. Maka, teks yang dihasilkan tidak dibaca oleh pendengar, sebaliknya didengari oleh pendengar.

Walau bagaimanapun, pandangan Reiss (1971/2000 dlm Díaz Cintas & Remael, 2021) kurang dipersetujui dengan pandangan kajian ini kerana kurang sesuai diaplikasikan ke dalam konteks TAV. Hal ini demikian kerana, klasifikasi kurang menekankan terhadap pengamalan penonton, sedangkan di situlah dapat menilai ketepatan serta kualiti bagi sesebuah produk TAV. Pandangan mengenai Reiss (1971/2000 dlm Díaz Cintas & Remael, 2021) dalam kajian ini selari dengan pandangan Díaz-Cintas & Remael (2021) yang turut mengkritik taksonomi Reiss. Menurut beliau, taksonomi oleh Reiss kurang sesuai digunakan dalam konteks TAV moden, khususnya sari kata dan alih suara, kerana lebih menumpukan kepada aspek pendengaran berbanding pengalaman penonton.

Bertitik tolak kepada tiga jenis yang diketengahkan oleh Reiss (1971/2000 dlm Díaz Cintas & Remael, 2021), empat kelas teks yang berbeza dibangunkan oleh Snell-Hornby (2006:84 dalam Díaz Cintas & Remael, 2021:5) iaitu;

1. Teks multimedia (*Multimedia texts* atau audiovisual) ialah teks yang menggunakan media elektronik yang melibatkan kedua-dua penglihatan dan bunyi. Contohnya, filem, televisyen, sub-/surtitling, dan sebagainya.
2. Teks multimodal (*Multimodal texts*) melibatkan mod ekspresi lisan dan bukan

lisan yang berbeza. Teks multimodal melibatkan penglihatan dan bunyi, seperti dalam drama dan opera.

3. Teks multisemiotik (*Multisemiotic texts*) menggunakan sistem tanda grafik yang berbeza seperti lisan dan bukan lisan. Contohnya, komik atau iklan percetakan.
4. Teks audiomedia (*Audiomedial texts*) ialah teks yang ditulis untuk perucapan, bagi mencapai keputusan. Contohnya perucapan politik dan kertas akademik.

Berdasarkan empat jenis teks yang diketengahkan oleh Snell-Hornby (2006 dlm Díaz Cintas & Remael, 2021), filem dikategorikan sebagai teks multimedia. Ini kerana, filem merupakan media elektronik yang digunakan sebagai bentuk TAV. Berdasarkan pandangan yang dikemukakan oleh sarjana terhadap jenis teks TAV, dapat dirangkumkan bahawa filem merupakan teks multimedia kerana menggunakan media elektronik. Hal ini kerana, setiap filem dihasilkan dengan menggunakan pelbagai teknologi serta penonton juga perlu menggunakan teknologi untuk mengakses filem.

Dalam kajian ini, TAV memainkan peranan yang penting dalam industri perfileman khususnya buat golongan OKU masalah pendengaran (Valdeón, 2022). Dua bentuk sari kata yang popular digunakan dalam industri perfileman adalah sari kata dan alih suara (Gottlieb 1994; Sakareva, 2023; Marufjon, 2023; Ibrahim & Saadi, 2024; Nesirli, 2025), walaupun terdapat pelbagai bentuk TAV seperti (i) sari kata (*subtitling*) (ii) alih suara (*dubbing*) (iii) suara latar (*voice-over*) (iv) naratif (*narration*) (v) interpretasi (*interpreting*) dan (xi) sari kata pentas (*surtitling*), namun, faktor ekonomi menyebabkan sari kata lebih banyak digunakan berbanding alih suara (Nesirli, 2025) kerana kos penghasilan alih suara adalah sekitar 10 hingga 15 kali ganda lebih tinggi berbanding sari kata (Luyken, 1991). Perbezaan ini bukan sahaja melibatkan aspek kos, malah turut mempengaruhi pengeluaran dan pengalaman penonton (Marufjon, 2023).

2.5.1 Sari Kata

Dalam konteks TAV, sari kata merupakan pemindahan dialog atau budaya dalam bahasa sumber yang diterjemahkan kepada bentuk teks dalam bahasa sasaran (Putriani & Basari 2023; Sakareva, 2023) yang terletak pada bahagian bawah skrin untuk membantu dan memberikan maklumat tambahan kepada penonton bagi memahami jalan penceritaan dengan lebih baik (Huang & Wu, 2023). Definisi yang dikemukakan menunjukkan sari kata berfungsi sebagai bentuk TAV yang membantu

meningkatkan pemahaman, khususnya penonton yang kurang memahami bahasa sumber. Walau bagaimanapun, definisi yang dikemukakan masih kurang menggambarkan kerumitan sari kata dalam bentuk TAV. Ini selaras dengan kenyataan oleh Gottlieb (1994:101) yang mendefinisikan sari kata sebagai;

amphibion' practice because it 'flows' with the current of speech, defining the pace of reception; it jumps at regular intervals, allowing a new text chunk to be read; and flying over the audiovisual landscape, it does not mingle with the human voices of that landscape: instead it provides the audience with a bird's-eye view of the scenery

Istilah “*amphibion practice*” yang diketengahkan oleh Gottlieb menunjukkan sari kata bergerak secara selari dengan ujaran dialog dan tempoh paparan sari kata mengikut tempoh pembacaan penonton. Walaupun sari kata merupakan bentuk TAV, tetapi ia tidak menggantikan suara asal. Ini kerana, sari kata merupakan bentuk TAV yang terletak pada bahagian bawah skrin dengan mengekalkan suara asal. Namun begitu, definisi sari kata oleh Gottlieb (1994:101) dapat dikembangkan lagi. Ini kerana, beliau hanya menyatakan ujaran dan dialog (verbal), tetapi tidak membincangkan mengenai unsur bukan verbal, sedangkan sari kata adalah bentuk TAV iaitu gabungan audio dan visual yang tidak memindahkan audio semata-mata. Maka, sari kata dalam kajian ini melibatkan pemindahan audio serta visual ke dalam bentuk teks (sari kata) yang tertelak pada bahagian bawah skrin dan bergerak secara selari dengan ujaran dialog dan paparan visual. Pandangan sari kata dalam kajian ini menunjukkan persamaan dengan Rosa (2001:213) yang menyatakan;

Subtitling is also intersemiotic translation because it transfers to written verbal language a source text which in most cases corresponds to face-to-face communication, and therefore is multi-channel and multi-code

Definisi ini ada persamaannya dengan Van de Poel & d'Ydewalle (2001:259) yang menyatakan;

Subtitling is particularly informative because it supplies the viewer with the following three different channels of information: the pictorial information, the original sound-track, and the translation of the text in the subtitles.

Pandangan yang dikemukakan oleh Rosa (2001:213) serta Van de Poel & d'Ydewalle (2001:259), menunjukkan sari kata juga merupakan terjemahan intersemiotik. Terjemahan intersemiotik ditakrifkan sebagai penggabungan unsur verbal dan bukan verbal seperti koreografi, muzik dan bentuk ekspresi lain, termasuk

bahasa yang berasaskan maklumat dan logik (Holubenko, 2022). Dalam erti kata lain, terjemahan intersemiotik tidak melibatkan pemindahan bahasa yang sama atau bahasa yang berbeza. Pendekatan oleh Rosa (2001:213) jelas menunjukkan sari kata bukan sahaja terjemahan linguistik, tetapi juga menterjemah unsur visual. Walau bagaimanapun, sari kata yang dihasilkan juga adalah tidak mudah kerana terdapat kekangan yang perlu dilalui oleh setiap penyari kata. Ini selaras dengan pandangan yang dikemukakan oleh Díaz Cintas & Remael (2007 dlm Malenova, 2017:527), yang menyatakan;

a translation practice that consists of presenting a written text, generally on the lower part of the screen, that endeavors to recount the original dialogue of the speakers, as well as the discursive elements that appear in the image (letters, inserts, graffiti, inscriptions, placards, and the like), and the information that is contained on the soundtrack (songs, voices off)

Seiring dengan itu, Díaz Cintas & Remael (2021:4) turut mentakrifkan sari kata sebagai

a practice constrained by the need to reach synchrony between the linguistic target text (TT) and these additional translational parameters of images and sound as well as time. The subtitles should not contradict what the characters are doing or saying on screen, and the delivery of the translated message should coincide with that of the original speech. In addition, subtitles entail a change of mode from oral to written and resort frequently to the condensation and omission of lexical items from the original (6.3) in order to maintain temporal synchrony with the dialogue.

Seterusnya pandangan dari Valdeon (2025:371), mengatakan bahawa sari kata ialah;

allows the viewer to listen to the original soundtrack while reading a written version in the target language, typically at the bottom of the screen.

Pandangan oleh Díaz Cintas & Remael (2007 dlm. Malenova, 2017:527) mentakrifkan sari kata sebagai dialog dalam bahasa sumber yang dituturkan oleh penutur kemudian diterjemahkan ke dalam bentuk teks yang terletak pada bahagian bawah skrin. Proses pemindahan melibatkan papan tanda, runut bunyi serta lagu kepada bentuk teks terjemahan. Definisi sari kata diperluaskan oleh Díaz Cintas & Remael (2021:4) yang menyatakan sari kata mementingkan pelarasan antara sari kata, imej, bunyi, dan tempoh paparan sari kata. Sari kata yang dipaparkan perlu selaras dengan ujaran dalam bahasa sumber, sekali gus sari kata yang dihasilkan perlu lengkap, meskipun melibatkan pengguguran leksikal bagi pelarasan sari kata dan dialog. Setiap

sari kata yang dihasilkan juga membantu penonton mendengar dialog asal dalam bahasa sumber sambil membaca sari kata dalam bahasa sasaran yang terletak pada bahagian bawah skrin seperti yang dinyatakan oleh Valdeon (2025:371).

Berdasarkan definisi dan pandangan yang diberikan, dapat dirangkumkan bahawa sari kata merupakan pemindahan audio (verbal) dan visual (bukan verbal) daripada bahasa sumber ke dalam sari kata dengan mematuhi aspek teknikal iaitu pelarasan bagi memastikan maklumat yang disampaikan dapat difahami dan diterima oleh penonton.

Dalam kajian ini, sari kata merupakan satu bentuk TAV yang popular digunakan dalam produk audiovisual kerana memudahkan pemahaman penonton melalui pemindahan audio (verbal) dan visual (bukan verbal) dalam bahasa sumber ke dalam sari kata. Melalui pengekal suara dalam bahasa sumber, ia membolehkan penonton bahasa sumber turut memberikan pengalaman kepada penonton bahasa sumber. Ini menunjukkan bahawa, sari kata merupakan bentuk TAV yang dapat dimanfaatkan oleh kedua-dua penonton yang berbeza latar belakang bahasa untuk menikmati produk audiovisual yang dipaparkan pada skrin.

Sari kata turut diklasifikasikan sebagai teks bermasa (*timed text*) seperti yang dinyatakan oleh Díaz Cintas & Remael (2021), dimana terdapat dua bentuk utama iaitu;

1. Sari kata *intralingual* atau *same-language subtitling (SLS)*, merupakan pemindahan daripada dialog kepada sari kata dalam bahasa yang sama. Namun begitu, sari kata *intralingual* mendapat perdebatan antara sarjana, terutama sekali dalam bidang TAV, kerana ia melibatkan pemindahan audio dan visual ke dalam sari kata, tanpa melibatkan sebarang pertukaran bahasa. Contohnya, bahasa Melayu ke dalam sari kata bahasa Melayu.
2. Sari kata *interlingual* merupakan pemindahan audio (dialog) dan visual (seperti huruf, sisipan, grafiti, mesej teks, tulisan pada papan tanda) serta auditori (seperti lagu, suara latar, narasi) dalam bahasa sumber ke dalam sari kata dalam bahasa sasaran. Sari kata *interlingual* juga merupakan bentuk TAV yang sering digunakan di pelbagai negara seperti Malaysia, yang memaparkan sari kata terbuka seperti bahasa Melayu, Cina, dan Inggeris. Contohnya, bahasa Melayu diterjemahkan ke dalam sari kata bahasa Inggeris.


Berdasarkan dua bentuk sari kata yang diketengahkan oleh Díaz Cintas & Remael (2021), dapat disimpulkan bahawa sari kata *intralingual* dan *interlingual* mempunyai perbezaan yang ketara dari segi bahasa sasaran, namun kedua-duanya tetap

terikat dengan pematuhan aspek teknikal yang sama walaupun terdapat perdebatan dalam kalangan sarjana mengenai sari kata *intralingual* sebagai “terjemahan” yang dihasilkan dalam bahasa yang sama dengan bahasa sumber. Kajian ini mempunyai perspektif yang berbeza. Dalam kajian ini, kedua-dua bentuk sari kata memberikan manfaat kepada penonton, terutama sekali golongan OKU masalah pendengaran. Dalam konteks ini, sari kata *intralingual* memainkan peranan penting bagi membolehkan golongan OKU masalah pendengaran memahami dan menikmati filem dalam bahasa sumber melalui bantuan paparan sari kata pada skrin. Pandangan ini juga selari dengan hujah Díaz Cintas & Remael (2021) yang menyatakan;

Tough these subtitles can also target hearers, the main practice that is usually associated with intralingual subtitles is that of subtitling for people who are D/deaf or hard-of-hearing.

Berdasarkan pandangan Díaz Cintas & Remael (2021), sari kata *intralingual* merujuk kepada sari kata yang menggunakan bahasa sama dengan dialog yang diujarkan. Walaupun secara teknikalnya sari kata *intralingual* boleh dibaca oleh semua penonton termasuk OKU masalah pendengaran, tetapi fokus utamanya adalah untuk merapatkan jurang komunikasi bagi golongan pekak dan kurang pendengaran (*D/deaf or hard-of-hearing*). Dalam konteks ini, sari kata *intralingual* bertindak sebagai “suara visual” yang membolehkan audiens yang mempunyai masalah pendengaran memahami dialog, emosi watak dan intonasi di dalam penceritaan dengan lebih menyeluruh.

Dapat dirumuskan, kedua-dua konsep sari kata merupakan medium yang mampu memberikan manfaat mengikut keperluan khusus setiap penonton. Dalam konteks ini, penonton diberikan peluang untuk memilih bentuk sari kata *intralingual* atau *interlingual* berdasarkan keperluan masing-masing. Kepelbagaian ini bukan sahaja melibatkan perbezaan dari sudut bahasa, malah turut merangkumi aspek teknikal yang khusus, seperti yang digambarkan di Rajah 2.1.



Rajah 2.1 Sari kata untuk OKU masalah pendengaran

(Sumber: Uzzo, 2025)

Sari kata untuk OKU masalah pendengaran mempunyai perbezaan yang ketara berbanding sari kata kerana melibatkan pengubahsuaian visual. Menurut Uzzo (2025),

sari kata untuk OKU masalah pendengaran menggunakan latar belakang berwarna dan pelbagai warna fon yang berbeza dengan latar belakang bagi ujaran antara watak. Walau bagaimanapun, penggunaan warna dan bunyi ini berbeza-beza mengikut sesebuah negara.

Selain pengubahsuaian visual buat OKU masalah pendengaran, sari kata juga diubah suai untuk memenuhi keperluan penonton masalah penglihatan, seperti yang dipaparkan dalam Rajah 2.2



Rajah 2.2 Sari kata OKU masalah penglihatan

(Sumber: Uzzo, 2025)

Rajah 2.2 memperlihatkan contoh sari kata yang diubah suai khusus untuk penonton OKU masalah penglihatan. Walau bagaimanapun, Uzzo (2025) menyatakan bahawa tidak semua sari kata yang diubah suai mematuhi aspek teknikal bagi kebolehbacaan penonton. Penggunaan sari kata yang memenuhi sebahagian besar ruang skrin seperti Rajah 2.4 kerana pemilihan fon yang tidak standard serta kombinasi warna yang kurang kontra, berisiko menjejaskan tahap kebolehbacaan dan kefahaman penonton.

Berdasarkan pandangan yang diberikan, pengubahsuaian sari kata yang tidak menepati aspek teknikal, menjejaskan paparannya pada skrin, tetapi turut menjejaskan proses pemahaman penonton khususnya golongan OKU. Oleh itu, produk audiovisual yang diterjemahkan sangat mementingkan keseimbangan antara linguistik dengan aspek teknikal yang ditetapkan. Hal ini menunjukkan bahawa peranan sebagai penyari kata bukan sahaja memindahkan bahasa semata-mata, tetapi juga bertindak sebagai penyunting ruang dan masa. Aspek teknikal perlu dikuasai setiap penyari kata bagi memastikan maklumat dapat disampaikan dengan tepat dan mudah difahami oleh penonton.

Setiap sari kata yang dihasilkan perlu mematuhi aspek teknikal yang ketat bagi memastikan tahap kebolehbacaan penonton tidak menjejaskan paparan visual pada skrin. Jumlah baris, kedudukan teks, tipografi (jenis dan saiz fon), had aksara, serta tempoh paparan merupakan aspek teknikal yang perlu diikuti oleh setiap penyari kata. Jumlah baris sari kata, secara lazimnya terhad kepada satu atau dua baris (Wan Halizawati, 2020; Díaz Cintas & Remael, 2021; Al-Abbas et al., 2022) bagi mengurangkan gangguan terhadap paparan visual. Walau bagaimanapun, dalam konteks tertentu seperti menterjemah kesan bunyi atau lagu (Al-Abbas et al., 2022) boleh meningkatkan baris sari kata kepada tiga baris sari kata (Pedersen, 2011). Jumlah baris sari kata yang ditetapkan adalah untuk menyampaikan maklumat dengan lengkap tanpa menjejaskan kedudukan teks yang telah ditetapkan dalam kawasan selamat (*safe area*).

Dari segi kedudukan, sari kata secara konvensional dipaparkan di bahagian bawah dan tengah skrin bagi meminimumkan gangguan terhadap visual serta memastikan teks berada dalam *safe area* paparan (Díaz Cintas & Remael, 2021). Walau bagaimanapun, terdapat variasi sari kata yang memaparkan sari kata secara menegak di bahagian tepi skrin seperti Jepun dan Korea (Pedersen, 2011; Díaz Cintas & Remael, 2021). Secara umumnya, sari kata yang dipaparkan tidak seharusnya melebihi daripada 20% ruang skrin untuk mengekalkan tumpuan penonton dengan menggunakan fon yang bersesuaian (Nesirli, 2025). Fon neutral tanpa serif seperti Arial, Helvetica atau Verdana merupakan antara fon yang kerap digunakan kerana tidak menarik perhatian penonton secara berlebihan serta meningkatkan kebolehbacaan sari kata (Díaz Cintas & Remael, 2021). Beliau turut mencadangkan beberapa jenis dan saiz fon iaitu Arial 30 – Latin-based, Cyrillic-based dan Semitic languages, Thai, Gulim 35 – Korean, MS Gothic 30 – Japanese, SimHei atau Simsun 35 – Chinese, dan Shusha 35 – Hindi. Seiring dengan itu, warna fon sari kata secara lazimnya berwarna putih dengan latar belakang kelabu atau hitam bagi memastikan teks kelihatan jelas untuk dipaparkan dalam pelbagai keadaan latar visual.

Dari segi kepanjangan teks, setiap baris sari kata mempunyai had aksara maksimum yang berbeza mengikut sistem tulisan. Bagi jenis tulisan seperti Latin, Semitik dan Cyril, had maksimum ialah sekitar 35 hingga 42 aksara setiap baris, manakala bahasa Asia Timur seperti Cina, Jepun dan Korea mempunyai had yang lebih rendah iaitu 14-16 aksara setiap baris sari kata (Wan Halizawati, 2021; Díaz Cintas & Remael, 2021). Walaupun tiada had minimum yang khusus (Díaz Cintas & Remael,

2021), namun kebolehbacaan tetap menjadi keutamaan, dan dialog yang panjang lazimnya akan dipendekkan (Nesirli, 2025) melalui pengguguran unsur berulang atau kurang penting.

Media seperti televisyen, DVD dan platform penstriman digital lazimnya memaparkan satu baris sari kata apabila jumlah aksara tidak melebihi had yang ditetapkan bagi mengurangkan gangguan visual dan mengekalkan tumpuan penonton terhadap paparan imej (Díaz Cintas & Remael, 2021). Sebaliknya, dalam konteks tayangan pawagam, penggunaan dua baris sari kata yang pendek dan seimbang dari segi panjang adalah dibenarkan, selagi tidak menjejaskan struktur tatabahasa dan sintaksis ayat (TED, 2022).

Dua baris sari kata biasanya digunakan apabila struktur ayat lebih sesuai dibahagikan, terutamanya bagi dialog yang mengandungi lebih daripada satu klausa atau melibatkan pertukaran ujaran antara dua watak dalam satu babak (Díaz Cintas & Remael, 2021). Contohnya;

Jadual 2.1

Pecahan Sari Kata

Can you see the light up there, in the window?	
Can you see the light in the window?	Can you see the light?
	In the window?

(Sumber: Díaz Cintas & Remael, 2021)

Berdasarkan contoh tersebut, ayat *Can you see the light up there, in the window?* mengandungi lebih daripada satu klausa dan boleh dipersembahkan dalam dua bentuk sari kata, iaitu sama ada sebagai satu baris atau dua baris. Bentuk satu baris direalisasikan sebagai *Can you see the light in the window?*, manakala bentuk dua baris dipaparkan sebagai *Can you see the light? / In the window?*. Perbezaan ini menunjukkan bahawa penggunaan dua baris sari kata bukan sahaja bergantung kepada kehadiran lebih daripada satu klausa dalam ayat, tetapi juga berfungsi untuk menandakan struktur dialog, khususnya apabila melibatkan pertukaran ujaran antara dua watak dalam satu babak.

Sari kata dipaparkan dalam dua baris atau secara terpisah, apabila melibatkan ujaran antara dua watak (Nesirli, 2025). Dalam konteks ini, penggunaan tanda sempang (-) digunakan untuk membezakan antara dua penutur (Díaz Cintas dan Remael, 2021). Berdasarkan kenyataan dan pandangan yang diberikan, penggunaan tanda sempang sering digunakan untuk membezakan ujaran antara watak. Beliau turut menambah, sari

kata pertama mewakili penutur pertama, manakala baris kedua mewakili penutur kedua. Setiap baris sari kata menggunakan tanda sempang.

Selain itu, simbol khusus seperti nota muzik (♫) atau octothorpe (#) digunakan untuk menandakan lirik lagu atau muzik latar, manakala bunyi persekitaran seperti ketukan pintu atau tembakan lazimnya dipaparkan dalam tanda kurung (Motiejūnienė et al., 2025). Contohnya, rajah 2.3 yang menunjukkan penggunaan simbol khusus iaitu nota muzik (♫).



Rajah 2.3 Lagu yang diterjemah dalam sari kata
(Sumber: Motiejūnienė et al., 2025)

Rajah 2.3 memaparkan sari kata filem *Emilija iš Laisvės alejos* yang diletakkan di bahagian bawah skrin. Simbol nota khusus seperti nota muzik (♫) digunakan bagi menterjemah lirik lagu ke dalam sari kata bahasa Rusia. Pada masa sama, penyari kata turut menterjemah unsur bukan verbal dengan meletakkannya ke dalam tanda kurungan seperti [bunyi ketukan pintu]. Penggunaan simbol dan kurungan turut berfungsi untuk menyampaikan maklumat tambahan kepada penonton OKU masalah pendengaran.

Berdasarkan pandangan oleh sarjana, dapat disimpulkan bahawa penggunaan simbol digunakan bagi meningkatkan pemahaman penonton khususnya buat golongan OKU masalah pendengaran.

Dalam kajian ini, simbol khusus didefinisikan sebagai simbol yang digunakan oleh setiap penyari kata. Setiap penggunaan simbol adalah berbeza berdasarkan konteks yang dipaparkan pada skrin. Penyari kata juga bukan sahaja perlu menguasai perbezaan bahasa dan budaya, tetapi juga perlu menguasai fungsi setiap simbol. Ini kerana, penggunaan simbol yang kurang bersesuaian dengan paparan skrin boleh menjejaskan kebolehbacaan dan pemahaman penonton, terutama sekali golongan OKU masalah

pendengaran. Pada masa sama, kebolehbacaan dan pemahaman penonton juga dipengaruhi oleh tempoh paparan sari kata pada skrin.

Tempoh paparan sari kata merupakan antara aspek dalam memastikan kebolehbacaan dan penyelarasan dengan ujaran. Tempoh paparan maksimum tradisional ialah enam saat bagi dua baris sari kata yang mengandungi 35 hingga 42 aksara pada setiap baris Díaz Cintas & Remael (2021). Kadar pembacaan sari kata atau *Characters Per Second (CPS)* perlu dioptimumkan bagi mengimbangi kelajuan teks dan tumpuan visual penonton (Kruger et al., 2022). Beliau turut menambah, walaupun kadar 28 *CPS* dan 20 *CPS* tidak menunjukkan perbezaan yang ketara dari segi kefahaman, namun kadar yang terlalu pantas mampu menjejaskan kebolehan penonton untuk membaca sari kata dengan berkesan. Sehubungan itu, Díaz Cintas & Remael (2021) mencadangkan kadar *CPS* yang lebih spesifik berdasarkan bahasa dan penonton sasaran, dengan kadar yang lebih rendah bagi kanak-kanak serta bahasa seperti Cina, Jepun dan Korea. Namun begitu, dalam kajian ini berpandangan, tempoh paparan sari kata adalah bergantung kepada ujaran yang dilakukan. Ini kerana, jika tempoh paparan sari kata terlalu pantas (seperti Kruger et al., 2022) dinyatakan, ia akan menyebabkan paparan sari kata, dialog dan visual menjadi tidak selari. Maka dengan itu, tempoh paparan sari kata adalah berdasarkan ujaran dialog yang dilakukan oleh penutur.

Berdasarkan pandangan dan kenyataan yang diberikan, dapat dirangkumkan bahawa tempoh paparan sari kata adalah bergantung kepada jumlah patah perkataan aksara bagi setiap sari kata.

Tempoh paparan sari kata dalam kajian ini adalah tempoh yang diperlukan bagi setiap sari kata yang dipaparkan pada bahagian bawah dan tengah skrin. Tempoh yang ditetapkan adalah berdasarkan daripada ujaran yang dilakukan bagi setiap penutur. Keselarian antara tempoh paparan sari kata dengan ujaran setiap penutur adalah penting bagi memastikan setiap penonton memahami jalan penceritaan secara keseluruhannya.

Dalam kajian ini, sari kata merupakan hasil terjemahan dalam bahasa sasaran dengan menggunakan audio dan visual sebagai bahasa sumber. Sari kata dihasilkan dalam dua bentuk iaitu *intralingual* serta *interlingual* untuk OKU masalah pendengaran serta penonton yang kurang memahami bahasa sumber. Sari kata juga semakin mendapat permintaan tinggi seiring dengan peningkatan penghasilan filem animasi tempatan yang mendapat pengiktirafan di peringkat global.

2.6 Padanan Terjemahan

Padanan terjemahan merupakan aspek utama yang tidak dipisahkan daripada teori terjemahan, iaitu dengan menilai kualitinya melalui teks asal dibandingkan dengan teks terjemahan dari segi bentuk struktur bahasa serta ketepatan makna yang disampaikan (Kanan et al., 2022). Pemadanan makna dilakukan dengan penggunaan perkataan, frasa, klausa, ayat, perenggan dan sebagainya dengan menitik beratkan pelarasan makna (Sarinah, 2014). Menurut Catford (1965:27 dlm Sari & Pura, 2025), padanan terjemahan adalah fakta imperikal yang ditemui melalui hubungan formal antara teks bahasa sumber dan bahasa sasaran. Hubungan formal adalah pemindahan bahasa sumber kepada bahasa sasaran dengan mengikuti struktur, kelas kata dan unit dalam bahasa sumber (Nida, 1964). Walau bagaimanapun, padanan terjemahan dalam kajian ini merupakan satu aktiviti mentafsir yang kompleks, kerana terdapat perbezaan dua budaya dan bahasa yang mengakibatkan ketiadaan padanan secara langsung dalam bahasa sasaran.

Ukuran utama dalam proses terjemahan adalah padanan terjemahan kerana dapat membantu penterjemah menyelesaikan pelbagai masalah yang terjadi semasa pemindahan makna ke dalam bahasa sasaran (Panou, 2013). Dalam konteks ini, sesebuah terjemahan diukur mengikut kesepadanan makna yang mampu mempengaruhi pemikiran pembaca sasaran (Halverson, 1975 dlm Shokhida, 2024). Contohnya, simpulan bahasa, klise, peribahasa, serta frasa nominal atau adjektif merupakan padanan yang bersifat tetap (Vinay & Darbelnet, 1995). Berdasarkan pandangan-pandangan yang diberikan oleh sarjana mengenai padanan, dapat disimpulkan bahawa penterjemah yang berjaya adalah penterjemah yang mampu mengenal pasti unsur yang sama dalam bahasa dan budaya yang berbeza. Penyampaian dilakukan dengan gaya bahasa sumber, walaupun terdapat struktur yang berbeza. Walau bagaimanapun, pandangan yang diberikan adalah berbeza dengan pandangan kajian ini. Ini kerana, apabila melibatkan padanan, penterjemah juga perlu mengambil kira padanan makna bagi kedua-dua bahasa. Padanan makna yang sama akan memberikan kesan kepada pembaca untuk memahami makna atau mesej yang disampaikan oleh penterjemah.

Dalam artikel yang bertajuk, *Equivalence in Translation Theories: A Critical Evaluation*, oleh Panou (2013), beberapa ahli sarjana seperti Vinay & Darbelnet (1958), Jakobson (1959), Nida & Taber (1969), Catford (1965), House (1997), Koller (1979),

Newmark (1981), Baker (1992), serta Pym (2010), semuanya mengemukakan teori padanan terjemahannya. Pada masa sama, Beddari (2021) dalam artikelnya yang bertajuk *Exploring Theories of Equivalence: A Critical Review*, turut menyatakan teori padanan terjemahan yang sama seperti Panou (2013). Walau bagaimanapun, kedua-dua pengkaji mengemukakan pandangan yang berbeza. Menurut Panou (2013) teori-teori padanan ini secara keseluruhannya dapat ditafsirkan sebagai mementingkan unsur budaya dan pembaca sasaran. Konsep padanan tetap menjadi keutamaan kepada setiap penterjemah. Ini kerana, konsep padanan membantu setiap penterjemah mengenal pasti serta menangani isu dalam proses terjemahan. Namun begitu, berbeza dengan pandangan Beddari (2021). Konsep padanan terjemahan merupakan cabaran utama dalam terjemahan sehingga menimbulkan kesukaran berterusan bagi penterjemah. Ini menyebabkan setiap penterjemah perlu menguasai teori padanan terjemahan bagi memastikan mesej yang disampaikan difahami oleh pembaca.

Berdasarkan pandangan kedua-dua pengkaji, dapat disimpulkan bahawa setiap penterjemah perlu menguasai teori padanan terjemahan. Setiap teori terjemahan adalah berbeza mengikut teks dalam bahasa sasaran. Ini kerana, jika teks bahasa sumber mengandungi unsur budaya tetapi menggunakan teori padanan terjemahan yang berfokuskan kepada struktur semata-mata, ia akan menjejaskan makna yang hendak disampaikan. Dalam konteks kajian ini, penguasaan setiap teori padanan terjemahan membantu penyari kata membuat keputusan dengan tepat dalam mengekalkan makna, mesej serta kekangan aspek teknikal.

Beberapa ahli sarjana dalam bidang terjemahan mengemukakan beberapa konsep padanan terjemahan yang dibincangkan dalam kajian ini berdasarkan turutan kronologi untuk melihat perkembangannya. Berikut merupakan perincian teori padanan mengikut pandangan ahli sarjana.

Konsep padanan yang diusulkan oleh Nida (1964), adalah antara pandangan yang memberi impak besar dalam dunia terjemahan serta dijadikan sebagai panduan kepada penterjemah (Sarinah, 2014). Dua padanan terjemahan iaitu (i) padanan formal dan (ii) padanan dinamik dikemukakan oleh Nida (1964) dalam bukunya, *Toward A Science of Translation*. Padanan formal merupakan pengekalan bentuk dan kandungan teks sumber secara literal dalam teks sasaran (Nida, 1964; Sudiansyah et al., 2021; Mahendhi, 2024; Baharuddin et al., 2024). Walau bagaimanapun, penggunaan padanan formal mampu memberikan impak yang negatif. Ini kerana, padanan formal akan menjejaskan struktur tatabahasa sehingga menjejaskan mesej dalam bahasa sumber

(Nida, 1964). Kesannya, pembaca sasaran kurang memahami mesej atau makna yang mahu disampaikan dalam bahasa sasaran (Sarinah, 2014).

Padanan dinamik yang juga dikenali sebagai padanan fungsian merupakan penyampaian mesej dalam bahasa sumber ke dalam bahasa sasaran yang kelihatan semula jadi. Dalam konteks ini, penyampaian mesej dalam bahasa sumber ke dalam bahasa sasaran diberikan kepentingan berbanding kata demi kata (Sudiansyah et al., 2021; Baharuddin et al., 2024). Pada masa sama, penerimaan antara kedua-dua pembaca juga diberikan penekanan dan menjadi aspek penting (Nida, 1964; Sarinah, 2014).

Berdasarkan padanan yang dikemukakan oleh Nida (1963), ia menunjukkan padanan formal merupakan struktur dalam bahasa sumber yang dikekalkan dalam bahasa sasaran, manakala padanan formal menggunakan mesej atau makna dalam bahasa sumber sepadan dengan bahasa sasaran. Berbeza dengan pendekatan Nida yang berfokuskan kepada pembaca, Catford (1965) pula mengemukakan teori padanan yang berfokuskan kepada aspek linguistik, iaitu (i) padanan formal (*formal equivalence*) dan (ii) padanan tekstual (*textual equivalence*).

Padanan formal adalah kategori dalam bahasa sasaran seperti unit, golongan, struktur, dan sebagainya mempunyai kedudukan yang hampir sama dengan kedudukan kategori tertentu dalam bahasa sumber (Catford, 1965). Dalam konteks ini, padanan formal menurut Catford (1965) melibatkan perbandingan struktur antara kedua-dua bahasa bagi menilai perbandingannya. Ini menyebabkan, penterjemah perlu berusaha untuk mengekalkan struktur dalam bahasa sumber ke dalam bahasa sasaran (Baharuddin et al., 2024). Namun begitu, berbeza dengan padanan tekstual. Padanan tekstual adalah kesepadanan teks antara kedua-dua bahasa berdasarkan konteks tertentu.

Pandangan yang dikemukakan oleh Nida (1964) dan Catford (1965) menunjukkan perbezaannya kerana Nida (1964) mementingkan kesepadanan makna bagi kedua-dua pembaca, manakala Catford (1965) menumpukan kepada struktur linguistik. Namun begitu, unsur budaya yang diterjemah ke dalam sari kata seperti dalam kajian ini, kurang bersesuaian menggunakan padanan terjemahan oleh Catford (1965). Ini kerana, apabila melibatkan unsur budaya yang diterjemah ke dalam sari kata, bukan sahaja mementingkan struktur, tetapi juga mementingkan makna budaya dalam bahasa sumber agar sepadan dengan bahasa sasaran. Tambahan pula, makna unsur budaya dalam bahasa sumber turut diberikan penekanan supaya dapat difahami oleh

pembaca sasaran.

Dua padanan terjemahan iaitu (i) terjemahan semantik dan (ii) terjemahan komunikatif oleh Nida (1965) dikembangkan semula oleh Newmark (1988) (Bakiev & qivi, 2025). Terjemahan semantik ialah pengekalan makna dalam bahasa sumber ke dalam bahasa sasaran dengan mengikuti struktur bahasa sumber (Newmark, 1988; Al Awdi, 2025; Bakiev & qivi, 2025). Namun begitu, berbeza dengan terjemahan komunikatif. Ini kerana, terjemahan komunikatif adalah mesej atau makna dalam bahasa sumber yang disesuaikan ke dalam bahasa sasaran dengan mengikut konteks budaya sasaran (Newmark, 1988; Panou, 2013; Bakiev & qivi, 2025). Berdasarkan padanan terjemahan yang dikemukakan oleh Newmark (1988), ia memberikan sumbangan penting dalam pendekatan yang lebih pragmatik (Bakiev & qivi, 2025). Kedua-dua padanan terjemahan yang dikemukakan adalah berdasarkan kepada fungsi teks (Newmark, 1988). Contohnya, terjemahan komunikatif digunakan bagi karya yang mempunyai unsur budaya atau emosi seperti karya sastera dan iklan, manakala terjemahan semantik bagi teks teknikal, perundangan, atau akademik yang menuntut ketepatan maklumat (Bakiev & qivi, 2025). Namun begitu, pandangan yang dikemukakan oleh Bakiev & qivi, 2025 berbeza dengan kajian ini. Ini kerana, terjemahan semantik juga perlu digunakan dengan menyesuaikan unsur budaya dalam bahasa sumber apabila tidak mempunyai padanan secara langsung dalam bahasa sasaran.

Berdasarkan kedua-dua padanan terjemahan yang dikemukakan oleh Newmark (1988), dapat dirumuskan ketepatan makna dalam bahasa sumber ke dalam bahasa sasaran dititik beratkan bagi memastikan pembaca memahami makna atau mesej yang disampaikan. Pada masa sama, kedua-dua padanan yang dikemukakan adalah berdasarkan teks atau karya yang digunakan. Dalam konteks ini, unsur budaya yang diterjemah ke dalam sari kata filem animasi adalah sebagaimana yang dijalankan dalam kajian ini. Terjemahan komunikatif digunakan bagi memastikan penonton dapat memahami mesej atau makna unsur budaya. Namun begitu, berbeza dengan terjemahan semantik. Terjemahan semantik digunakan apabila penyari kata berada dalam dilema untuk mengekalkan unsur budaya.

Padanan terjemahan oleh House (1977) juga lebih fleksibel berbanding Catford (1965). Beliau mengemukakan dua terjemahan, iaitu (i) terjemahan terbuka (*overt translation*) dan terjemahan tertutup (*covert translation*). Terjemahan terbuka tidak menyembunyikan hakikat bahawa hasilnya merupakan teks terjemahan. Maka, tiada

sebarang keperluan untuk menghasilkan teks asli kedua (*second original*). Ini kerana, bahasa sumber mempunyai kaitan sejarah dan budaya dengan bahasa sumber (Beddari, 2021). Dalam konteks ini, penterjemah tidak menyembunyikan sebarang identiti asal (Panou, 2013). Ini menyebabkan pembaca sasaran menyedari bahawa mereka sedang membaca hasil terjemahan daripada budaya yang berbeza (Beddari, 2021), malah berbeza dengan terjemahan tertutup. Ini kerana, terjemahan tertutup adalah hasil terjemahan yang tidak kelihatan seperti terjemahan. Dalam konteks ini, teks terjemahan merupakan padanan fungsian dengan teks asal dalam konteks budaya sasaran. Maka, penterjemah akan menggugurkan unsur budaya dalam bahasa sumber yang tidak sepadan dengan pembaca sasaran (Panou, 2013). Namun begitu, pandangan oleh Panou (2013) berbeza dengan pandangan kajian ini. Ini kerana, apabila unsur budaya digugurkan dalam bahasa sasaran, akan menjejaskan teks sasaran kerana mengurangkan pemahaman penonton atau pembaca sasaran.

Berdasarkan pandangan yang dikemukakan oleh Nida (1964), Catford (1965), Newmark (1988) serta House (1997), dapat disimpulkan bahawa padanan terjemahan yang dikemukakan oleh Catford (1965) adalah kurang bersesuaian untuk diaplikasikan bagi unsur budaya dalam teks sumber. Demikian kerana, padanan terjemahan oleh Catford (1965) lebih menumpukan kepada struktur linguistik berbanding padanan budaya yang dikemukakan oleh Nida (1964), Newmark (1988) dan House (1997). Apabila sesebuah karya atau teks bahasa sumber mengandungi unsur yang menggunakan padanan terjemahan Catford (1965), ia akan menjejaskan hasil terjemahan dalam bahasa sasaran. Contohnya, bentuk TAV seperti sari kata filem animasi dalam kajian ini. Walaupun padanan terjemahan oleh Catford (1965) dapat digunakan bagi aspek teknikal, namun akan menyebabkan penyari kata berada dalam dilema apabila melibatkan unsur budaya.

Dalam kajian ini, padanan terjemahan merupakan satu proses rumit yang perlu dilalui oleh setiap penterjemah, terutama sekali penyari kata. Padanan terjemahan yang digunakan perlu sepadan dari segi makna dan mesejnya dalam bahasa sumber ke dalam bahasa sasaran. Pemilihan padanan yang tepat mampu memberikan impak positif kepada penonton agar mereka dapat memahami makna dan mesej yang disampaikan dalam sari kata.

2.7 Kerangka Teori

Kajian ini menggunakan kategori budaya oleh Newmark (1988), prosedur terjemahan oleh Newmark (1988) dan padanan terjemahan oleh Koller (1979) bagi memenuhi tiga objektif kajian iaitu (i) mengenal pasti kategori budaya dalam filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*, (ii) menganalisis prosedur terjemahan budaya dalam sari kata filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula* dan (iii) menghurai jenis padanan terjemahan budaya dalam sari kata filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*.

2.7.1 Kategori Budaya (Newmark, 1988)

Newmark (1988) dalam bukunya '*A Textbook Of Translation*' mengkategorikan lima kategori budaya. Lima kategori budaya terdiri daripada (i) ekologi (flora, fauna, iklim dan sebagainya), (ii) budaya material (makanan, pakaian, rumah dan bandar), (iii) budaya sosial (pekerjaan, aktiviti masa lapang atau permainan), (iv) organisasi, adat, aktiviti, prosedur atau konsep (artistik, keagamaan, politik dan pentadbiran) dan, (v) amalan dan Gerak Laku (tabiat, tingkah laku atau amalan).

2.7.1.1 Ekologi

Budaya ekologi merujuk kepada istilah-istilah geografi yang membezakan istilah budaya yang lain (Newmark, 1988). Setiap istilah seperti tumbuhan, haiwan, iklim, dan bentuk muka bumi membezakan ciri geografi bagi setiap budaya kerana setiap istilah memberikan kepentingan bagi setiap masyarakat (Nur Hidayah & Nur Iman Nasuha, 2024).

Contoh 1

kemudian menuju ke arah pokok pisang yang ada seekor **kambing** besar dengan dua ekor anaknya tertambat di situ.
(Sumber: Yahya & Sharudin, 2024)

Contoh 1 menunjukkan **kambing** yang dikategorikan sebagai budaya ekologi iaitu fauna. Kambing merujuk kepada kambing betina yang bersaiz besar (Nur Hidayah Yahaya & Nur Iman Nasuha, 2024).

2.7.1.2 Material

Budaya material adalah (i) makanan, (ii) pakaian, (iii) rumah dan bandar serta (iv) kenderaan, (v) artifak (Newmark, 1988) yang menggambarkan ciri penting bagi setiap masyarakat (Norhazlina et al., 2024). Makanan merupakan budaya material yang sensitif kerana merujuk kepada budaya setiap negara (Newmark, 1988).

Contoh 2

Entahlah, masih belum tahu lagi sebab **tempayan** saya cuma sebuah saja. (Sumber: Nur Hidayah & Nur Iman Nasuha, 2024)

Contoh 2 menunjukkan tempayan dikategorikan sebagai budaya material iaitu artifak. Tempayan merupakan artifak yang diperbuat daripada tanah liat untuk menyimpan air, makanan dan sumber lain (Nur Hidayah & Nur Iman Nasuha, 2024).

2.7.1.3 Sosial

Budaya sosial merangkumi aktiviti seharian bagi sesuatu masyarakat seperti (i) aspek kerja, (ii) kelas masyarakat, (iii) jenis-jenis riadah atau permainan (Newmark, 1988). Secara umumnya, budaya sosial merupakan ruang lingkup bagi sesebuah masyarakat yang sering dikaitkan dengan hidup atau amalan harian (Norhazlina, 2015).

Contoh 3

Dia seperti **seorang mata-mata gelap** yang mahu tahu segala butir-butir keterangan mengenai diri seseorang. (Sumber: Nur Hidayah & Nur Iman Nasuha, 2024)

Seorang mata-mata gelap dikategorikan sebagai kategori budaya sosial. Frasa **seorang mata-mata gelap** merujuk kepada sebuah pekerjaan sebagai pengintip yang menyiasat kes dan menjaga keselamatan (Nur Hidayah & Nur Iman Nasuha, 2024).

2.7.1.4 Organisasi, Adat, Aktiviti, Prosedur atau Konsep

Budaya organisasi, adat, aktiviti, prosedur atau konsep ialah adat, politik, pentadbiran, agama dan kesenian bagi sebuah masyarakat. Budaya organisasi melalui

kepelbagaian penggunaan istilah yang berbeza adalah berkaitan dengan organisasi, adat, aktiviti, prosedur atau konsep (Newmark, 1988). Organisasi adalah sistem pentadbiran dan politik (Nur Hidayah & Nur Iman Nasuha, 2024), manakala kepercayaan merujuk kepada agama yang dianuti oleh masyarakat (Nur Hidayah & Nur Iman Nasuha, 2024). Terdapat masyarakat yang mempunyai adat resam, istiadat dan kesenian yang diwarisi sejak turun temurun daripada nenek moyang masing-masing (Yahya & Sharudin, 2024). Maka, budaya organisasi, adat, aktiviti, prosedur atau konsep menunjukkan adat dan agama yang diamalkan oleh setiap masyarakat.

Contoh 4

Muhammad Yusup datang ke shelter itu dengan memakai topi besinya. Dia dalam **Malayan Artillery Service** dan sedang di dalam tugasnya, (Sumber: Nur Hidayah & Nur Iman Nasuha, 2024)

Malayan Artillery Service merupakan persatuan, maka ia dikategorikan sebagai organisasi sosial. Semasa Perang Dunia Kedua, **Malayan Artillery Service** berfungsi sebagai sebuah organisasi yang bertanggungjawab dalam menjaga keselamatan negara (Nur Hidayah & Nur Iman Nasuha, 2024).

2.7.1.5 Amalan dan Gerak Laku

Amalan dan gerak laku bagi sesuatu masyarakat adalah berbeza dari segi bahasa isyarat bagi sesebuah budaya (Newmark, 1988). Perbezaan bahasa isyarat bagi sesuatu budaya perlu difahami (Norhazlina et al., 2024).

Contoh 5

[melakukan tarian sambutan batak diiringi dengan musik]
(Sumber: Indriyani et al., 2023)

Sebuah tarian tradisional dikategorikan sebagai amalan dan gerak laku. Melalui paparan filem, ia menunjukkan sebuah pesta keramaian yang dilakukan sambil diiringi dengan tarian tradisional suku kaum Batak (Indriyani et al., 2023).

2.7.2 Prosedur Terjemahan (Newmark, 1988)

18 prosedur terjemahan yang diketangkahkan oleh Newmark dalam bukunya '*A Textbook Of Translation*' iaitu (i) pemindahan, (ii) naturalisasi, (iii) persamaan budaya, (iv) terjemahan literal, (v) persamaan fungsian, (vi) persamaan deskriptif, (vii) sinonim, (viii) pinjam terjemah, (ix) transposisi, (x) modulasi, (xi) terjemahan sedia ada, (xii) terjemahan label, (xiii) analisis komponen, (xiv) pengguguran, (xv) pengembangan, (xvi) parafrasa, (xvii) kuplet serta (xviii) nota, maklumat tambahan dan glos.

2.7.2.1 Pemindahan

Pemindahan ialah prosedur terjemahan yang meminjam perkataan atau istilah beserta maksudnya dari bahasa sumber dan dipindahkan ke dalam bahasa sasaran (Newmark, 1988), terutamanya apabila terdapat kekurangan perbendaharaan kata dalam bahasa sasaran (Norhazlina, 2022), tanpa mengubah sebarang ejaannya (Norhazlina, 2016).

Contoh 6

Bahasa Sumber: Dan kalau selera Abdul Fakar 'kurang sedap', dia bertanya, Taan, hendak makan apa? Tose? Apam? Nasi lemak? **Putu mayang**? Roti perata?

Bahasa Sasaran: *And if Abdul Fakar found that 'less than tempting', she asked, Taan, what would you like to eat? Thosai? Appam? Coconut rice? **Putu mayam**? Pratha bread?* (Sumber: Nur Hidayah & Nur Iman Nasuha, 2024)

Putu mayang merupakan makanan tradisional bagi masyarakat India di Malaysia dan diterjemah dengan menggunakan prosedur terjemahan pemindahan kerana ketiadaan padanan dalam bahasa sasaran (Nur Hidayah & Nur Iman Nasuha, 2024).

2.7.2.2 Naturalisasi

Prosedur terjemahan naturalisasi merupakan peminjaman kata atau istilah dalam bahasa sumber yang dilakukan penyesuaian mengikut sistem ejaan dan bunyi

dalam bahasa sasaran (Newmark, 1988)

Contoh 7

Bahasa Sumber: Dan kalau selera Abdul Fakar ‘kurang sedap’, dia bertanya, Taan, hendak makan apa? **Tose?** Apam?

Bahasa Sasaran: *And if Abdul Fakar found that ‘less than tempting’, she asked, Taan, what would you like to eat? **Thosai?** Appam?* (Sumber: Nur Hidayah & Nur Iman Nasuha, 2024)

Perkataan **Tose** dalam bahasa sumber menunjukkan unsur budaya material yang diterjemah kepada **Thosai** dengan menggunakan prosedur terjemahan naturalisasi. Huruf /e/ dalam bahasa sumber diubah kepada /i/ dalam bahasa sasaran untuk disesuaikan dengan sistem ejaan dan fonologi dalam bahasa sasaran.

2.7.2.3 Persamaan Budaya

Persamaan budaya merujuk kepada istilah atau ungkapan budaya dalam bahasa sumber yang diterjemah dengan menggunakan padanan budaya dalam bahasa sasaran (Newmark, 1988) bagi menghasilkan sebuah terjemahan yang tepat serta gramatis (Nooni Ezdiani & Rokiah, 2018).

Contoh 8

Bahasa Sumber: Alang-alang menyeluk **pekasam**, biar sampai ke pangkal lengan.

Bahasa Sasaran: *When you are dipping into the **fish-tub**, you may as well thrust your arm in up to the elbow.* (Sumber: Nurul Asmaa & Awang Azman, 2020)

Pekasam merupakan makanan tradisional Melayu yang dijeruk di dalam tempayan, diterjemah kepada **fish-tub** iaitu sebuah tabung yang digunakan bagi menyimpan ikan yang dijeruk dan membawa terjemahan yang hampir sama iaitu pekasam (Nurul Asmaa & Awang Azman, 2020).

2.7.2.4 Persamaan Deskriptif

Budaya dalam bahasa sumber diterjemahkan kepada penghuraian yang dapat

menerangkan unsur budaya dalam bahasa sasaran (Newmark, 1988), apabila ketiadaan padanan budaya (Norhazlina et al., 2024) melalui persamaan deskriptif.

Contoh 9

Bahasa Sumber: Dia **berkemban**, dan kedua-dua belah bahunya tertutup oleh...

Bahasa Sasaran: *Her sarong was tied around her chest...*

(Sumber: Nur Hidayah & Nur Iman Nasuha, 2024)

Unsur budaya sosial iaitu **berkemban** diterjemah kepada *sarong was tied around her chest* dengan menggunakan prosedur persamaan deskriptif yang menerangkan kain batik yang dililit mengelilingi badan bagi menutup bahagian dada hingga ke paras kaki (Nur Hidayah & Nur Iman Nasuha, 2024).

2.7.2.5 Persamaan Fungsian

Budaya dalam bahasa sumber diterjemah ke dalam bahasa sasaran dengan menerangkan fungsi budaya (Newmark, 1988) seperti menterjemah simpulan bahasa kerana membantu pembaca memahami maksud dan frasa (Ahmad Jalaluddin Al-Islami 2022).

Contoh 10

Bahasa Sumber: Jack now felt certain DP must be in **Bother-It's-Gone**.

Bahasa Sasaran: *Jack sekarang yakin SP pasti ada di Astaga-hilang*. (Sumber: Pravitha et al., 2023)

Bother-It's-Gone dalam bahasa sumber diterjemah kepada *Astaga-hilang* dengan menggunakan prosedur terjemahan persamaan fungsian kerana terdapat persamaan dari segi makna dan fungsinya dalam bahasa sasaran (Pravitha et al., 2023).

2.7.2.6 Sinonim

Prosedur terjemahan sinonim digunakan apabila kata atau ungkapan dalam bahasa sumber tidak mempunyai sebarang padanan yang tepat dalam bahasa sasaran (Newmark, 1988).

Contoh 11

Bahasa Sumber: Soon, there were five buckets of frothing creamy **milk**.

Bahasa Sasaran: *Sejurus kemudian, terhasillah lima baldi susu berkrim putih kuning*. (Sumber: Juliana et al., 2021)

Perkataan susu diterjemah kepada milk menggunakan prosedur terjemahan sinonim. Persamaan dari segi maksud dan konsep dalam bahasa sasaran memudahkan pembaca untuk memahami hasil terjemahan (Juliana et al., 2021).

2.7.2.7 Pinjam Terjemah

Pinjam Terjemah adalah prosedur terjemahan yang digunakan bagi menterjemah nama organisasi, istilah sejarah dan pentadbiran (Newmark, 1988). Prosedur terjemahan ini hanya boleh digunakan apabila istilah tersebut telah diterima atau digunakan dalam bahasa sasaran sahaja (Norhazlina, 2016).

Contoh 12

Bahasa Sumber: **Prime Minister**

Bahasa Sasaran: **Perdana Menteri** (Sumber: Norhazlina, 2022)

Prosedur terjemahan pinjam terjemah digunakan bagi menterjemah **Prime Minister** kepada **Perdana Menteri** dalam bahasa sasaran. **Prime Minister** merupakan panggilan kehormat yang diberikan kepada pemerintah negara (Norhazlina, 2022).

2.7.2.8 Transposisi

Prosedur terjemahan transposisi ialah penukaran kelas kata atau elemen dalam bahasa sumber mengikut kelas kata atau elemen dalam bahasa sasaran (Newmark, 1988; Vinay & Darbelnet, 1995) dengan menggunakan padanan yang mempunyai makna yang sama tanpa mengubah makna keseluruhan teks (Norhazlina, et al, 2024).

Contoh 13

Bahasa Sumber: Now, there's a **good girl**.

Bahasa Sasaran: *Sekarang, ada seorang gadis yang baik*.
(Sumber: Pinem, 2023)

Good girl diterjemah kepada *gadis yang baik* dengan menggunakan prosedur terjemahan literal. Adjektif + kata nama bagi good girl (Pinem, 2023). Perubahan struktur berubah kepada *gadis yang baik*. Ini kerana hasil terjemahan menjadi kata nama + adjektif (Pinem, 2023). Hasil terjemahan menunjukkan penggunaan prosedur terjemahan transposisi, namun masih mengekalkan makna dari bahasa sumber dan bahasa sasaran.

2.7.2.9 Modulasi

Prosedur terjemahan modulasi merupakan hasil terjemahan dalam bahasa sasaran yang mampu mengubah persepsi pembaca sasaran dengan mengekalkan makna dan mesej dalam bahasa sumber (Newmark, 1988; Vinay & Darbelnet, 1995) bagi memastikan pembaca sasaran memahami hasil terjemahan dalam bahasa sasaran (Norhazlina et al., 2024).

Contoh 14

Bahasa Sumber: As I lay alone in my **stall**.

Bahasa Sasaran: *Saya tidur bersendirian di dalam **kandang**.*

(Sumber: Juliana et al., 2021)

Perkataan **stall** diterjemah kepada *kandang* menggunakan prosedur terjemahan modulasi. **Stall** merupakan gerai, warung, tempat duduk khas, kandang serta petak dalam kandang yang berbeza daripada *kandang* (Juliana et al., 2021). Terdapat perubahan dari segi sudut pandangan asal namun penyampaian maklumat adalah jelas dan mudah difahami (Juliana et al., 2021).

2.7.2.10 Terjemahan Sedia Ada

Prosedur terjemahan sedia ada menggunakan padanan yang sedia ada serta telah diterjemah dan digunakan dalam bahasa sasaran (Newmark, 1988) seperti istilah khusus yang merujuk kepada nama institusi (Norhazlina et al., 2024).

Contoh 15

Bahasa Sumber: since **World War II**, our standard of living has increased

Bahasa Sasaran: *selepas **Perang Dunia II**, taraf kehidupan kita*

telah meningkat (Sumber: Norhazlina, 2022)

World War II merupakan istilah berkaitan sejarah budaya Amerika yang diterjemah kepada **Perang Dunia II** (Norhazlina, 2022). Newmark (1988), mencadangkan sejarah dan institusi diterjemah dengan mengguna pakai prosedur terjemahan sedia ada.

2.7.2.11 Terjemahan Label

Terjemahan label dikenali sebagai terjemahan yang bersifat sementara dengan menggunakan tanda pengikat kata untuk menterjemah istilah-istilah yang baharu (Norhazlina et al., 2024), namun, tanda pengikat kata tidak digunakan lagi apabila istilah-istilah tersebut diterima umum (Newmark, 1988).

Contoh 16

Bahasa Sumber: **‘revolution’**

Bahasa Sasaran: **revolusi** (Sumber: Noriyana & Arnida, 2022)

Penterjemah menggunakan terjemahan label bagi menterjemah **revolusi**. Perkataan **‘revolution’** berada di dalam petikan dan memperkenalkan istilah yang baharu (Noriyana & Arnida, 2022).

2.7.2.12 Penggantian

Penggantian merupakan kesan pragmatik, metafora, dan maksud sebenar dalam ayat bahasa sumber yang dihilangkan dalam bahasa sasaran dengan menggantikan perkataan, frasa atau ayat yang lain, namun masih memberikan kesan yang sama (Newmark, 1988).

Contoh 17

Bahasa Sumber: Ada seorang **orang ubatan dapat ia menjadikan dirinya segala rupa.**

Bahasa Sasaran: *Ada seorang **pawang** yang boleh menjelma dalam pelbagai rupa.* (Muhammad Bazli & Nur Syamilah Mat, 2019)

Prosedur terjemahan penggantian digunakan untuk menterjemah istilah **orang**

ubatan yang menggambarkan watak mempunyai kuasa atau ilmu ghaib kepada **pawang** (Muhammad Bazli & Nur Syamilah Mat, 2019). Pawang merupakan individu yang mempunyai kebolehan mengubati orang sakit dengan menggunakan ilmu ghaib (Dewan Bahasa dan Pustaka, n.d.). Oleh itu, pemilihan istilah pawang lebih bertepatan dengan konteks dan makna yang ingin disampaikan dalam bahasa sasaran (Muhammad Bazli & Nur Syamilah Mat, 2019).

2.7.2.13 *Analisis Komponen*

Analisis komponen merupakan sesuatu leksikal dalam bahasa sumber yang diterjemah dengan menggunakan perkataan yang hampir sama (Norhazlina et al., 2024), namun, tidak menggunakan padanan satu lawan satu (Newmark, 1988).

Contoh 18

Bahasa Sumber: As long as the police **keep their heads in the sand**

Bahasa Sasaran: *Selama kepolisian **tak peduli*** (Sumber: Septiani et al., 2023)

Keep their heads in the sand diterjemah kepada **tak peduli** dengan menggunakan prosedur terjemahan analisis komponen. Bahasa sumber diterjemah secara ringkas dalam bahasa sasaran, namun masih mengekalkan maknanya (Septiani et al., 2023).

2.7.2.14 *Pengguguran dan Perluasan*

Perkataan dalam bahasa sumber digugurkan daripada diterjemah dalam bahasa sasaran, manakala prosedur terjemahan perluasan merupakan budaya dalam bahasa sumber yang diterjemah dengan menambahkan mesej dalam bahasa sasaran (Newmark, 2024). Kedua-dua prosedur ini tidak digalakkan diguna pakai secara berkala kerana ia mampu mengurangkan dan menambahkan mesej serta dianggap sebagai terjemahan yang kurang tepat (Nur Hidayah & Nur Iman Nasuha, 2024).

Contoh 19

Bahasa Sumber: Matanya ke **lampu tin** yang melenggang-lenggang itu.

Bahasa Sasaran: *Her eyes fell on the **lamp** that was wavering and flickering.* (Sumber: Nur Hidayah & Nur Iman Nasuha, 2024)

Prosedur terjemahan pengguguran digunakan bagi menterjemah **lampu tin** kepada **lamp** dengan menggugurkan perkataan **tin** daripada diterjemah kepada bahasa sasaran kerana lampu tin dan lampu membawa makna yang sama walaupun **tin** digugurkan dalam bahasa sasaran (Nur Hidayah & Nur Iman Nasuha, 2024).

Contoh 20

Bahasa Sumber: Dan keriuhan anak-anak **bermain jelun dan berkejar-kejaran menjalar-jalarlah.**

Bahasa Sasaran: *And the din and clamour of the children playing **jelun and catch** began to creep into every corner of the Village.* (Sumber: Nur Hidayah & Nur Iman Nasuha, 2024)

Bermain jelun dan berkejar-kejaran menjalar-jalarlah diterjemah kepada *playing jelun and catch began to creep into every corner of the Village* dengan menggunakan prosedur terjemahan pengembangan dengan menambah *into every corner of the village* dalam bahasa sasaran. Penambahan yang dilakukan mampu memberikan maklumat tambahan kepada pembaca sasaran dengan menyatakan jelun merupakan permainan yang dimainkan di kawasan kampung (Nur Hidayah & Nur Iman Nasuha, 2024).

2.7.2.15 Parafrasa

Proses terjemahan parafrasa merupakan proses penerangan mengenai makna yang ingin disampaikan dalam bahasa sumber apabila makna yang ingin disampaikan kurang difahami (Newmark, 1988).

Contoh 21

Bahasa Sumber: Entahlah, masih belum tahu lagi sebab **tempayan** saya cuma sebuah saja.

Bahasa Sasaran: *Don't know, perhaps. I still don't know because i have only **one jar for storage.*** (Sumber: Nur Hidayah & Nur Iman Nasuha, 2024)

Tempayan diterjemah kepada *one jar of storage* dengan menggunakan prosedur terjemahan parafrasa. **Tempayan** merupakan tempat penyimpanan air yang diperbuat daripada tanah liat. Frasa *one jar for storage* merujuk kepada tempat penyimpanan berbentuk bulat dan menyamai makna dalam bahasa sasaran (Nur Hidayah & Nur Iman Nasuha, 2024).

2.7.2.16 *Kuplet*

Dua atau lebih prosedur terjemahan digunakan untuk menterjemah unsur budaya dalam bahasa sumber (Newmark, 1988) apabila unsur tersebut melibatkan penggunaan perkataan berunsur budaya namun sukar untuk diterjemah ke dalam bahasa sasaran (Nur Hidayah & Nur Iman Nasuha, 2024).

Contoh 22

Bahasa sumber: by forcing the **Red Army** to withdraw

Bahasa sasaran: *dengan memaksa **Red Army (Tentera Merah)** untuk berundur* (Sumber: Norhazlina, 2022)

Red Army diterjemah kepada *Red Army (Tentera Merah)* dengan menggunakan prosedur terjemahan kuplet dengan menggabungkan dua prosedur terjemahan iaitu pemindahan dan nota. **Red Army** diterjemah dengan menggunakan prosedur terjemahan pemindahan, manakala **Tentera Merah** secara terjemahan literal dalam kurungan (Norhazlina, 2022).

2.7.2.17 *Nota, Maklumat Tambahan dan Glos*

Nota, maklumat tambahan dan glos merujuk kepada penambahan maklumat dalam bahasa sasaran, iaitu nota dan maklumat tambahan yang diletakkan di bahagian bawah muka surat atau pada akhir bab, manakala glos atau glosari disediakan pada muka surat akhir (Newmark, 1988).

Contoh 23

Bahasa Sumber: Seperti **Buya Hamka** yang sekampung dengan kita itu.

Bahasa Sasaran: *Like **Buya Hamka** from our Village. A renowned Indonesian Muslim scholar, politician, and author*

(1908-1981). (Sumber: Rita Sutjiati & Novia Diah, 2021)

Istilah **Buya Hamka** diterjemah dengan menggunakan prosedur terjemahan **maklumat tambahan** iaitu menerangkan bahawa Buya Hamka merupakan seorang ulama, ahli politik dan penulis terkenal di Indonesia (Rita Sutjiati & Novia Diah, 2021).

2.7.2.18 *Terjemahan Literal*

Newmark (1988) menyatakan prosedur terjemahan literal bahasa sumber diterjemah dengan mengekalkan struktur ayat bahasa sumber dalam bahasa sasaran. Prosedur terjemahan literal turut dikenali sebagai prosedur terjemahan paling asas dan tepat (Nurul Asmaa Akmal & Awang Azman, 2020). Hasil terjemahan membantu pembaca untuk memahami bahasa sasaran dengan lebih jelas (Ahmad Jalaluddin Al-Islami 2022).

Contoh 24

Bahasa Sumber: as in America on **Halloween**.

Bahasa Sasaran: *sama seperti di Amerika semasa **Halloween**.*

(Sumber: Norhazlina, 2022)

Prosedur terjemahan literal digunakan bagi menterjemah **Halloween** kepada bahasa sasaran. Prosedur terjemahan literal ialah menterjemah bahasa sumber kepada padanan yang setara bagi bahasa sasaran (Norhazlina, 2022).

2.7.3 **Padanan Terjemahan (Koller, 1979)**

Lima jenis padanan terjemahan yang diketengahkan oleh Koller (1979) dalam bukunya *Einführung in die Übersetzungswissenschaft (Introduction into the Science of Translation)* iaitu (i) padanan denotasi, (ii) padanan konotasi, (iii) padanan teks normatif, (iv) padanan pragmatik dan (v) padanan formal.

2.7.3.1 *Padanan Denotasi*

Padanan denotasi merujuk kepada kesepadanan makna antara bahasa sumber dan bahasa sasaran yang ditentukan oleh rujukan sebenar (Koller, 1979) dengan memfokuskan kepada leksikal atau perkataan (Bakiev & qizi, 2025).

Contoh 25

Bahasa sumber: See ya.

Bahasa sasaran: *Sampai jumpa*. (Sumber: Maharani et al., 2025)

Perkataan **see ya** dan padanannya *sampai jumpa* dalam bahasa sasaran menunjukkan padanan denotatif. Ungkapan **see ya** merupakan bentuk sapaan tidak formal yang berasal daripada frasa **see you**, dengan **ya** digunakan sebagai bentuk slanga bagi **you**. Padanan denotasi digunakan bagi *sampai jumpa* dalam bahasa sasaran dengan menyampaikan makna asas (Maharani et al., 2025).

2.7.3.2 Padanan Konotasi

Padanan konotasi ialah perkataan atau leksikal dalam bahasa sumber yang paling hampir dalam bahasa sasaran yang mampu memberikan makna tambahan atau gambaran yang sama dengan pemikiran penutur kedua-dua bahasa (Koller, 1979).

Contoh 26

Bahasa sumber: That was part of the plan. Hide in plain sight, you **mug**.

Bahasa sasaran: *Itu adalah bagian dari rencananya. Bersembunyi di depan mata, dasar bodoh*. (Sumber: Julian, 2023)

Perkataan **mug** merupakan bahasa slanga dalam bahasa sumber dan padanan terjemahannya *bodoh* merupakan padanan konotasi. Penyari kata menggunakan jenis padanan terjemahan konotasi kerana mempunyai konotasi yang sama (Julian, 2023).

2.7.3.3 Padanan Teks Normatif

Padanan teks normatif merujuk kepada kesepadanan yang berpandukan jenis teks, memandangkan setiap jenis teks dihasilkan dan disusun dengan cara yang berbeza (Koller, 1979). Sebagai contohnya, surat rasmi atau dokumen undang-undang perlu mematuhi format dan penggunaan bahasa yang lazim dalam bahasa sasaran agar lebih sesuai dan mudah difahami (Maharani et al., 2025).

2.7.3.4 *Padanan Pragmatik*

Padanan pragmatik, yang juga dikenali sebagai padanan komunikatif (Koller, 1979), merujuk kepada kesepadanan dengan menekankan konteks komunikasi, keperluan, dan latar belakang pembaca sasaran bagi memastikan makna asal dalam bahasa sumber yang dapat difahami dengan jelas (Julian, 2023; Maharani et al., 2025).

Contoh 27

Bahasa sumber: **Ayo**, eksplorasi alam Pupuan dengan pesonanya yang alami.

Bahasa sasaran: ***Come on, explore Pupuan's nature with its natural charm.*** (Sumber: Freskila & Jayantini, 2025).

Perkataan **ayo** dalam bahasa Indonesia dan padanan terjemahannya ***come on*** dalam bahasa Inggeris merupakan padanan pragmatik yang merujuk kepada satu jemputan atau galakan untuk memulakan sesuatu (Freskila & Jayantini, 2025). Padanan pragmatik digunakan dengan menyampaikan maksud dan fungsi yang seerti.

2.7.3.5 *Padanan Formal*

Padanan formal adalah padanan yang menumpukan kepada bentuk dan estetika teks, termasuk ciri gaya bahasa dalam bahasa sumber (Koller, 1979) seperti struktur ayat, rima atau metafora dalam bahasa sumber agar dapat menyampaikan bentuk dan gaya penulis bahasa sumber (Julian, 2023; Haqim et al., 2025; Bakiev & qizi, 2025).

Contoh 28

Bahasa sumber: **Jadi, kapan ke KKC Pupuan?** Untuk informasi selengkapnya silakan lihat pada info kontak.

Bahasa sasaran: ***So, when to visit KKC Pupuan? For more information please see the contact info.*** (Sumber: Freskila & Jayantini, 2025)

Jadi, kapan ke KKC Pupuan dan padanannya ***So, when to visit KKC Pupuan*** merupakan padanan formal kerana mengekalkan struktur bahasa sumber dalam bahasa sasaran (Freskila & Jayantini, 2025).

2.8 Rumusan

Rumusannya, bab ini membicarakan sorotan literatur yang dibicarakan dalam kajian ini secara terperinci, merangkumi perbincangan mengenai budaya, terjemahan budaya, prosedur terjemahan, TAV dan kerangka teori. Metodologi kajian dibicarakan di dalam bab yang seterusnya.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pendahuluan


Bab 3 membincangkan pendekatan dan kaedah yang digunakan untuk mencapai ketiga-tiga objektif kajian, iaitu prosedur terjemahan dan padanan terjemahan budaya dari bahasa Melayu ke sari kata bahasa Inggeris dalam filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*. Antara aspek yang dibincangkan dalam bab ini termasuk reka bentuk kajian, kaedah kajian, bahan kajian, proses pengumpulan data, kerangka analisis, serta langkah-langkah untuk memastikan kebolehpercayaan data.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini merupakan satu kajian kes yang mengkaji prosedur terjemahan dan padanan terjemahan dalam sari kata filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif ke atas filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula* yang dijadikan sebagai bahan kajian. Kajian ini dijalankan secara kualitatif kerana pengkaji dapat memperolehi keputusan atau memahami teori secara mendalam dengan mudah (Norhazlina, 2015).

Kajian ini melibatkan dua kaedah kajian iaitu (i) analisis kandungan untuk mengenal pasti kategori budaya dalam filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*, serta (ii) analisis perbandingan digunakan bagi mencapai dua objektif kajian iaitu prosedur terjemahan budaya dalam sari kata filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula* dan menghurai jenis padanan terjemahan dalam sari kata filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*.

Teori kajian yang berbeza digunakan bagi setiap objektif kajian. Kategori Budaya oleh Newmark (1988) digunakan untuk mengkategorikan unsur budaya yang dikenal pasti terdapat dalam filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*, Prosedur Terjemahan oleh Newmark (1988) pula digunakan untuk menganalisis prosedur terjemahan yang digunakan untuk menterjemah unsur budaya ke dalam bahasa Inggeris. Jenis-jenis Padanan Terjemahan oleh Koller (1979) turut digunakan untuk menghuraikan jenis-jenis padanan terjemahan unsur budaya dalam filem *Geng: Pengembaraan Bermula*. Reka bentuk kajian ini adalah seperti berikut.



Rajah 3.1 Reka Bentuk Kajian Analisis Terjemahan Unsur Budaya dalam Sari Kata Filem Animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*.

3.3 Kaedah Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan dan analisis perbandingan secara kualitatif bagi mencapai ketiga-tiga objektif kajian. Filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula* diperolehi daripada aplikasi YouTube yang ditonton berulang kali bagi memahami jalan penceritaan dan watak yang terdapat di dalamnya. Setelah menonton filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*, proses transkripsi dilakukan dengan mentranskripsi dialog asal dalam bahasa Melayu dan terjemahannya dalam sari kata bahasa Inggeris dengan menggunakan perisian *Microsoft Word*. Setelah proses transkripsi selesai dilakukan, setiap transkripsi dibaca berulang kali sambil menonton filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula* untuk mengenal pasti unsur budaya yang terdapat di dalamnya.

Dalam kajian ini, data kajian ditentukan berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan iaitu perkataan dan frasa dalam dialog bahasa Melayu yang diterjemah ke dalam sari kata bahasa Inggeris filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*. Setiap unsur budaya dikenal pasti dengan menggunakan analisis kandungan untuk mengenal pasti data kajian berbentuk perkataan atau frasa dalam sari kata daripada transkripsi bahasa Melayu filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*. Setiap unsur budaya yang dikenal pasti disenaraikan terlebih dahulu sebelum melakukan pengkategorian berdasarkan lima kategori yang diketengahkan oleh Newmark (1988). Setelah melakukan pengkategorian unsur budaya, analisis perbandingan dilakukan untuk menganalisis prosedur terjemahan. Pengkategorian unsur budaya dalam bahasa Melayu dan terjemahannya dalam sari kata bahasa Inggeris dilakukan berdasarkan prosedur terjemahan yang diketengahkan oleh Newmark (1988). Dalam kajian ini, analisis perbandingan juga digunakan untuk menganalisis padanan terjemahan dalam sari kata filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*. Perbandingan dilakukan dengan membandingkan unsur budaya dalam bahasa Melayu dan padanannya dalam sari kata bahasa Inggeris. Setiap perbandingan dilakukan berdasarkan padanan terjemahan oleh Koller (1979).

3.3.1 Transkripsi

Transkripsi ialah proses pemindahan kandungan audio atau video kepada format teks (Eftekhari, 2024), yang digunakan bagi analisis linguistik dan bahan

pembelajaran (Rajalakshmi et al., 2025), serta boleh digunakan untuk mengenal pasti elemen lain bagi tujuan analisis. Dalam kajian ini, transkripsi dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris digunakan untuk mengenal pasti data kajian dan memudahkan proses analisis. Filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula* ditonton berulang kali bagi memahami jalan penceritaan dan watak yang terdapat di dalamnya. Antara cabaran utama yang perlu dihadapi sepanjang proses transkripsi dilakukan adalah, terdapat beberapa dialog yang kurang jelas ujarannya. Oleh itu, filem animasi tersebut perlu didengari berulang kali bagi mengesahkan setiap ujaran yang digunakan. Akhir sekali, transkripsi dalam bahasa Melayu dan sari kata bahasa Inggeris disemak dan disahkan oleh seorang penyemak yang dilantik.

3.3.2 Analisis Kandungan

Analisis kandungan ialah kaedah yang menggunakan bahan media cetak dan elektronik (Nurul Alliyana & Faudzinaim, 2018) untuk mengenal pasti kehadiran elemen-elemen seperti perkataan, konsep atau tema dalam sesuatu teks, dan biasanya digunakan bagi pendekatan kualitatif (Armstrong, 2021). Teks seperti artikel, ucapan (politik atau apolitik), paparan, drama, filem, rakaman audio, siaran langsung, buku, majalah, surat khabar, wawancara transkrip, blog dan siaran internet, kartun, laman web, gambar, lukisan imej dan bahan simbolik, dan lain-lain (Biriowu & Chris-Biriowu, 2021) merupakan contoh teks yang digunakan untuk analisis kandungan. Kaedah ini juga digunakan bagi menganalisis aspek penggunaan bahasa dan gaya penyampaian (Norhazlina, 2015), serta mengenal pasti elemen-elemen yang lain bagi tujuan analisis. Kajian ini memfokuskan kepada pengenalanpastian unsur budaya yang terdapat dalam bahan kajian. Selaras dengan objektif kajian, hanya unsur budaya sahaja dikenal pasti dan dianalisis, manakala elemen lain yang bukan berunsur budaya tidak diambil kira dalam proses pengenalanpastian dan penganalisan data. Unsur budaya yang berulang pula dikira sebagai satu data sahaja bagi mengelakkan pengulangan dalam analisis.

Data kajian ditentukan berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan, iaitu perkataan dan frasa yang terdapat dalam sari kata filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*. Analisis kandungan digunakan untuk mengenal pasti data kajian yang berbentuk perkataan dan frasa dalam sari kata, berdasarkan transkripsi dialog bahasa Melayu filem animasi tersebut. Seterusnya, setiap unsur budaya yang dikenal pasti

dikategorikan mengikut lima kategori budaya seperti yang dikemukakan oleh Newmark (1988). Contohnya:

Contoh 1

Badrol: **Atok.** (17:51)

Badrol: Badrol ni, **cucu** Atok! (17:52)

Tok Dalang: Badrol? (17:56)

Tok Dalang: **Cucu** aku? (17:57)

Dalam Contoh 1, Atok, dan Cucu merupakan unsur budaya yang dikenal pasti dengan menggunakan transkripsi dalam bahasa Melayu. Transkripsi ini digunakan untuk mengenal pasti unsur budaya yang terdapat di dalamnya. Setiap unsur budaya dikategorikan berdasarkan kategori budaya oleh Newmark (1988).

Analisis kandungan hanya mengenal pasti unsur budaya sahaja. Maka, jika elemen lain seperti unsur bukan budaya terdapat di dalamnya, maka ia tidak dikira sebagai data kajian. Budaya yang berulang dikira sebagai satu budaya sahaja.

3.3.3 Analisis Perbandingan

Analisis perbandingan melibatkan perbandingan berdasarkan kod, kategori dan tema tertentu (Lim, 2025) yang digunakan untuk mengenal pasti persamaan dan perbezaan antara data (Samoilenko et al., 2024). Kaedah ini juga boleh digunakan dengan membandingkan elemen lain, khususnya dalam kajian terjemahan. Bagi analisis perbandingan, baris sari kata merupakan unit yang dianalisis seperti membandingkan budaya dalam bahasa Melayu dan terjemahannya dalam sari kata bahasa Inggeris. Setiap unsur budaya yang diterjemah ke dalam sari kata bahasa Inggeris dibandingkan dengan menggunakan prosedur terjemahan oleh Newmark (1988). Contohnya:

Contoh 2

Bahasa Sumber: Macam **Kak Ros!**(16:49)

Bahasa Sasaran: *Just like **Kak Ros!***(16:49)

Contoh 2 menunjukkan hasil analisis perbandingan dengan membandingkan unsur budaya dalam bahasa Melayu dan terjemahannya dalam sari kata bahasa Inggeris. Kak Ros merupakan unsur budaya dalam bahasa Melayu yang dilakukan perbandingannya dengan hasil terjemahan dalam sari kata bahasa Inggeris iaitu *Kak Ros*. Analisis perbandingan dilakukan dengan menggunakan prosedur terjemahan oleh Newmark (1988) iaitu pemindahan.

Analisis perbandingan juga digunakan dalam kajian ini untuk menghuraikan jenis padanan terjemahan dalam sari kata filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*. Unsur budaya dalam bahasa Melayu dan padanan terjemahannya dalam sari kata bahasa Inggeris, dilakukan perbandingan. Setiap padanan dianalisis mengikut lima jenis padanan terjemahan oleh Koller (1979). Contohnya:

Contoh 3

Bahasa Sumber: Macam **Kak** Ros!(16:49)

Bahasa Sasaran: *Just like **Kak** Ros!*(16:49)

Contoh 3 menunjukkan analisis perbandingan yang digunakan untuk menghurai jenis padanan terjemahan dalam sari kata bahasa Inggeris. Analisis perbandingan dilakukan dengan membandingkan unsur budaya, iaitu Kak dalam bahasa Melayu, dan padanannya dalam sari kata bahasa Inggeris, iaitu Kak. Berdasarkan perbandingan yang dilakukan, ia menunjukkan bahawa penyari kata menggunakan padanan terjemahan oleh Koller (1979), iaitu padanan formal.

3.4 Bahan Kajian

Syarikat animasi Les' Copaque Production Sdn. Bhd. ditubuhkan oleh sepasang suami isteri iaitu Haji Burhanuddin Md Radzi dan Hajah Ainon Ariff dengan menghasilkan sebuah animasi pendek yang sesuai dijadikan tontonan buat semua peringkat umur. Filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula* merupakan projek pertama syarikat animasi Les' Copaque Production Sdn. Bhd. yang dilancarkan pada tahun 2007 dan menerima hak cipta terpelihara Les' Copaque Production Sdn Bhd pada tahun 2008. Filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula* dihasilkan dengan menggunakan latar belakang perkampungan di Malaysia.

Filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula* diarahkan oleh Mohd Nizam Abd Razak selaku pengarah, manakala Haji Burhanuddin Md Radzi dan Hajah Ainon Ariff bertindak sebagai penerbit. Filem animasi 3D ini menelan perbelanjaan sebanyak RM 4.2 juta dan melibatkan kepakaran seramai 100 karyawan tempatan (Zieman, 2009). Selain itu, sebanyak RM 1 juta telah disumbangkan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia (MOSTI), manakala Kementerian Pelancongan Malaysia turut menyumbang sebanyak RM 200 000 bagi pembikinan filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula* (Budiey, 2009) ini. Filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula* telah ditayangkan sehingga 25 Mac 2009 di 40 buah pawagam


(Siti Azira, 2009) di Asia Tenggara termasuk Indonesia, Singapura dan Brunei (Mohamad Razeef Shah et al., 2020). Sebanyak RM 6.3 juta kutipan berjaya dicapai bagi filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula* sepanjang tempoh ia ditayangkan, sekali gus menjadikannya filem tempatan dengan kutipan tertinggi selama 7 tahun sejak tarikh tayangannya (Les' Copaque Production, n.d.).

Filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula* ditayangkan dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Paparan sari kata bahasa Inggeris turut ditonjolkan bagi filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*.

Filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula* mengisahkan tentang dua sahabat iaitu *Badrol* dan *Lim* yang pulang ke Kampung Durian Runtuh untuk melawat Tok Dalang iaitu datuk kepada *Badrol*. Kepulangan mereka berdua dikejutkan dengan kehilangan buah durian di dusun penduduk kampung. Penduduk kampung berspekulasi bahawa kehilangan buah durian berpunca daripada Hantu Durian. Hal ini menimbulkan tanda tanya, menyebabkan *Badrol* dan *Lim* ingin ke dusun durian milik *Tok Dalang* untuk menyiasat puncanya dengan menaiki kereta lembu bersama *Upin*, *Ipin* dan *Rajoo*. Kehadiran mereka di dusun durian turut dikejutkan dengan seekor haiwan yang dikenali sebagai *Opet*. Tidak semena-mena, *Upin*, *Ipin* dan *Rajoo* asyik mengejar *Opet* tanpa memikirkan risiko yang mungkin dihadapi. Kehilangan mereka bertiga menyebabkan *Kak Ros*, *Badrol* dan *Lim* membuat keputusan untuk mencari tiga sahabat itu. Pertemuan *Kak Ros*, *Badrol* dan *Lim* bersama *Upin*, *Ipin* dan *Rajoo* menyebabkan mereka tersesat jauh ke dalam hutan dan mula mencari jalan pulang. Filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula* dipilih sebagai bahan kajian kerana filem ini mengetengahkan elemen budaya yang terdapat di Malaysia (Mohamad Razeef Shah et al., 2020) selaras dengan objektif kajian yang dijalankan ini.

3.5 Proses Pengumpulan Data

Kajian ini melalui lapan proses pengumpulan data. Rajah 3.2 menunjukkan carta alir bagi proses pengumpulan data.



Rajah 3.2 Proses Pengumpulan Data

Proses pertama dalam kajian ini adalah menonton filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula* melalui platform YouTube secara berulang kali bagi memahami jalan penceritaan, watak serta konteks budaya yang dipaparkan.

Proses kedua adalah melakukan transkripsi dialog dalam bahasa Melayu dan terjemahannya dalam sari kata bahasa Inggeris seperti yang terdapat dalam filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*. Setiap dialog dan sari kata yang dilakukan transkripsi turut disertai masa (minit) pada bahagian hujungnya bagi memudahkan proses semakan semula. Perisian *Microsoft Word* digunakan untuk melakukan transkripsi bagi pengenalpastian penyusunan data kajian.

Proses ketiga adalah penggunaan kaedah kajian analisis kandungan untuk mengenal pasti unsur budaya yang terdapat dalam transkripsi dialog dalam bahasa Melayu. Pengenalpastian dan penyenaraian dilakukan terlebih dahulu bagi setiap perkataan atau frasa yang mengandungi unsur budaya.

Proses keempat ialah pengelompokan data bagi unsur budaya. Kategori budaya oleh Newmark (1988) iaitu (i) ekologi, (ii) material, (iii) sosial, (iv) organisasi, adat, aktiviti, prosedur atau konsep, serta (v) amalan dan gerak laku digunakan bagi proses pengelompokan.

Proses kelima adalah kaedah kajian analisis perbandingan yang digunakan dengan membandingkan perkataan atau frasa yang mengandungi unsur budaya dalam

bahasa Melayu dan terjemahannya dalam sari kata bahasa Inggeris untuk menganalisis prosedur terjemahan budaya dalam sari kata filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*. Analisis perbandingan ini dilakukan untuk meneliti prosedur terjemahan yang digunakan untuk menterjemah unsur budaya ke dalam sari kata bahasa Inggeris.


Proses keenam adalah pengelompokan data bagi prosedur terjemahan. Prosedur terjemahan oleh Newmark (1988) iaitu (i) pemindahan, (ii) naturalisasi, (iii) persamaan budaya, (iv) terjemahan literal, (v) persamaan fungsian, (vi) persamaan deskriptif, (vii) sinonim, (viii) pinjam terjemah, (ix) transposisi, (x) modulasi, (xi) terjemahan sedia ada, (xii) terjemahan label, (xiii) analisis komponen, (xiv) pengguguran, (xv) pengembangan, (xvi) parafrasa, (xvii) kuplet, serta (xviii) nota, maklumat tambahan dan glos digunakan untuk pengelompokan data prosedur terjemahan.

Proses ketujuh adalah analisis perbandingan bagi menghuraikan jenis padanan terjemahan budaya dalam sari kata bahasa Inggeris filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*. Dalam proses ini, unsur budaya dalam bahasa Melayu dilakukan perbandingan dengan padanannya dalam sari kata bahasa Inggeris.

Akhir sekali, pengelompokan data padanan terjemahan. Padanan terjemahan oleh Koller (1979) iaitu (i) padanan denotasi, (ii) padanan konotasi, (iii) padanan pragmatik, (iv) padanan teks normatif, serta (v) padanan formal digunakan bagi proses pengelompokan.

3.6 Kerangka Analisis

Kajian ini mengemukakan tiga kerangka analisis bagi mencapai ketiga-tiga objektif kajian. Rajah 3.2 menunjukkan kerangka analisis yang digunakan bagi kajian yang dijalankan.



Rajah 3.3 Kerangka Analisis bagi Analisis Terjemahan Budaya dalam Sari Kata Filem Animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*

3.6.1 Kategori Budaya

Analisis kandungan digunakan untuk mengenal pasti unsur budaya dengan menggunakan transkripsi dalam bahasa Melayu. Filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula* dan transkripsi dalam bahasa Melayu diteliti secara berulang kali untuk mengenal pasti unsur budaya yang terdapat di dalamnya. Setiap unsur budaya yang dikenal pasti disenarai terlebih dahulu sebelum dilakukan pengkategorian berdasarkan kategori budaya oleh Newmark (1988). Setiap budaya yang dilakukan pengkategorian turut dilakukan penomboran. Perkiraan dilakukan berdasarkan penomboran yang dilakukan untuk setiap kategori budaya. Setelah itu, setiap kekerapan bagi kategori budaya dimasukkan ke dalam *Microsoft Excel* untuk mengira kekerapan setiap kategori budaya. Walau bagaimanapun, unsur budaya yang berulang hanya dikira sebagai satu data sahaja. Data yang bukan unsur budaya tidak dikira sebagai unsur budaya kerana fokus kajian adalah untuk mengenal pasti jenis unsur budaya sahaja. Sebagai contohnya,

Contoh 4

Badrol: **Atok**. (17:51)

Badrol: Badrol ni, **cucu** Atok! (17:52)

Tok Dalang: Badrol? (17:56)

Tok Dalang: **Cucu** aku? (17:57)

Contoh 4 menunjukkan bahawa **atok** dan **cucu** merupakan unsur budaya yang dikenal pasti melalui transkripsi bahasa Melayu dalam filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*. Unsur budaya dalam bahasa Melayu iaitu **atok** dan **cucu** dikategorikan sebagai unsur budaya sosial iaitu kelas masyarakat. Kelas masyarakat merupakan istilah atau ungkapan yang merujuk kepada aktiviti atau kebiasaan dalam budaya sosial sesebuah masyarakat (Norhazlina et al., 2024). Budaya sosial adalah aktiviti dalam kehidupan harian seperti (i) aspek kerja, (ii) kelas masyarakat dan (iii) riadah atau permainan yang dimainkan oleh sesebuah masyarakat (Newmark, 1988).

Contoh 4 juga menunjukkan unsur budaya yang tidak dikategorikan sebagai budaya, iaitu Badrol, yang merupakan nama watak dalam filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*. Badrol tidak dikategorikan sebagai unsur budaya kerana tidak selaras dengan kategori budaya oleh Newmark (1988). Selain itu, terdapat pengulangan atok dan cucu dalam contoh ini, yang dikira sebagai satu kekerapan sahaja.

3.6.2 Prosedur Terjemahan

Analisis perbandingan digunakan untuk menganalisis prosedur terjemahan unsur budaya dengan membandingkan unsur budaya dalam bahasa Melayu dan terjemahannya dalam sari kata bahasa Inggeris. Unsur budaya dalam bahasa Melayu dan terjemahannya dalam sari kata bahasa Inggeris diletakkan bersebelahan untuk dilakukan perbandingan berdasarkan prosedur terjemahan oleh Newmark (1988). Perisian *Microsoft Excel* digunakan untuk mengira jumlah keseluruhan untuk setiap prosedur terjemahan.

Selain itu, unsur budaya yang terdapat pengulangan tidak dilakukan perbandingannya. Pada masa sama, data yang tidak dikategorikan sebagai unsur budaya juga tidak dilakukan perbandingan kerana fokus kajian ini adalah unsur budaya dalam bahasa Melayu dan terjemahannya dalam sari kata bahasa Inggeris.

Contoh 5

Bahasa Sumber: Eh, ini **atok** aku. (1:40)

Bahasa Sasaran: *Hey, my **grandpa** on TV!* (1:40)

Contoh 5 menunjukkan unsur budaya dalam bahasa Melayu yang dilakukan perbandingan dengan terjemahan sari kata ke dalam bahasa Inggeris berdasarkan prosedur terjemahan oleh Newmark (1988). Prosedur terjemahan literal digunakan bagi menterjemah **atok** kepada **grandpa**. Struktur dalam bahasa sumber dikekalkan dalam bahasa sasaran (Newmark, 1988).

3.6.3 Padanan Terjemahan

Analisis perbandingan digunakan untuk mengenal pasti padanan terjemahan budaya dengan membandingkan unsur budaya dalam bahasa sumber dan padanannya dalam sari kata bahasa Inggeris. Setiap perbandingan dilakukan, diletakkan bersebelahan dengan prosedur terjemahan. Perbandingan dilakukan berdasarkan padanan terjemahan oleh Koller (1979). Perisian *Microsoft Excel* digunakan untuk mengira kekerapan bagi setiap padanan terjemahan.

Selain itu, unsur budaya dalam bahasa sumber dan padanan terjemahannya dalam sari kata bahasa sasaran yang berulang, dikira sebagai satu dapatan sahaja. Pada masa sama, data yang tidak dikategorikan sebagai unsur budaya tidak dilakukan perbandingan kerana fokus kajian ini adalah unsur budaya dan padanan terjemahan

sahaja.

Contoh 6

Bahasa Sumber: Eh, ini **atok** aku. (1:40)

Bahasa Sasaran: *Hey, my **grandpa** on TV!* (1:40)

Contoh 6 menunjukkan unsur budaya dalam bahasa Melayu dan padanannya dalam sari kata bahasa Inggeris yang dilakukan perbandingan. Atok merupakan unsur budaya dalam bahasa Melayu dan padanannya **grandpa** merupakan padanan denotasi berdasarkan padanan terjemahan oleh Koller (1979). Padanan denotasi adalah bahasa sumber yang diterjemah dengan mengguna pakai padanan sedia ada (Koller, 1979).

3.7 Kebolehpercayaan Data

Analisis kandungan dilakukan bagi mengenal pasti budaya yang terdapat dalam dialog bahasa Melayu filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*. Setiap budaya yang dikenal pasti perlu disemak, disahkan fungsi dan maknanya berdasarkan konteks bahasa sumber. Sehubungan itu, dua orang penilai dilantik untuk menjalankan tugas ini. Terdapat dua orang penilai dalam kajian ini iaitu, penilai pertama merupakan penyelia bagi kajian ini, manakala penilai kedua merupakan individu yang dianggap sebagai pakar bidang TAV.

Melalui perbincangan bersama penyelia, satu nama telah dicadangkan sebagai penilai kedua bagi kajian ini. Penilai kedua dilantik untuk memastikan ketepatan pengenalanpastian unsur budaya, prosedur terjemahan serta padanan terjemahan berdasarkan kerangka teori yang digunakan dalam kajian ini.

Penilai ini dipilih kerana mempunyai pengalaman sebagai pensyarah serta merupakan penterjemah dalam bahasa Melayu ke bahasa Inggeris. Dokumen berkaitan (i) surat pelantikan pakar, (ii) borang penilaian data kajian, serta (iii) metodologi dan data kajian yang dikemukakan kepada penilai telah dihantar melalui e-mel untuk tujuan semakan dan pengesahan.

Penilai memberikan persetujuan untuk menjadi penilai dan memberikan maklum balas lengkap terhadap metodologi dan data kajian. Setiap cadangan dan pembetulan penambahbaikan yang dikemukakan oleh penilai diambil kira bagi memperkukuhkan kualiti kajian ini. Kajian ini mengikuti setiap cadangan yang diberikan oleh pakar apabila terdapat percanggahan data (rujuk Lampiran 1 dan Lampiran 2 untuk metodologi dan data kajian yang disemak oleh penilai).

3.8 Rumusan

Rumusannya, bab ini membicarakan mengenai metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini secara terperinci. Perbincangan mengenai reka bentuk kajian, kaedah kajian, bahan kajian, proses pengumpulan data dan kerangka analisis diterangkan dalam bab ini. Dapatan kajian dibincangkan dalam bab yang seterusnya di mana penemuan akan dianalisis oleh objektif kajian.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan dapatan kajian yang diperoleh bagi mencapai ketiga-tiga objektif kajian. Objektif pertama kajian adalah untuk mengenal pasti unsur budaya yang terdapat dalam filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*. Objektif kedua pula menumpukan kepada analisis prosedur terjemahan unsur budaya dalam sari kata filem animasi tersebut. Sementara itu, objektif ketiga membincangkan padanan terjemahan budaya yang digunakan dalam sari kata, dengan penekanan terhadap keberkesanan strategi terjemahan yang diaplikasikan. Perbincangan dalam bab ini disusun secara sistematik berdasarkan kategori dan subkategori unsur budaya, prosedur terjemahan yang digunakan, serta padanan terjemahan yang terhasil selaras dengan kerangka teori dan metodologi kajian yang telah dibincangkan di dalam Bab 3.

4.2 Kategori Budaya dalam Filem Animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*

Hasil analisis kandungan mendapati terdapat 89 unsur budaya yang dikategorikan kepada empat kategori iaitu (i) ekologi, (ii) material, (iii) sosial dan (iv) organisasi, adat, aktiviti, prosedur atau konsep. Perincian bagi unsur budaya telah dikenal pasti berdasarkan Kategori Budaya oleh Newmark (1988). Kesemua kategori ini ditunjukkan dalam Jadual 4.1.

Jadual 4.1

Kategori Budaya dalam Filem Animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*

Kategori Budaya	Kekerapan	Peratusan (%)
Material	28	31.5
Sosial	28	31.5
Organisasi, adat, aktiviti, prosedur atau konsep	21	23.6
Ekologi	12	13.5
Jumlah	89	100.00

Jadual 4.1 jelas menunjukkan bahawa terdapat 89 budaya yang dikenal pasti dalam filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*. Setiap budaya yang dikenal pasti telah dilakukan pengkategorian berdasarkan kategori budaya oleh Newmark (1988). Kategori budaya material dan sosial mencatatkan budaya yang paling banyak dikenal pasti iaitu masing-masing sebanyak 28 dapatan (31.5%) daripada keseluruhan dapatan dalam filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*. Ini diikuti dengan budaya kategori organisasi, adat, aktiviti, prosedur atau konsep yang mencatatkan dapatan sebanyak 21 dapatan, bersamaan dengan 23.6%. Kategori budaya paling sedikit adalah budaya ekologi yang mencatatkan sebanyak 12 dapatan (13.5%).

4.2.1 Material

Budaya material dapat dikategorikan kepada makanan, pakaian, rumah dan bandar (Newmark, 1988) yang menggambarkan ciri-ciri penting sesuatu masyarakat (Norhazlina et al., 2024). Analisis menunjukkan terdapat 28 unsur budaya yang dikategorikan sebagai budaya material telah dikenal pasti dalam filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*.

Contoh 1

Uncle Muthu. (14:25)

Ah, Ros. (14:27)

Ini, Ros ada bawa **pulut panggang** dengan karipap ya. (14:28)

Contoh 1 memaparkan pulut panggang yang dikategorikan sebagai budaya material iaitu makanan. Makanan merupakan hidangan yang berasal daripada sebuah kawasan dan mewakili budaya tertentu (Newmark, 1988) yang menjadikannya nilai yang penting serta sensitif dalam budaya tempatan (Nur Hidayah & Nur Iman Nasuha, 2024). Dialog diujarkan oleh Kak Ros ketika menghantar kuih-muih untuk dijual di gerai Uncle Muthu seperti pulut panggang dan karipap. **Pulut panggang** merupakan kuih tradisional masyarakat Melayu yang mempunyai rasa lemak daripada bahan utama iaitu kelapa (Mohd Yusof et al., 2023) dan berasal daripada negeri Terengganu (Mohd Hairi & Jefry, 2022).

Contoh 2

Ha, apa hal? (15:31)

Sal takutlah. (15:34)

Tadi kat **warung**, diorang semua cerita pasal Hantu Durian.

(15:35)

Eee kecut sal. (15:39)

Contoh 2 menunjukkan **warung** dikategorikan sebagai budaya material. Budaya ini terdapat di dalam dialog yang diujarkan oleh Salleh ketika menceritakan bahawa penduduk kampung telah mula bercerita mengenai Hantu Durian di warung Uncle Muthu. Dalam budaya tradisi Melayu, **warung** bukan sahaja tempat untuk menjual kopi dan kuih-muih, malah ia juga dikenali sebagai tempat berkumpul bagi penduduk kampung untuk melakukan interaksi sosial (Ting, 2021; Muhammad Abi Sofia, 2025).

4.2.2 Sosial

Budaya sosial merupakan aktiviti harian yang merangkumi tiga subkategori iaitu (i) aspek kerja, (ii) kelas masyarakat dan (iii) riadah atau permainan yang dimainkan oleh sesebuah masyarakat (Newmark, (1988) serta dikaitkan dengan cara hidup atau amalan sesebuah masyarakat (Norhazlina, 2016). Dalam filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula* menunjukkan terdapat 28 unsur budaya yang dikategorikan sebagai budaya sosial.

Contoh 3

Tanam-tanam ubi (32:02)

Tak perlu dibaja (32:04)

Contoh 3 menunjukkan **tanam-tanam ubi** dikategorikan sebagai unsur budaya sosial subkategori kerja. Dialog ini diujarkan oleh Kak Ros ketika menyanyikan lagu di dalam filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*. Dalam masyarakat Melayu, aktiviti tanam-tanam ubi merupakan kegiatan ekonomi tradisional yang diwarisi daripada nenek moyang untuk bekerja sebagai petani dengan menggunakan cangkul (Nurdiyawati & Adnan, 2021; Nor Aisyah & Hasnah, 2023).

Contoh 4

Eh, **Opah!** (10:42)

Opah datang! (10:44)

Contoh 4 menunjukkan terdapat unsur budaya sosial dalam dialog yang diujarkan oleh Upin ketika melihat **Opah** berjalan ke warung Uncle Muthu iaitu **opah**. Masyarakat Melayu memiliki sistem panggilan kekeluargaan yang tersendiri dan berbeza jenis panggilannya (Nursyafieqa 'Ifwat & Maizura, 2024). Nenek, **opah** atau wan merupakan panggilan tradisi yang berbeza mengikut negeri (Muhamad Khairul Najmi et al., 2024). **Opah** merupakan panggilan lain bagi nenek. Perkataan ini dikatakan dialek yang berasal dari negeri Perak bagi Keluarga Berketurunan Banjar Campuran (Yusmawati & Mohd Khaidir, 2021; Dhayapari et al., 2021). Panggilan keluarga dikategorikan sebagai subkategori kelas masyarakat yang melibatkan istilah atau ungkapan yang menjadi kebiasaan dalam sesebuah masyarakat (Norhazlina et al., 2024).

4.2.3 Organisasi, Adat, Aktiviti, Prosedur atau Konsep

Organisasi, adat, aktiviti, prosedur atau konsep adalah budaya yang diamalkan oleh sesebuah masyarakat tertentu berdasarkan asas yang dibangunkan (Newmark, 1988; Norhazlina et al., 2024). Dalam filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*, terdapat sebanyak 21 unsur budaya yang boleh dikategorikan sebagai budaya organisasi, adat, aktiviti, prosedur atau konsep yang telah dikenal pasti.

Contoh 5

Mana budak-budak ni? (45:26)

Dah nak **Maghrib** pun tak balik-balik lagi. (45:28)

Contoh 5, **Maghrib** yang dikategorikan sebagai unsur budaya keagamaan kerana saling berkait dengan amalan harian bagi masyarakat di Malaysia terutama sekali yang beragama Islam. Dialog ini diujarkan oleh Tok Dalang ketika menunggu kepulangan Badrol dan Lim daripada dusun durian. **Maghrib** merupakan solat fardhu lima waktu yang dilakukan bermulanya waktu matahari terbenam (Surtahman & Sadali, 2024). Menunaikan solat pada waktunya telah menjadi sebahagian daripada budaya yang mengatur rutin harian, termasuk jadual kerja, makan, dan aktiviti sosial (Harun, 2020).

Contoh 6

Assalamualaikum! (45:39)

Waalaikumsalam! (45:42)

Assalamualaikum dikategorikan sebagai unsur budaya keagamaan kerana ia berkait dengan amalan harian yang menjadi sebahagian kehidupan masyarakat di Malaysia terutama sekali yang beragama Islam. Unsur budaya ini diujarkan oleh Opah ketika tiba di pekarangan rumah Tok Dalang. **Assalamualaikum** dikategorikan sebagai adat kerana amat sinonim dengan adat Melayu. Dalam masyarakat Melayu, ucapan memberi salam dengan ucapan **Assalamualaikum** diamalkan sebagai tanda penghormatan apabila melawat seseorang di rumah (Basri et al., 2018).

4.2.4 Ekologi

Budaya ekologi adalah faktor geografi dan persekitaran yang berbeza bagi sesebuah tempat (Newmark, 1988) yang saling berinteraksi antara manusia dan alam sekitar seperti flora dan fauna (Ahmad Jalaluddin Al-Islami et al., 2021). Dalam filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula* menunjukkan terdapat 12 dapatan budaya ekologi yang dikenal pasti.

Contoh 7

Sekarang kita ke berita dalam negeri dengan misteri kehilangan **durian** di Kampung Durian Runtuh bersama Rokiah, wartawan kami. (1:10)

Macam-macam lah! (1:15)

Dalam contoh 7, **durian** dikategorikan budaya ekologi iaitu flora. Dialog diujarkan oleh pembaca berita ketika menyampaikan maklumat mengenai misteri kehilangan buah **durian** di Kampung Durian Runtuh. **Durian** merupakan buah yang dikenali sebagai ‘Raja Buah’ di Malaysia kerana keunikan rasa dan baunya (Siti Nor Aisyah et al., 2023) sehingga dikategorikan sebagai budaya kerana menjadi lambang perpaduan di Malaysia (Bernama, 2023). Ini dapat dibuktikan melalui acara yang berasaskan **durian, yang** mendapat sambutan daripada pelbagai kaum dan agama, melalui interaksi dan persahabatan daripada pelbagai kaum (Amri, 2023).

Contoh 8

Kena! (16:30)

Bertuah punya budak. (16:31)

Angsa kejar baru tahu. (16:34)

Dalam Contoh 8, angsa dikategorikan sebagai unsur budaya ekologi iaitu fauna. Dalam filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*, Upin dan Ipin mengganggu angsa yang berada di halaman belakang rumah. Situasi tersebut menyebabkan Kak Ros berasa berang kerana angsa yang diganggu telah membuat bunyi bising. **Angsa** merujuk kepada burung ternakan yang dikategorikan sebagai unggas (Muhamad Mazuan et al., 2023) dan menjadi simbol budaya ekologi di Malaysia. Ini kerana, **angsa** dipelihara untuk menjaga kawasan rumah dengan bertindak agresif dan membuat bunyi bising terhadap mangsa apabila berasa terancam (Nurul Husna, 2021).

Dapatan kajian menunjukkan bahawa filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula* dihasilkan dengan menonjolkan unsur budaya material serta sosial yang terdapat di Malaysia. Unsur-unsur budaya material yang banyak diketengahkan adalah makanan dan minuman. Terdapat banyak adegan yang berkaitan dimainkan dalam filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula* dan salah satunya adalah di gerai Uncle Muthu.

Jadual 4.2

Tempoh Adegan Gerai Uncle Muthu dalam Filem Animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*

Adegan	Minit	Tempoh
Adegan 1	10:18 – 12:17	1 minit 59 saat
Adegan 2	12:40 – 15:16	2 minit 40 saat
Jumlah minit	4 minit 49 saat	

Berdasarkan jadual 4.2 analisis menunjukkan bahawa daripada keseluruhan durasi filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula* selama 1 jam 48 minit, sebanyak 4 minit 49 saat memperlihatkan adegan perbualan di gerai Uncle Muthu. Walaupun perbualan dalam adegan ini merangkumi pelbagai topik, hasil daripada analisis dialog mendapati sebahagian besar perbualan mereka menyelitkan istilah atau perkataan yang berkaitan dengan makanan dan minuman. Secara keseluruhannya, jumlah masa yang memaparkan dialog berkaitan makanan dan minuman adalah sebanyak 4 minit 49 saat daripada keseluruhan durasi filem.

Dominasi tempoh masa ini secara langsung menjelaskan unsur budaya material yang melibatkan makanan dan minuman, di mana dapat dikenal pasti sebagai dapatan yang signifikan dalam kajian ini. Pendedahan yang berulang dan konsisten terhadap elemen makanan dalam naratif filem menjadikan unsur budaya material lebih menonjol berbanding kategori unsur budaya yang lain. Hal ini menunjukkan bahawa makanan bukan sekadar elemen latar, malah berfungsi sebagai medium penceritaan yang mencerminkan amalan budaya dan identiti masyarakat tempatan.

Antara contoh unsur budaya material yang diketengahkan ialah pulut panggang. Pulut panggang merupakan makanan tradisional Melayu yang berasal dari negeri Terengganu (Mohd Hairi & Jefry, 2022) dan diklasifikasikan sebagai unsur budaya material kerana ia mewakili warisan kulineri serta identiti budaya sesuatu kaum dan wilayah (Lina Mastura & Zaleha, 2021). Secara amnya, Malaysia dikenali sebagai sebuah negara yang kaya dengan kepelbagaian makanan dan minuman tradisional daripada pelbagai kaum (Raji et al., 2024). Kepelbagaian ini melambangkan identiti budaya masyarakat majmuk di Malaysia dan berperanan sebagai penanda warisan budaya yang dikongsi bersama dalam kalangan masyarakat (Ayu Nor Azilah et al., 2024).

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa unsur budaya sosial juga merupakan antara unsur budaya yang paling dominan dalam filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*. Unsur-unsur budaya sosial yang banyak diketengahkan adalah kelas masyarakat. Terdapat banyak adegan yang berkaitan dimainkan dalam filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*.

Jadual 4.3

Tempoh Adegan yang Memaparkan Kelas Masyarakat dalam Filem Animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*

Adegan	Minit	Tempoh
Adegan 1	1:17 – 1:39	22 saat
Adegan 2	1:42 – 3:30	1 minit 48 saat
Adegan 3	10:41 – 10:53	12 saat
Adegan 4	10:57 – 11:15	18 saat
Adegan 5	16:04 – 16:16	12 saat

Adegan 6	16:57 – 17:00	3 saat
Adegan 7	18:22 – 18:29	7 saat
Jumlah minit	3 minit 02 saat	

Berdasarkan jadual 4.3 analisis menunjukkan bahawa daripada keseluruhan durasi filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula* selama 1 jam 48 minit, sebanyak 3 minit 02 saat memperlihatkan tujuh adegan. Hasil daripada analisis yang dilakukan mendapati sebahagian besar perbualan turut diselitkan istilah atau perkataan yang berkaitan dengan kelas masyarakat, walaupun dalam adegan ini merangkumi pelbagai topik. Secara keseluruhannya, jumlah masa yang memaparkan dialog berkaitan makanan dan minuman adalah sebanyak 3 minit 02 saat daripada keseluruhan durasi filem.

Dominasi tempoh masa ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa unsur budaya sosial bagi subkategori kelas masyarakat, dapat dikenal pasti sebagai dapatan kajian yang signifikan. Unsur budaya sosial bagi subkategori kelas masyarakat, dipaparkan secara berulang dan konsisten menjadikannya lebih menonjol berbanding kategori unsur budaya yang lain. Hal ini menunjukkan bahawa kelas masyarakat bukan sekadar elemen latar yang diketengahkan, malah berfungsi sebagai medium penceritaan untuk mencerminkan amalan budaya dan identiti masyarakat tempatan.

Antara contoh unsur budaya sosial yang diketengahkan ialah Opah yang merupakan panggilan tradisi bagi sesebuah negara serta berbeza mengikut negerinya (Muhamad Khairul Najmi et al., 2024). Secara amnya, Malaysia merupakan sebuah negara yang kaya dengan kepelbagaian kaum, budaya dan agama (Nabilah ‘Athirah, 2025). Kepelbagaian ini menjadikan kepelbagaian kata sapaan yang wujud dalam sesebuah keluarga (Yusmawati & Mohd Khaidir, 2021).

Dapatan kajian ini mempunyai persamaan dengan kajian oleh Siti Nasirah dan Shahrul Nizam (2022) yang mengkaji terjemahan unsur budaya dalam filem animasi kanak-kanak. Walau bagaimanapun, dapatan kajian terjemahan unsur budaya dalam *Geng: Pengembaraan Bermula* yang dijalankan ini menunjukkan perbezaan dengan kajian oleh Fudzla Suraiyya et al. (2025), walaupun filem yang digunakan sebagai bahan kajian adalah sama. Perbezaan dapatan ini dapat dikaitkan dengan perbezaan pasangan bahasa yang dikaji, iaitu Bahasa Melayu–Bahasa Arab, yang mempengaruhi

pengkategorian dan dominasi unsur budaya yang dikenal pasti. Kajian tersebut melaporkan bahawa unsur budaya sosial merupakan kategori paling dominan berbanding unsur budaya material.

Selain itu, dapatan kajian oleh Wan Halizawati (2021) turut menunjukkan perbezaan apabila kajian terjemahan filem animasi *Upin & Ipin: Keris Siamang Tunggal* mendapati unsur budaya tokoh ikonik dalam kebanyakan cerita rakyat merupakan kategori yang paling banyak dikenal pasti. Perbezaan dapatan ini boleh dikaitkan dengan fokus penceritaan yang berbeza antara *Geng: Pengembaraan Bermula* dan *Upin & Ipin: Keris Siamang Tunggal*. Filem animasi *Upin & Ipin: Keris Siamang Tunggal* mengadaptasi cerita rakyat Melayu yang sarat dengan elemen mitos dan tokoh ikonik (Alezender & Karimon, 2024). Justeru, perbezaan genre dan latar penceritaan mempengaruhi jenis serta tahap dominasi unsur budaya yang dipaparkan dalam filem animasi tempatan.

Seterusnya, dapatan kajian oleh Leksananda & Manusu (2023) yang mengkaji terjemahan unsur budaya dalam filem *The Dictator* menunjukkan persamaan dengan kajian yang dijalankan ini apabila unsur budaya material merupakan kategori paling dominan, walaupun adanya perbezaan dari segi pasangan bahasa yang dikaji, iaitu Bahasa Inggeris-Bahasa Indonesia. Walau bagaimanapun, dapatan kajian filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula* ini menunjukkan perbezaan dengan dapatan kajian oleh Putriani & Basari (2023) yang menunjukkan organisasi, adat, aktiviti, prosedur atau konsep merupakan kekerapan yang tertinggi berbanding dengan unsur budaya material dalam kajian ini.

4.3 Prosedur Terjemahan Budaya dalam Sari Kata Filem Animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*

Hasil analisis perbandingan mendapati terdapat 89 budaya yang diterjemah dengan menggunakan lapan prosedur terjemahan iaitu (i) terjemahan literal, (ii) kuplet, (iii) pemindahan, (iv) persamaan budaya, (v) pengguguran, (vi) persamaan deskriptif, (vii) naturalisasi, (viii) transposisi dan (ix) penggantian. Perincian bagi unsur budaya yang diterjemah menggunakan sembilan prosedur terjemahan, berdasarkan Prosedur Terjemahan oleh Newmark (1988). Kesemua prosedur ini ditunjukkan dalam Jadual 4.4.

Jadual 4.4

Prosedur Terjemahan Budaya dalam Sari Kata Filem Animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*

Prosedur Terjemahan	Kekerapan	Peratusan (%)
Terjemahan Literal	34	38.2
Pemindahan	17	19.1
Kuplet	15	16.9
Persamaan Budaya	8	9.0
Pengguguran	6	6.7
Persamaan Deskriptif	3	3.4
Naturalisasi	3	3.4
Transposisi	2	2.2
Penggantian	1	1.1
Jumlah	89	100.00

Jadual 4.4 jelas menunjukkan bahawa prosedur terjemahan literal merupakan prosedur terjemahan yang paling dominan digunakan untuk menterjemah unsur budaya dalam filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula* iaitu sebanyak 34 dapatan (38.2%). Ini diikuti dengan prosedur terjemahan pemindahan yang mencatat dapatan sebanyak 17 dapatan (19.1%). Terdapat sebanyak 15 dapatan (16.9%) dicatatkan bagi prosedur terjemahan kuplet. Prosedur terjemahan persamaan budaya mencatatkan kekerapan sebanyak lapan dapatan atau 9.0%. Prosedur terjemahan pengguguran pula mencatatkan kekerapan sebanyak enam dapatan (6.7%). Prosedur terjemahan persamaan deskriptif dan naturalisasi mencatatkan kekerapan yang sama iaitu masing-masing mencatatkan sebanyak tiga dapatan (3.4%). Prosedur terjemahan transposisi mencatatkan dua dapatan (2.2%). Prosedur terjemahan penggantian mencatatkan kekerapan yang paling rendah iaitu sebanyak satu dapatan (1.1%) daripada keseluruhan dapatan.

4.3.1 Terjemahan Literal

Dapatan menunjukkan terdapat 34 unsur budaya dalam filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula* diterjemah dengan menggunakan prosedur terjemahan literal. Terjemahan literal merupakan terjemahan perkataan demi perkataan dengan memindahkan sistem bahasa dalam bahasa sumber kepada bahasa sasaran (Newmark,

1988). Struktur bahasa sumber juga dikekalkan dalam bahasa sasaran melalui terjemahan literal (Ahmad Jalaluddin Al-Islami et al., 2022). Analisis menunjukkan dapatan budaya yang diterjemah dengan menggunakan prosedur terjemahan literal.

Contoh 9

Bahasa Sumber: Belakang itu Pak Samad punya **reban ayam** sudah nampak, pusing kiri.(13:40)

Bahasa Sasaran: *Then when you see Uncle Samad's **chicken coop**, turn left.* (13:40)

Dalam filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*, **reban ayam** dikategorikan sebagai budaya material. **Reban ayam** dikategorikan sebagai budaya material kerana rumah tradisional Melayu mempunyai halaman yang luas untuk melaksanakan aktiviti sosial seperti memelihara binatang ternakan, dan mempunyai **reban ayam** yang terletak di bahagian belakang rumah (Mashitah et al., 2021). Hasil analisis menunjukkan reban ayam diterjemah secara literal kepada **chicken coop**. Dalam konteks ini, prosedur terjemahan literal memudahkan penonton untuk memahami istilah yang diterjemah ke dalam bahasa sasaran (Leksananda & Manus, 2023). Menurut Newmark (1988), prosedur terjemahan literal merupakan terjemahan perkataan demi perkataan dengan menyesuaikan struktur mengikut sistem bahasa sumber kepada bahasa sasaran.

Contoh 10

Bahasa Sumber: Jom main **kejar-kejar!** (10:55)

Bahasa Sasaran: *Let's play **tag!*** (10:55)

Dalam filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*, permainan kejar-kejar dikategorikan sebagai budaya sosial dalam aspek permainan tradisional. Di Malaysia, dianggarkan terdapat lebih 200 jenis permainan tradisional Melayu, dan kejar-kejar dikategorikan sebagai salah satu permainan berat (Norleyza et al., 2023). Hasil analisis menunjukkan unsur budaya ini iaitu **kejar-kejar** diterjemahkan kepada **tag**. Dalam contoh ini, makna asal dalam bahasa sumber dikekalkan dengan menggunakan padanan langsung dalam bahasa sasaran. Menurut Newmark (1988), prosedur terjemahan literal yang merupakan mesej dalam bahasa sumber dikekalkan melalui terjemahan perkataan demi perkataan yang disesuaikan dengan struktur dalam bahasa sumber kepada bahasa sasaran.

4.3.2 Pemindahan

Dalam filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*, terdapat sebanyak 17 unsur budaya yang diterjemah dengan menggunakan prosedur terjemahan pemindahan. Pemindahan adalah pemindahan kata atau istilah bahasa sumber ke dalam bahasa sasaran (Newmark, 1988). Prosedur terjemahan pemindahan juga digunakan apabila penterjemah tidak menemui sebarang istilah budaya dalam bahasa sasaran, sekali gus dapat memperkenalkan istilah yang baharu ke dalam bahasa sasaran (Ahmad Jalaluddin Al-Islami 2022).

Contoh 11

Bahasa Sumber: Sekarang kita ke berita dalam negeri dengan misteri kehilangan **durian** di Kampung Durian Runtuh bersama wartawan kita Rokiah. (1:10)

Bahasa Sasaran: *We now go live state-side with news on the mystery **durians** in Kampung Durian Runtuh with our correspondent Rokiah. (1:10)*

Hasil analisis menunjukkan unsur budaya ekologi iaitu **durian** diterjemah dengan menggunakan prosedur terjemahan pemindahan. Ejaan **durian** dalam bahasa sumber dikekalkan dalam bahasa sasaran.

Contoh 12

Bahasa Sumber: **Opah** datang! (10:44)

Bahasa Sasaran: ***Opah's** here! (10:44)*

Dalam filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*, Opah dikategorikan sebagai budaya sosial bagi subkategori kelas masyarakat. **Opah** merupakan panggilan tradisi yang berasal daripada negeri Perak (Yusmawati & Mohd Khaidir, 2021) yang dikategorikan sebagai unsur budaya sosial bagi subkategori kelas masyarakat. Hasil analisis menunjukkan unsur budaya sosial iaitu **Opah** diterjemah dengan menggunakan prosedur terjemahan pemindahan. Ejaan **opah** dikekalkan dalam bahasa sasaran.

4.3.3 Kuplet

Dapatan menunjukkan terdapat 15 unsur budaya dalam filem animasi *Geng:*

Pengembaraan Bermula diterjemah dengan menggunakan prosedur terjemahan kuplet. Kuplet adalah dua atau lebih prosedur terjemahan yang digunakan untuk menterjemah satu unsur budaya bahasa sumber kepada bahasa sasaran (Newmark, 1988).


Contoh 13

Bahasa Sumber: Roti kosong ada, roti telur ada, roti sardin, roti planta, mee goreng, maggi goreng, maggi goreng telur mata, nasi lemak, nasi goreng, **nasi goreng pattaya**, semua pun ada! (13:19)

Bahasa Sasaran: *There's roti, egg roti, sardine roti, butter roti, fried noodles, fried magee, fried magee with egg, nasi lemak, fried rice, **pattaya fried rice** and so much more.*(13:19)

Dalam filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*, **nasi goreng pattaya** dikategorikan sebagai unsur budaya material iaitu makanan. Hasil analisis menunjukkan unsur budaya ini diterjemah dengan menggunakan dua prosedur terjemahan iaitu pemindahan dan pinjam terjemah. Prosedur terjemahan kuplet adalah satu unsur budaya dalam bahasa sumber yang diterjemah dengan menggunakan dua atau lebih prosedur terjemahan ke dalam bahasa sasaran (Newmark, 1988).

Prosedur terjemahan pemindahan digunakan bagi menterjemah **pattaya** kepada bahasa sasaran. Ejaan **pattaya** dalam bahasa sumber dipindahkan sepenuhnya kepada bahasa sasaran. Ini kerana, makanan merupakan unsur budaya yang sensitif dan penting kerana mewakili sesuatu budaya (Newmark, 1988). Maka, prosedur terjemahan pemindahan digunakan. Prosedur terjemahan pemindahan adalah peminjaman kata atau istilah dalam bahasa sumber kepada bahasa sasaran (Newmark, 1988).



Rajah 4.1 Kedudukan Perkataan untuk Pinjam Terjemah

Rajah 4.1 menunjukkan kedudukan perkataan bagi **nasi goreng pattaya** yang diterjemah kepada **pattaya fried rice** dengan menggunakan pinjam terjemah. Hukum Diterangkan (D)-Menerangkan (M) dan hukum M-D digunakan untuk menterjemah unsur budaya ini. Sistem bahasa Melayu menggunakan hukum D-M, manakala hukum

M-D digunakan bagi bahasa Inggeris (Meor Mursyidi, 2021). Mengikut hukum D-M, **nasi** merupakan D, manakala **goreng pattaya** adalah M. Walau bagaimanapun, apabila diterjemah kepada bahasa Inggeris menjadi hukum M-D iaitu **pattaya fried** merupakan M, manakala **rice** adalah D.

Contoh 14

Bahasa Sumber: Roti kosong ada, roti telur ada, **roti sardin**, roti planta, mee goreng, maggi goreng, maggi goreng telur mata, nasi lemak, nasi goreng, nasi goreng pattaya, semua pun ada! (13:19)

Bahasa Sasaran: *There's roti, egg roti, **sardine roti**, butter roti, fried noodles, fried magee, fried magee with egg, nasi lemak, fried rice, **pattaya fried rice** and so much more.* (13:19)

Dalam filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*, **roti sardin** dikategorikan sebagai budaya material iaitu makanan. Hasil analisis menunjukkan unsur budaya roti sardin diterjemah kepada **sardine roti** dengan menggunakan dua prosedur terjemahan iaitu pemindahan dan naturalisasi.

Prosedur terjemahan pemindahan bagi menterjemah roti ke dalam bahasa sasaran. Ejaan roti dikekalkan ke dalam sari kata bahasa Inggeris. Pemindahan merupakan istilah atau kata dalam bahasa sumber yang dipinjamkan ke dalam bahasa sasaran (Newmark, 1988) apabila tidak menemui istilah budaya dalam bahasa sasaran (Ahmad Jalaluddin Al-Islami 2022).

Prosedur terjemahan naturalisasi pula digunakan untuk menterjemah perkataan **sardin** kepada **sardine**. Huruf 'e' ditambah ke dalam bahasa Inggeris sebagai bahasa sasaran. Ini selaras dengan definisi naturalisasi oleh Newmark (1988), yang menyatakan, prosedur terjemahan naturalisasi adalah meminjam kata atau istilah dalam bahasa sumber dengan menyesuaikan mengikut ejaan dan sistem bunyi dalam bahasa sasaran.

4.3.4 Persamaan Budaya

Analisis menunjukkan terdapat lapan unsur budaya yang diterjemah dengan

menggunakan prosedur terjemahan persamaan budaya dalam filem animasi *Geng Penggambaran Bermula*. Istilah atau ungkapan budaya dalam bahasa sumber diterjemah dengan menggunakan padanan budaya dalam bahasa sasaran dengan menggunakan persamaan budaya (Newmark, 1988). Analisis menunjukkan unsur budaya diterjemah dengan menggunakan prosedur terjemahan, adalah seperti berikut;

Contoh 15

Bahasa Sumber: **Orang berbudi kita berbahasa.** (32:06)

Bahasa Sasaran: *We should do unto others, as they'd do unto us.* (32:06)

Dalam Contoh 15, **orang berbudi kita berbahasa** dikategorikan sebagai unsur budaya adat iaitu peribahasa yang mencerminkan nilai, norma, dan cara hidup masyarakat Melayu yang diwarisi secara turun-temurun (Azarudin et al., 2021). Peribahasa **Orang berbudi kita berbahasa** diterjemahkan kepada *We should do unto others, as they'd do unto us* dalam sari kata bahasa Inggeris dengan menggunakan prosedur terjemahan persamaan budaya. **Orang berbudi kita berbahasa** merupakan setiap perbuatan yang baik, akan dibalas dengan kebaikan (Dewan Bahasa dan Pustaka, n.d.). Dalam bahasa Inggeris, *We should do unto others, as they'd do unto us* merujuk kepada perbuatan baik mendapat balasan yang sama (Heeren, 2023). Contoh ini menunjukkan penyari kata menggunakan prosedur persamaan budaya apabila unsur budaya dalam bahasa sumber dan bahasa sasaran mempunyai maksud yang seerti.

Contoh 16

Bahasa Sumber: Ada orang kata **tempat tu keras!** (10:04)

Bahasa Sasaran: *People say that place is cursed!* (10:04)

Contoh 16 menunjukkan unsur budaya organisasi sosial iaitu kepercayaan. Unsur budaya **tempat itu keras** diterjemahkan kepada *that place is cursed* dengan menggunakan prosedur terjemahan persamaan budaya. Dalam budaya Melayu, **tempat itu keras** merupakan bahasa kiasan yang bermaksud tempat tersebut berhantu atau berpuaka (Nor Nadhirah Aniqah et al., 2023). Dalam budaya Inggeris *that place is cursed* dikategorikan sebagai unsur ghaib yang menimbulkan ketakutan (Sadiqzade, 2025). Contoh ini menunjukkan budaya Melayu dan budaya Inggeris mempunyai maksud yang seerti. Selaras dengan pandangan yang diberikan oleh Newmark (1988), prosedur terjemahan persamaan budaya adalah budaya dalam bahasa sumber yang

diterjemah dengan menggunakan padanan budaya yang mempunyai makna seerti dalam bahasa sasaran.

4.3.5 Pengguguran

Hasil analisis menunjukkan penyari kata menggunakan prosedur terjemahan pengguguran untuk menterjemah unsur budaya dalam filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*. Terdapat sebanyak enam unsur budaya yang diterjemah dengan menggunakan prosedur terjemahan pengguguran. Prosedur terjemahan pengguguran adalah perkataan dalam bahasa sumber yang digugurkan daripada diterjemahkan ke dalam bahasa sasaran (Newmark, 1988). Unsur budaya yang diterjemah dengan menggunakan prosedur terjemahan pengguguran adalah seperti berikut.

Contoh 17

Bahasa Sumber: Sal takut lah tadi dekat **warung** dia
orang semua sibuk cerita pasal Hantu Durian. (15:39)

Bahasa Sasaran: *I'm scared people are talking about the
Durian Ghost back at the village.* (15:39)

Contoh 17 menunjukkan unsur budaya material iaitu **warung** yang tidak diterjemah ke dalam bahasa sasaran. Dalam konteks ini, prosedur terjemahan pengguguran digunakan untuk memenuhi aspek teknikal dalam penyari kataan iaitu sari kata seharusnya pendek (Leksananda & Manusu, 2023), dengan menggugurkan unsur budaya dalam bahasa sumber daripada diterjemahkan ke dalam bahasa sasaran (Newmark, 1988). Hasil terjemahan menyebabkan terdapat beberapa mesej kurang disampaikan secara menyeluruh (Norhazlina et al., 2024). Kesannya, penonton kurang memahami unsur budaya yang cuba disampaikan ke dalam bahasa sasaran.

Contoh 18

Bahasa Sumber: **Allahuakbar**. (19:21)

Bahasa Sasaran: - (19:21)

Dalam Contoh 18 menunjukkan unsur budaya keagamaan iaitu **Allahuakbar**. Dalam budaya Melayu dan agama Islam, **Allahuakbar** bermaksud *Allah is the greatest* (Bolghiran, 2024). Hasil analisis menunjukkan Allahuakbar tidak diterjemah ke dalam

bahasa sasaran. Budaya yang merujuk kepada keagamaan mampu menimbulkan masalah, kerana boleh menimbulkan rasa tidak selesa atau sensitif kepada bahasa sasaran (Norhazlina, 2016) seperti **Allahuakbar**. Maka, unsur budaya dalam bahasa sumber tidak diterjemahkan ke dalam bahasa sasaran (Newmark, 1988), menyebabkan penonton mungkin berasa keliru kerana kurang memahami mesej yang hendak disampaikan (Norhazlina et al., 2024).

4.3.6 Persamaan Deskriptif

Hasil analisis menunjukkan prosedur terjemahan persamaan deskriptif digunakan untuk menterjemah tiga unsur budaya dalam filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*. Menurut Newmark (1988), unsur budaya dalam bahasa sumber diterjemah dengan menerangkannya apabila ketiadaan padanan dalam bahasa sasaran melalui persamaan deskriptif. Unsur budaya yang diterjemah menggunakan prosedur terjemahan deskriptif adalah seperti berikut;

Contoh 19

Bahasa Sumber: Wah juara wayang kulit 2007. (18:43)

Bahasa Sasaran: *Wow 2007 shadow puppet champion*. (18:43)

Contoh 19 jelas menunjukkan unsur budaya sosial iaitu **wayang kulit** dalam bahasa sumber diterjemahkan kepada **shadow puppet** dalam bahasa sasaran. Dalam contoh ini, prosedur terjemahan deskriptif digunakan untuk menerangkan penggunaan patung dan cahaya kepada pembaca sasaran. **Wayang kulit** adalah seni persembahan yang menggunakan cahaya dan patung-patung wayang bagi membentuk bayang (Jabatan Warisan Negara, 2025). Persamaan deskriptif yang melibatkan unsur budaya dalam bahasa sumber diterangkan ke dalam bahasa sasaran (Newmark, 1988).

Contoh 20

Bahasa Sumber: **Toyol!** (1:12:59)

Bahasa Sasaran: **Bald ghosts!** (1:12:59)

Contoh 20, memaparkan perkataan **toyol** yang dikategorikan sebagai unsur budaya organisasi sosial iaitu kepercayaan. Prosedur terjemahan persamaan deskriptif digunakan bagi menterjemah unsur budaya ini. Perkataan **toyol** dalam bahasa sumber diterjemahkan kepada **bald ghost** dalam bahasa sasaran. Ciri fizikal **toyol** yang

berkepala botak diterangkan dalam bahasa sasaran dengan menggunakan prosedur terjemahan persamaan deskriptif. Dalam budaya Melayu, **toyol** merupakan makhluk halus yang menyerupai seperti kanak-kanak dengan berkepala botak dan mempunyai perut yang buncit (Farok, 2022), serta mampu memberikan kekayaan kepada pemiliknya dengan mencuri (Ain Nur Iman & Zainor Izat, 2022).

4.3.7 Naturalisasi

Hasil analisis menunjukkan terdapat tiga unsur budaya dalam filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula* yang diterjemah secara naturalisasi. Prosedur terjemahan pemindahan dan naturalisasi adalah berbeza. Naturalisasi ialah peminjaman kata atau istilah dalam bahasa sumber dengan menyesuaikan morfologi seperti bunyi atau ejaan bagi menterjemah kepada bahasa sasaran (Newmark, 1988).

Contoh 21

Bahasa Sumber: **Teh** ada, teh tarik ada, milo ais, teh o panas, teh o ais, barli ais, air kosong, air suam. (13:11)

Bahasa Sasaran: *There's **tea**, teh tarik, milo, hot tea, iced tea, iced barlee, iced water, warm water.* (13:11)

Hasil analisis menunjukkan unsur budaya material iaitu minuman yang diterjemah dengan menggunakan prosedur terjemahan naturalisasi. Perkataan **teh** dalam bahasa sumber diterjemah dengan menyesuaikan bunyi dan ejaan dalam bahasa Inggeris iaitu **tea**. Huruf 'h' kepada 'a', merupakan perubahan huruf bagi perkataan **teh** kepada **tea**. Perubahan dan penyesuaian morfologi seperti bunyi atau ejaan dilaksanakan bagi menterjemah unsur budaya kepada bahasa sasaran (Newmark, 1988).

Contoh 22

Bahasa Sumber: Ambik sekali **selipar** akak tu! (17:43)

Bahasa Sasaran: *And take back my **slipper**!* (17:43)

Contoh 22 jelas menunjukkan unsur budaya material iaitu **selipar** dalam bahasa sumber diterjemahkan kepada **slipper** dalam bahasa sasaran. Huruf 'e', 'l', 'i' dan 'a' dalam bahasa Melayu diubah kepada 'l', 'i', 'p' dan 'e' dalam bahasa Inggeris bagi mengikut sistem ejaan dan bunyi yang terkandung di dalam bahasa Inggeris. Menurut Newmark (1988), naturalisasi merupakan peminjaman kata atau istilah dalam bahasa

sumber dengan menyesuaikan morfologi seperti bunyi atau ejaan bagi menterjemah kepada bahasa sasaran.

4.3.8 Transposisi

Dapatan kajian menunjukkan bahawa sebanyak dua unsur budaya diterjemah dengan menggunakan prosedur terjemahan transposisi dalam filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*. Prosedur terjemahan transposisi adalah terjemahan yang mengubah kelas kata atau kedudukan dalam bahasa sumber kepada bahasa sasaran, namun tidak mengubah sebarang maknanya (Newmark, 1988).

Contoh 23

Bahasa Sumber: Itu **adik** engkau eh? (16:57)

Bahasa Sasaran: *Are those your **brothers**?* (16:57)

Hasil analisis menunjukkan perkataan **adik** dikategorikan sebagai budaya sosial bagi subkategori kelas masyarakat yang merupakan kata panggilan untuk budaya Melayu (Yusmawati & Mohd Khaidir, 2021). Prosedur terjemahan transposisi digunakan untuk menterjemah perkataan **adik** dalam bahasa sumber kepada **brothers**. **Adik** dalam bahasa sumber berada sebelum **engkau**, namun apabila diterjemah kepada **brothers**, ia berada selepas **your**. Perubahan struktur yang berlaku tidak mengubah sebarang makna dalam bahasa sasaran. Prosedur terjemahan transposisi adalah perubahan kelas kata dalam bahasa sumber dengan kelas kata yang berbeza dalam bahasa sasaran tanpa mengubah sebarang makna (Newmark, 1988; Vinay & Darbelnet, 1995; Norhazlina et al., 2024).

Contoh 24

Bahasa Sumber: **Solat** jangan lupa. (33:43)

Bahasa Sasaran: *Never forget your **prayers**.* (33:43)

Hasil analisis menunjukkan solat dikategorikan sebagai unsur budaya organisasi iaitu keagamaan. Solat merupakan ibadah yang wajib dilaksanakan bagi umat Islam (Surina et al., 2021). Dialog diujarkan Upin ketika menyanyikan lagu dalam filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*. **Solat** diterjemah kepada **prayers** dengan menggunakan prosedur terjemahan transposisi. Perubahan struktur berlaku apabila solat yang berada di pangkal ayat berubah kedudukan di hujung ayat dalam bahasa sasaran.

Perubahan yang berlaku tidak menjejaskan sebarang makna kerana transposisi hanya mengubah kedudukan atau struktur sahaja (Norhazlina et al., 2024).

4.3.9 Penggantian

Dapatan kajian menunjukkan prosedur terjemahan penggantian digunakan untuk menterjemah budaya yang terdapat dalam filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*. Terdapat satu unsur budaya yang diterjemah dengan menggunakan prosedur terjemahan penggantian.

Contoh 25

Bahasa Sumber: **Sama-sama** ya! (14:51)

Bahasa Sasaran: *You're welcome!* (14:51)

Hasil analisis menunjukkan unsur budaya kategori organisasi sosial iaitu **sama-sama** dikenal pasti dalam filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*. Dialog diujarkan oleh Kak Ros ketika menerima bayaran daripada Uncle Muthu untuk jualan kuihnya. Contoh ini jelas menunjukkan prosedur terjemahan penggantian digunakan bagi menterjemah **sama-sama** yang diterjemahkan kepada *you're welcome*. Sama-sama didefinisikan sebagai kata yang diucapkan untuk membalas ucapan terima kasih (Dewan Bahasa dan Pustaka, n.d.). Ucapan terima kasih merupakan elemen pragmatik bagi kesantunan berbahasa (Arina & Indirawati, 2016). Oleh itu, membalas ucapan terima kasih kepada sama-sama juga merupakan elemen pragmatik kerana ia dikira sebagai pelengkap kepada tindakan tutur kata kesantunan dalam komunikasi. Namun, apabila diterjemah kepada *you're welcome*, kesan pragmatik tersebut dihilangkan dalam bahasa sasaran. Biarpun kesan pragmatik dalam bahasa sasaran telah hilang, namun ia masih memberikan kesan yang sama dalam bahasa sasaran (Newmark, 1988).

Berdasarkan dapatan kajian, dapat dilihat bahawa penyari kata cenderung menterjemah unsur budaya dalam bahasa Melayu dan terjemahannya dalam sari kata bahasa Inggeris dengan menggunakan prosedur terjemahan literal iaitu dengan dapatan sebanyak 34 (38.2%), manakala penggantian merupakan prosedur terjemahan yang terendah dengan kekerapan sebanyak 1 (1.1%) dapatan. Penggunaan prosedur terjemahan literal paling tinggi kerana penyari kata mengekalkan makna bagi memudahkan mesej dalam bahasa sumber dan bahasa sasaran mudah difahami oleh setiap penonton.

Dapatan kajian ini mempunyai persamaan dengan kajian oleh Siti Nasirah & Shahrul Nizam (2022) dalam menterjemah unsur budaya dalam filem animasi kanak-kanak. Tambahan pula, dapatan kajian oleh Leksananda & Manusu (2023) yang menjadi terjemahan budaya dalam sari kata filem *The Dictator* juga menunjukkan persamaan apabila prosedur terjemahan literal paling dominan dengan pasangan bahasa yang berbeza iaitu Bahasa Inggeris-Bahasa Indonesia. Kajian oleh Al Sammarraie Huda et al., (2023) juga menunjukkan persamaan dengan kajian ini apabila filem *Sunshine in the Rain: A Maid's Courage* dengan pasangan bahasa berbeza iaitu, Bahasa Inggeris-Bahasa Arab. Walau bagaimanapun, dapatan kajian ini menunjukkan perbezaan dengan dapatan oleh Wan Halizawati (2021), apabila kajian terjemahan filem animasi *Upin & Ipin: Keris Siamang Tunggal* mendapati bahawa strategi terjemahan pengekalan merupakan strategi yang paling banyak dikenal pasti.

Selain itu, dapatan kajian oleh Al-Harashseh & Alhourani, 2024 (2024) juga menunjukkan perbezaan dengan kajian ini, apabila kajian terjemahan *The Valley* dengan pasangan yang berbeza iaitu, Bahasa Arab-Bahasa Inggeris diterjemah dengan menggunakan strategi parafrasa paling domain. Dapatan kajian oleh Chai et al. (2022) menunjukkan perbezaan dengan kajian ini apabila kajian terjemahan dokumentari *The Life of Paper-cutting* (剪紙人生; Jiǎn zhǐ rén shēng) dengan pasangan bahasa yang berbeza, iaitu Bahasa Cina-Bahasa Inggeris diterjemah dengan menggunakan strategi pengekalan.

Dapat dirangkumkan bahawa, prosedur terjemahan literal merupakan yang paling banyak dikenal pasti dalam menterjemah unsur budaya dalam sari kata filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*. Melalui penggunaan prosedur terjemahan literal, penyari kata menterjemah unsur budaya ke dalam bahasa sasaran dengan mengekalkan struktur dalam bahasa sumber. Biarpun unsur budaya diterjemah dengan menggunakan terjemahan literal, tetapi setiap makna dan mesej dalam bahasa sumber tetap diterjemahkan dengan tepat.

Walaupun terjemahan literal tidak boleh sentiasa digunakan kerana terdapat perbezaan budaya, kekangan linguistik, atau batasan teknikal (Al-Shloul, 2025), namun dapatan kajian ini menunjukkan bahawa mesej dalam bahasa sumber masih dapat disampaikan dan dikekalkan. Ini menunjukkan bahawa terjemahan literal merupakan prosedur terjemahan yang relevan untuk digunakan dalam menterjemah unsur budaya dalam sari kata, biarpun berhadapan dengan kekangan perkataan dan baris sari kata. Namun, prosedur terjemahan seperti kuplet juga boleh digunakan bagi menterjemah

unsur budaya yang kompleks bagi mengekalkan makna budaya dalam bahasa sumber yang diterjemahkan ke dalam sari kata.

Selain itu, kajian ini juga mencadangkan prosedur terjemahan yang bersesuaian bagi unsur budaya tertentu. Contohnya, unsur budaya material seperti *warung* dan unsur budaya keagamaan seperti *Allahuakbar* sebaiknya tidak diterjemah menggunakan prosedur pengguguran kerana ia boleh menjejaskan pemahaman mesej serta nilai budaya asal (Norhazlina et al., 2024). Sebaliknya, *warung* boleh diterjemah menggunakan prosedur persamaan deskriptif dengan menerangkan fungsi warung dalam bahasa sasaran, manakala *Allahuakbar* diterjemah secara literal kepada *God is the Greatest* untuk mengekalkan makna asal. Pendekatan ini dilakukan demi memastikan elemen budaya dapat disampaikan dengan tepat dan difahami oleh penonton sasaran.

Jadual 4.5

Kategori Budaya+Prosedur Terjemahan dalam filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*

Kategori Budaya	Prosedur Terjemahan	Kekerapan	Peratusan (%)
Material	Kuplet	9	32.1
	Terjemahan Literal	8	28.6
	Pemindahan	4	14.3
	Naturalisasi	3	10.7
	Pengguguran	2	7.1
	Persamaan Budaya	2	7.1
Jumlah		28	31.5
Sosial	Pemindahan	9	32.1
	Terjemahan Literal	9	32.1
	Pengguguran	3	10.7
	Persamaan Budaya	3	10.7
	Kuplet	2	7.1
	Transposisi	1	3.6
	Persamaan Deskriptif	1	3.6
Jumlah		28	31.5
Organisasi, Adat, Aktiviti, Prosedur atau Konsep	Terjemahan Literal	10	47.6

	Persamaan Deskriptif	2	9.5
	Pemindahan	3	14.3
	Persamaan Budaya	2	9.5
	Kuplet	1	4.8
	Transposisi	1	4.8
	Pengguguran	1	4.8
	Penggantian	1	4.8
	Jumlah	21	23.6
Ekologi	Terjemahan Literal	7	58.3
	Kuplet	3	25.0
	Pemindahan	1	8.3
	Persamaan Budaya	1	8.3
	Jumlah	12	13.5
	Jumlah	89	100.0

Jadual 4.5 menunjukkan 89 budaya yang dikategorikan kepada empat kategori budaya iaitu (i) material, (ii) sosial, (iii) organisasi, adat, aktiviti, prosedur atau konsep dan (iv) ekologi. Setiap kategori budaya diterjemah dengan menggunakan prosedur terjemahan. Budaya material mencatatkan kekerapan yang tinggi dengan dapatan sebanyak 28 dapatan (31.5%). Terdapat enam prosedur terjemahan digunakan bagi menterjemah unsur budaya material iaitu (i) kuplet, (ii) terjemahan literal, (iii) pemindahan, (iv) naturalisasi, (v) pengguguran dan (vi) persamaan budaya. Sembilan unsur budaya atau 32.1% diterjemah dengan menggunakan prosedur terjemahan kuplet. Ini diikuti oleh prosedur terjemahan literal yang mencatat sebanyak lapan dapatan (28.6%). Terdapat sebanyak empat (14.3%) unsur budaya diterjemah dengan menggunakan prosedur terjemahan pemindahan. Prosedur terjemahan naturalisasi menunjukkan kekerapan dengan catatan sebanyak tiga dapatan (10.7%) Prosedur terjemahan pengguguran dan persamaan budaya adalah dapatan yang paling sedikit iaitu masing-masing sebanyak dua dapatan (7.1%) daripada keseluruhan dapatan.

Selain itu, budaya sosial juga mencatatkan kekerapan yang paling domain dengan kekerapan sebanyak 28 dapatan atau 31.5%. Setiap unsur budaya sosial diterjemah dengan menggunakan tujuh prosedur terjemahan iaitu (i) pemindahan, (ii) terjemahan literal, (iii) pengguguran, (iv) persamaan budaya, (v) kuplet, (vi) transposisi dan (vii) persamaan deskriptif. Prosedur terjemahan pemindahan dan terjemahan literal menunjukkan kekerapan yang sama iaitu masing-masing sebanyak sembilan dapatan (32.1%) daripada keseluruhan data. Ini diikuti oleh prosedur terjemahan pengguguran dan persamaan budaya yang mencatatkan kekerapan dengan jumlah sama iaitu masing-masing sebanyak tiga dapatan (10.7%). Terdapat dua dapatan (7.1%) bagi prosedur terjemahan kuplet. Prosedur terjemahan yang paling sedikit adalah transposisi dan persamaan deskriptif yang mencatatkan satu dapatan (3.7%).

Seterusnya, 21 unsur budaya (23.6%) yang dikategorikan sebagai organisasi, adat, aktiviti, prosedur atau konsep. Terdapat lapan prosedur terjemahan digunakan untuk menterjemah unsur budaya iaitu organisasi, adat, aktiviti, prosedur atau konsep iaitu (i) terjemahan literal, (ii) persamaan deskriptif, (iii) pemindahan, (iv) persamaan budaya, (v) kuplet, (vi) transposisi, (vii) pengguguran dan (viii) penggantian. Daripada keseluruhan data, ia menunjukkan 10 budaya iaitu (47.6%) diterjemah dengan menggunakan prosedur terjemahan literal. Ini diikuti prosedur terjemahan pemindahan yang mencatatkan sebanyak tiga dapatan (14.3%). Prosedur terjemahan persamaan budaya serta persamaan deskriptif menunjukkan kekerapan yang sama iaitu masing-

masing dengan dapatan sebanyak dua dapatan (9.5%). Prosedur terjemahan (i) kuplet, (ii) transposisi, (iii) pengguguran dan penggantian mencatatkan dapatan yang paling sedikit iaitu masing-masing mencatatkan sebanyak satu dapatan (4.8%).

Budaya ekologi mencatatkan dapatan paling sedikit iaitu sebanyak 12 dapatan (13.5%) daripada keseluruhan data dengan menggunakan empat prosedur terjemahan iaitu (i) terjemahan literal, (ii) kuplet, (iii) pemindahan dan (iv) persamaan budaya. Prosedur terjemahan literal mencatatkan kekerapan tertinggi iaitu sebanyak tujuh dapatan (58.3%). Ini diikuti oleh prosedur terjemahan kuplet dengan catatan sebanyak tiga dapatan (25.0%). Prosedur terjemahan pemindahan dan persamaan budaya mencatatkan kekerapan yang paling sedikit iaitu sebanyak satu dapatan (8.3%).

Berdasarkan dapatan kajian ini, ia menunjukkan bahawa unsur budaya material serta sosial merupakan kategori paling dominan dengan pelbagai prosedur terjemahan yang digunakan. Budaya material menunjukkan bahawa prosedur terjemahan kuplet yang mencatatkan kekerapan tertinggi, manakala prosedur terjemahan literal serta pemindahan merupakan prosedur terjemahan paling domain bagi budaya sosial. Sebaliknya, unsur budaya ekologi mencatatkan kekerapan terendah dengan empat prosedur terjemahan, dengan terjemahan literal menjadi yang paling kerap digunakan.

Walau bagaimanapun, dapatan kajian ini menunjukkan perbezaan dengan kajian oleh Farkhan et al., (2020) apabila kajian terjemahan siri Netflix iaitu *The Final Table* yang menunjukkan unsur budaya makanan banyak dikenal pasti dan diterjemah dengan menggunakan strategi terjemahan paling domain iaitu strategi pengekalan. Dapatan kajian ini juga menunjukkan perbezaan dengan kajian oleh Hasibuan & Musfiroh (2021), apabila kajian terjemahan filem *Joker* yang menunjukkan unsur budaya material paling banyak dikenal pasti dan diterjemah dengan menggunakan prosedur terjemahan paling domain iaitu persamaan budaya.

Selain itu, kajian oleh Chaisiri & Rattanakantadilok (2022) terhadap filem *Tootsies & The Fake* di platform Netflix dan KissAsian turut menunjukkan perbezaan dengan kajian ini apabila unsur budaya metafora baharu yang paling dominan diterjemahkan menggunakan prosedur hibrid, paling banyak dikenal pasti. Dapatan kajian oleh Mohammed (2023) yang membuat kajian terhadap sari kata filem *Saladin* (1963) dengan pasangan bahasa iaitu Bahasa Arab-Bahasa Inggeris menunjukkan perbezaan dengan dapatan kajian ini apabila unsur metaforanya paling banyak dikenal pasti diterjemah dengan menggunakan strategi terjemahan parafrasa.

Seterusnya, kajian oleh Mamoon et al., (2023) yang mengkaji terjemahan video

promosi dengan pasangan bahasa iaitu Bahasa Thai-Bahasa Inggeris menunjukkan perbezaan dengan kajian ini apabila unsur budaya material merupakan dapatan yang paling banyak dikenal pasti serta prosedur terjemahan kuplet yang paling tinggi. Dapatan kajian oleh Ghassemiazghandi (2025) yang mengkaji 16 filem Bahasa Inggeris–Bahasa Parsi turut menunjukkan perbezaan dengan dapatan kajian ini apabila mendapati unsur budaya humor paling dominan diterjemahkan secara literal.

4.4 Padanan Terjemahan Budaya dalam Sari Kata Filem Animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*

Kesemua 89 unsur budaya dalam bahasa Melayu yang terdapat dalam filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula* dibandingkan dengan padanannya dalam sari kata bahasa Inggeris. Perbandingan dilakukan dengan menggunakan padanan terjemahan oleh Koller (1979). Hasil analisis menunjukkan bahawa terdapat empat padanan terjemahan yang digunakan untuk memadankan 89 unsur budaya seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.6.

Jadual 4.6

Padanan Terjemahan Budaya dalam Sari Kata Filem Animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*

Padanan Terjemahan Budaya	Kekerapan	Peratusan (%)
Padanan Denotasi	50	56.2
Padanan Formal	23	25.8
Padanan Pragmatik	9	10.1
Padanan Konotasi	7	7.9
Jumlah	89	100.00

Jadual 4.6 menunjukkan bahawa padanan terjemahan denotasi merupakan padanan terjemahan yang paling banyak digunakan iaitu 50 dapatan (56.2%) daripada keseluruhan dapatan. Ini diikuti oleh padanan terjemahan formal dengan catatan sebanyak 23 dapatan (25.8%). Terdapat sebanyak sembilan (10.1%) bagi padanan terjemahan formal. Padanan terjemahan konotasi mencatatkan dapatan yang paling sedikit iaitu sebanyak tujuh dapatan (7.9%) daripada keseluruhan dapatan.

4.4.1 Padanan Denotasi

Padanan denotasi merupakan makna dalam bahasa sumber dan bahasa sasaran yang mempunyai makna yang sepadan (Koller, 1979) dengan memfokuskan kepada leksikal atau perkataan (Bakiev & qizi, 2025). Hasil analisis menunjukkan terdapat 50 unsur budaya menggunakan padanan terjemahan denotasi dalam filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*. Berikut merupakan analisis bagi padanan terjemahan denotasi.

Contoh 26

Bahasa Sumber: **Angsa** kejar baru tahu. (16:34)

Bahasa Sasaran: *You want to get chased by that **goose**?* (16:32)

Hasil analisis menunjukkan bahawa unsur budaya ekologi, iaitu **angsa** dikenal pasti dalam filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*. **Angsa** dipelihara untuk menjaga kawasan, dan melakukan bunyi bising apabila berasa terancam (Nurul Husna, 2021). Padanan denotasi digunakan bagi **angsa** dan padanannya **goose**. Penyari kata menggunakan padanan leksikal yang sepadan kerana **angsa** dalam bahasa Melayu dan **goose** dalam bahasa Inggeris (Dewan Bahasa dan Pustaka, n.d.).

Contoh 27

Bahasa Sumber: Belakang itu Pak Samad punya **reban ayam**, sudah nampak pusing kiri. (13:40)

Bahasa Sasaran: *Then when you see Uncle Samad's **chicken coop**, turn left.* (13:40)

Contoh 27 menunjukkan **reban ayam** dikategorikan sebagai budaya material yang terletak di kawasan rumah tradisional Melayu untuk dijadikan sebagai binatang ternakan (Sulainman et al., 2021). Penyari kata menggunakan leksikal yang sepadan bagi **reban ayam** dan padanannya iaitu **chicken coop** (Dewan Bahasa dan Pusataka, n.d.) merupakan padanan denotasi. **Reban ayam** dan padanannya adalah padanan denotasi kerana menggunakan padanan yang mempunyai konsep yang sama. Ini selaras dengan Koller (1979), yang menyatakan bahawa dalam padanan denotasi, kedua-dua perkataan dalam bahasa sumber dan bahasa sasaran mempunyai konsep yang sama.

4.4.2 Padanan Formal

Hasil analisis menunjukkan terdapat 24 unsur budaya menggunakan padanan terjemahan formal dalam filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*. Padanan formal merupakan bentuk dan estetika teks, termasuk ciri gaya bahasa dalam bahasa sasaran sepadan dengan bahasa sumber (Koller, 1979).

Contoh 28

Bahasa Sumber: **Opah** datang! (10:44)

Bahasa Sasaran: ***Opah's here!*** (10:44)

Contoh 28 menunjukkan **opah** dikategorikan sebagai unsur budaya sosial bagi subkategori kelas masyarakat. Analisis menunjukkan padanan formal digunakan bagi **opah** dan padanannya ***opah*** dengan mengekalkan struktur linguistik dan bentuk dalam bahasa sumber ke dalam bahasa sasaran. Ini selaras dengan kenyataan yang diberikan oleh Koller (1979) yang menyatakan padanan formal adalah struktur dan gaya dalam bahasa sumber yang dikekalkan dalam bahasa sasaran.

Contoh 29

Bahasa Sumber: Peribahasa Melayu kata **sediakan payung sebelum hujan**. (3:44)

Bahasa Sasaran: ***Have an umbrella ready before it rains.*** (3:44)

Contoh 29 menunjukkan bahawa **sediakan payung sebelum hujan** dikategorikan sebagai unsur budaya organisasi. Padanan terjemahan formal digunakan bagi **sediakan payung sebelum hujan** dan padanannya ***have an umbrella ready before it rains***. Contoh ini jelas menunjukkan penyari kata menggunakan struktur dalam bahasa sasaran yang sepadan dengan bahasa sumber.

4.4.3 Padanan Pragmatik

Dalam filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*, terdapat sembilan unsur budaya menggunakan padanan pragmatik. Padanan pragmatik merupakan kesepadanan makna dengan menumpukan konteks komunikasi dan latar belakang pembaca sasaran bagi memastikan mesej yang disampaikan adalah tepat dan jelas (Koller, 1979). Berikut

merupakan analisis bagi padanan formal.

Contoh 30

Bahasa Sumber: Kenapa pula **pak cik** percaya yang ianya adalah hantu? (2:28)

Bahasa Sasaran: *Why do **you** believe it was a ghost?* (2:28)

Contoh 30 menunjukkan bahawa **Pak cik** dikategorikan unsur budaya sosial iaitu kelas masyarakat yang dikenal pasti dalam filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*. **Pak cik** dan padanannya iaitu **you** merupakan padanan terjemahan pragmatik. Dalam budaya Melayu, panggilan **pak cik** digunakan bagi merapatkan jarak sosial antara penutur dan pendengar disebabkan perbezaan umur (Malida et al., 2024). Dalam budaya Inggeris pula panggilan **you** digunakan secara umum (Mohamed Zain & Muhamad Jad Hamizan, 2020) antara penutur dan pendengar. Padanan terjemahan pragmatik digunakan dengan mengambil kira konteks situasi antara **wartawan** dan **Tok Dalang**. Dalam budaya Melayu, panggilan **pak cik** adalah sebagai tanda hormat, manakala panggilan **you** digunakan apabila tiada ikatan kekeluargaan.

Contoh 31

Bahasa Sumber: Badrol ni, **cucu** atuk! (17:54)

Bahasa Sasaran: *It's Badrol, your **grandson**!* (17:54)

Analisis menunjukkan **cucu** dikategorikan sebagai unsur budaya sosial iaitu kelas masyarakat. Dalam filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*, Badrol yang baru sampai ke kampung memperkenalkan dirinya sebagai **cucu** kepada **Tok Dalang**. **Cucu** dan padanannya **grandson** merupakan padanan terjemahan pragmatik. Penyari kata mengambil kira konteks situasi antara seorang **atuk** dan **cucunya**. Dalam bahasa Melayu, **cucu** membawa maksud kepada **cucu** lelaki dan perempuan, manakala cucu dalam bahasa Inggeris adalah *grandchild* (Dewan Bahasa dan Pustaka, n.d.). Penyari kata menggunakan padanan pragmatik berdasarkan konteks situasi dalam filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula* iaitu perbualan antara Tok Dalang dan Badrol.

4.4.4 Padanan Konotasi

Analisis menunjukkan terdapat tujuh padanan konotasi yang dikenal pasti

dalam filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*. Padanan konotasi adalah padanan dalam bahasa sasaran yang sepadan atau hampir sama dengan pemikiran antara kedua-dua penutur bahasa (Koller, 1979). Analisis bagi padanan konotasi adalah seperti berikut;

Contoh 32

Bahasa Sumber: Hmm **dua kali lima** je! (16:58)

Bahasa Sasaran: **His grandson is no different!** (16:18)

Analisis menunjukkan **dua kali lima** dikategorikan sebagai organisasi sosial yang dikenal pasti dalam filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*. Dialog diujarkan oleh Lim apabila Upin menyatakan Tok Dalang merupakan seorang yang kedekut dan Lim membalas dengan menyatakan bahawa Badrol juga mempunyai sifat yang sama tetapi dibalas dalam bentuk peribahasa. Peribahasa adalah satu bentuk idiomatik atau kiasan yang sinonim dengan masyarakat Melayu (Mohammad Nik Mat et al., 2025). Padanan konotasi digunakan bagi **dua kali lima** dalam bahasa sumber dan padanan terjemahannya dalam sari kata bahasa Inggeris iaitu ***His grandson is no different***. Dalam budaya Melayu, **dua kali lima** merupakan peribahasa yang bermaksud dua individu memiliki perwatakan yang serupa (Zanariah & Haniza, 2023). Penggunaan padanan konotasi dengan menghuraikan bahasa kiasan **dua kali lima** kepada ***his grandson is no different*** membawa maksud Tok Dalang dan Badrol mempunyai sifat yang sama, iaitu kedekut.

Contoh 33

Bahasa Sumber: **Orang berbudi kita berbahasa.** (32:06)

Bahasa Sasaran: ***We should do unto others, as they do unto us.*** (32:06)

Dalam filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*, terdapat kategori budaya organisasi sosial yang dikenal pasti iaitu **orang berbudi kita berbahasa**. Dialog diujarkan oleh Kak Ros ketika sedang menyanyikan lagu Tanam-Tanam Ubi (Damai) dalam filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*. **Orang berbudi kita berbahasa** dan padanannya ***we should do unto others, as they do unto us*** merupakan padanan terjemahan konotasi. **Orang berbudi kita berbahasa** adalah satu bentuk peribahasa. Peribahasa adalah satu bentuk idiomatik atau kiasan yang sinonim dengan masyarakat

Melayu (Mohammad Nik Mat et al., 2025). Peribahasa Melayu **orang berbudi kita berbahasa** membawa maksud, setiap kebaikan dibalas dengan kebaikan, selaras dengan nilai kesantunan budaya Melayu (Dewan Bahasa dan Pustaka, n.d.). Dalam budaya Inggeris, *we should do unto others, as they do unto us* merupakan satu bentuk kiasan yang bermaksud setiap kebaikan dibalas dengan kebaikan. Padanan konotasi digunakan oleh penyari kata kerana pemikiran antara pembaca bahasa sumber dan bahasa sasaran adalah sepadan. Walaupun berbeza dari segi bahasa dan budaya, tetapi ia mempunyai pemikiran yang sepadan bagi makna budaya ini.

Berdasarkan dapatan kajian ini, padanan terjemahan unsur budaya dalam sari kata filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula* menunjukkan bahawa padanan denotasi merupakan yang paling dominan berbanding dengan padanan konotasi. Dominasi padanan denotasi dapat dijelaskan oleh kecenderungan penyari kata menggunakan padanan yang mempunyai konsep sama dalam bahasa sasaran, memandangkan penonton sasaran adalah kanak-kanak. Pendekatan ini membolehkan mesej budaya diterima dengan jelas tanpa mengubah makna asal.

Dapatan kajian ini menunjukkan persamaan dengan kajian oleh Kanan et al. (2022) yang mengkaji terjemahan unsur budaya dalam filem animasi kanak-kanak *The Prince of Egypt*, walaupun pasangan bahasa yang dikaji berbeza, iaitu Bahasa Inggeris-Bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, kajian ini menunjukkan perbezaan apabila kajian terhadap terjemahan sari kata kartun kanak-kanak *Puteri* menunjukkan padanan fungsian yang paling dominan.

Selain itu, dapatan kajian ini menunjukkan perbezaan dengan dapatan kajian oleh Yang (2024) terhadap filem *The Grand Budapest Hotel* dengan pasangan bahasa iaitu Bahasa Inggeris-Bahasa Cina yang menunjukkan bahawa padanan fungsian paling banyak digunakan kerana menuntut penyelarasan unsur budaya agar sesuai untuk penonton sasaran. Begitu juga dengan dapatan kajian oleh Nurmalia et al. (2025) dengan pasangan bahasa iaitu Bahasa Inggeris-Bahasa Indonesia menunjukkan padanan dinamik yang paling banyak dikenal pasti.

Seterusnya, dapat dilihat juga melalui dapatan Xiong (2022) terhadap filem *A Cool Fish*, yang menunjukkan perbezaan dengan dapatan kajian ini, apabila mendapati padanan fungsian paling tinggi untuk pasangan Bahasa Cina-Bahasa Inggeris. Dapatan kajian oleh Adawiyah (2020) yang mengkaji terhadap terjemahan sari kata siri *Baitu Tahir* dengan pasangan bahasa iaitu Bahasa Arab-Bahasa Indonesia juga menunjukkan perbezaan dengan dapatan kajian ini apabila mendapati bahawa padanan dinamik

merupakan paling dominan.

Hasil dari dapatan kajian ini menunjukkan bahawa unsur budaya boleh diterjemah menggunakan padanan denotasi, iaitu padanan terus yang mudah difahami oleh pembaca sasaran. Walaupun kajian lepas menunjukkan kecenderungan penggunaan padanan fungsian untuk menyesuaikan unsur budaya dalam bahasa sasaran, kajian ini mencadangkan penambahbaikan dengan menggunakan padanan pragmatik atau formal untuk istilah tertentu seperti *Allahuakbar*. Pendekatan ini dapat memastikan pembaca sasaran memahami mesej budaya yang disampaikan tanpa mengubah makna asal dalam bahasa sumber.

Jadual 4.7

Prosedur Terjemahan+Padanan Terjemahan dalam Filem Animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*

Prosedur Terjemahan	Padanan Terjemahan	Kekerapan	Peratusan (%)
Terjemahan Literal	Denotasi	30	88.2
	Formal	3	8.8
	Pragmatik	1	3.0
Jumlah		34	38.2
Pemindahan	Denotasi	11	64.7
	Formal	6	35.3
Jumlah		17	19.1
Kuplet	Formal	14	93.3
	Konotasi	1	6.7
Jumlah		15	16.9
Persamaan Budaya	Denotasi	2	25.0
	Konotasi	3	37.5
	Pragmatik	2	25.0
	Formal	1	12.5
Jumlah		8	9.0
Pengguguran	Pragmatik	4	66.7

	Konotasi	2	33.3
	Jumlah	6	6.7
Persamaan Deskriptif	Pragmatik	1	33.3
	Denotasi	1	33.3
	Konotasi	1	33.3
	Jumlah	3	3.4
Naturalisasi	Denotasi	3	100.0
	Jumlah	3	3.4
Transposisi	Denotasi	2	100.0
	Jumlah	2	2.2
Penggantian	Denotasi	1	100.00
	Jumlah	1	1.1
	Jumlah	89	100.0

Jadual 4.7 menunjukkan 89 budaya yang diterjemah dengan menggunakan sembilan prosedur terjemahan iaitu (i) terjemahan literal, (ii) pemindahan, (iii) kuplet, (iv) persamaan budaya, (v) pengguguran, (vi) persamaan deskriptif, (vii) naturalisasi, (viii) transposisi, serta (ix) penggantian. Prosedur terjemahan literal mencatatkan dapatan yang paling banyak iaitu 34 dapatan (38.2%) dengan menggunakan tiga padanan terjemahan iaitu (i) denotasi, (ii) formal dan (iii) pragmatik. Padanan terjemahan denotasi mencatatkan dapatan yang paling tinggi iaitu sebanyak 30 dapatan (88.2%) daripada keseluruhan prosedur terjemahan literal. Ini diikuti padanan terjemahan formal yang mencatat tiga dapatan (8.8%). Padanan terjemahan pragmatik menunjukkan kekerapan terendah dengan dapatan sebanyak satu dapatan (3.0%)

Prosedur terjemahan pemindahan mencatatkan dapatan sebanyak 17 dapatan (19.1%) dengan menggunakan dua padanan terjemahan iaitu denotasi dan formal. Padanan terjemahan denotasi mencatatkan dapatan yang paling tinggi iaitu sebanyak 11 dapatan (64.%), berbanding formal yang mencatatkan dapatan sebanyak enam dapatan (35.3%).

Prosedur terjemahan kuplet mencatatkan 15 dapatan (16.9%). Dua prosedur terjemahan iaitu padanan terjemahan formal dan konotasi digunakan bagi prosedur terjemahan kuplet. Padanan terjemahan formal mencatatkan dapatan yang lebih tinggi iaitu sebanyak 14 dapatan (93.3%), berbanding konotasi dengan dapatan sebanyak satu (6.7%).

Prosedur terjemahan persamaan budaya pula mencatatkan sebanyak lapan dapatan (9.0%) dengan menggunakan empat padanan terjemahan iaitu (i) denotasi, (ii) konotasi, (iii) pragmatik dan (iv) formal. Padanan terjemahan konotasi mencatatkan kekerapan yang tinggi iaitu sebanyak tiga dapatan (37.5%). Ini diikuti padanan terjemahan denotasi dan pragmatik yang masing-masing mencatatkan dua dapatan (25.0%). Padanan terjemahan formal mencatatkan dapatan yang paling sedikit iaitu sebanyak satu dapatan (11.1%) daripada keseluruhan dapatan.

Prosedur terjemahan pengguguran mencatatkan dapatan sebanyak enam dapatan (6.7%) dengan menggunakan dua padanan terjemahan iaitu pragmatik dan konotasi. Padanan terjemahan pragmatik mencatatkan dapatan yang paling tinggi iaitu sebanyak empat dapatan (66.7%), berbanding konotasi yang mencatatkan sebanyak dua dapatan (33.3%).

Prosedur terjemahan persamaan deskriptif dan naturalisasi menunjukkan kekerapan yang sama iaitu masing-masing mencatatkan tiga dapatan (3.4%). Prosedur


terjemahan persamaan deskriptif menggunakan tiga padanan terjemahan iaitu (i) pragmatik, denotasi dan konotasi. Ketiga-tiga padanan terjemahan mencatatkan kekerapan yang sama iaitu masing-masing dengan catatan sebanyak satu dapatan (33.3%). Prosedur terjemahan naturalisasi pula menggunakan satu padanan terjemahan yang mencatatkan tiga dapatan (100.0%). Prosedur terjemahan transposisi mencatatkan dapatan sebanyak dua dapatan (2.2%) dengan menggunakan satu padanan terjemahan denotasi dengan dapatan sebanyak dua dapatan (100%). Prosedur terjemahan penggantian mencatatkan dapatan yang paling sedikit iaitu sebanyak satu dapatan (100.0%) dengan menggunakan satu padanan terjemahan iaitu padanan denotasi.

Berdasarkan dapatan kajian ini, prosedur terjemahan literal mencatatkan kekerapan yang paling tinggi dengan menggunakan tiga padanan terjemahan seperti denotasi yang menunjukkan paling kerap ia digunakan. Prosedur terjemahan penggantian menunjukkan kekerapan yang paling tinggi dengan menggunakan satu padanan terjemahan seperti padanan denotasi. Walau bagaimanapun, dapatan kajian oleh Xiong (2022) yang menterjemah sari kata dialek filem *A Cool Fish* dengan pasangan Bahasa Cina-Bahasa Inggeris menunjukkan perbezaan dengan kajian ini kerana kajian ini menggunakan strategi terjemahan parafrasa, dan pengguguran bagi padanan terjemahan fungsian.

Selain itu, kajian yang dijalankan ini menunjukkan perbezaan dengan kajian oleh Li (2022) yang menterjemah *Peking Opera* dengan pasangan Bahasa Cina-Bahasa Inggeris menggunakan terjemahan bebas yang paling banyak dikenal pasti dengan menggunakan padanan fungsian. Dapatan kajian oleh Ji (2025) juga menunjukkan perbezaan dengan kajian ini apabila filem animasi *Zootopia* dengan pasangan bahasa iaitu Bahasa Inggeris-Bahasa Cina menunjukkan terdapatnya tiga metafora dan terjemahan literal, merupakan strategi yang banyak dikenal pasti bagi padanan fungsian. Kajian oleh Xuyuan & Shuangyu (2025) yang mengkaji terjemahan filem animasi *Nobody* dengan pasangan bahasa iaitu Bahasa Cina-Bahasa Inggeris pula menunjukkan perbezaan dengan kajian ini kerana strategi adaptasi merupakan paling dominan bagi padanan fungsian.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa prosedur terjemahan literal dan padanan terjemahan denotasi merupakan paling dominan yang digunakan dalam menterjemah unsur budaya dalam sari kata filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*. Ini kerana, ia menunjukkan perkaitan antara prosedur terjemahan dan padanan terjemahan. Apabila terjemahan literal digunakan oleh penyari kata, maka

padanan terjemahannya adalah denotasi. Walaupun unsur budaya diterjemah dengan menggunakan prosedur terjemahan literal dan padanan terjemahannya denotasi, mesej atau makna dalam bahasa sumber dikekalkan ke dalam sari kata bahasa Inggeris filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*.



Rajah 4.2 Pemetaan Terjemahan Budaya dalam Sari Kata Filem Animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*

Rajah 4.2 menunjukkan pemetaan terjemahan budaya dalam sari kata filem animasi *Geng Pengembaraan Bermula* yang melibatkan hubungan antara kategori budaya, prosedur terjemahan, dan padanan terjemahan. Secara keseluruhannya, rajah 4.2 ini menunjukkan bahawa unsur budaya yang dikenal pasti dan diterjemah dengan menggunakan pelbagai prosedur terjemahan. Melalui prosedur terjemahan untuk menghasilkan padanan terjemahan yang bersesuaian untuk penonton sasaran.

Dalam kajian ini, menunjukkan terdapat empat kategori budaya yang dikenal pasti iaitu (i) material, (ii) sosial, (iii) organisasi, adat, aktiviti, prosedur atau konsep, serta (iv) ekologi dengan menggunakan sembilan prosedur terjemahan iaitu (i) terjemahan literal, (ii) kuplet, (iii) pemindahan, (iv) persamaan budaya, (v) pengguguran, (vi) persamaan deskriptif, (vii) naturalisasi, (viii) transposisi dan (ix) penggantian. Empat padanan terjemahan iaitu (i) denotasi, (ii) konotasi, (iii) pragmatik, dan (iv) formal.

Budaya material diterjemah dengan menggunakan enam prosedur terjemahan iaitu (i) kuplet, (ii) terjemahan literal, (iii) pemindahan, (iv) naturalisasi, (v) pengguguran dan (vi) persamaan budaya. Ini diikuti budaya sosial yang diterjemah dengan menggunakan tujuh prosedur terjemahan iaitu (i) pemindahan, (ii) terjemahan literal, (iii) pengguguran, (iv) persamaan budaya, (v) kuplet, (vi) transposisi, dan (vii) persamaan deskriptif. Terdapat lapan prosedur terjemahan digunakan untuk menterjemah organisasi, adat, aktiviti, prosedur atau konsep, iaitu (i) terjemahan literal, (ii) persamaan deskriptif, (iii) pemindahan, (iv) persamaan budaya, (v) kuplet, (vi) transposisi, (vii) pengguguran dan (viii) penggantian. Akhir sekali, budaya ekologi menggunakan empat prosedur terjemahan iaitu (i) terjemahan literal, (ii) kuplet, (iii) pemindahan dan (iv) persamaan budaya.

Selain itu, rajah 4.2 juga menunjukkan sembilan prosedur terjemahan yang menggunakan empat jenis padanan terjemahan. Terjemahan literal menggunakan tiga jenis padanan terjemahan iaitu (i) denotasi, (ii) formal dan (iii) pragmatik. Ini diikuti prosedur terjemahan pemindahan yang menggunakan dua padanan terjemahan iaitu (i) denotasi dan (ii) formal. Terdapat juga dua jenis padanan terjemahan iaitu (i) formal dan (ii) konotasi yang digunakan bagi prosedur terjemahan kuplet. Prosedur terjemahan persamaan budaya menunjukkan, terdapat empat jenis padanan terjemahan iaitu (i) denotasi, (ii) konotasi, (iii) pragmatik dan (iv) formal. Padanan terjemahan pengguguran menggunakan dua jenis padanan terjemahan iaitu (i) pragmatik dan (ii) konotasi. Prosedur terjemahan persamaan deskriptif pula menggunakan tiga jenis

padanan terjemahan yaitu (i) pragmatik, (ii) denotasi dan (iii) konotasi. Akhir sekali, prosedur terjemahan naturalisasi, transposisi dan penggantian, masing-masing menggunakan satu padanan terjemahan yaitu denotasi.

Berdasarkan dapatan kajian ini, unsur budaya material merupakan kategori paling dominan, diterjemahkan menggunakan enam prosedur terjemahan, yaitu (i) kuplet, (ii) terjemahan literal, (iii) pemindahan, (iv) naturalisasi, (v) pengguguran serta (vi) persamaan budaya, dan melibatkan empat jenis padanan terjemahan, yaitu (i) padanan denotasi, (ii) padanan konotasi, (iii) padanan pragmatik dan (iv) padanan formal. Sebaliknya, unsur budaya ekologi, yang direkodkan dengan kekerapan paling rendah, diterjemahkan melalui empat prosedur terjemahan, yaitu (i) terjemahan literal, (ii) pemindahan, (iii) kuplet, serta (iv) persamaan budaya dan terdapat dua padanan terjemahannya yaitu (i) denotasi dan formal. Walau bagaimanapun, dapatan kajian ini berbeza dengan kajian Xiong (2022), di mana beliau meneliti terjemahan sari kata filem *A Cool Fish* dalam pasangan bahasa Cina–bahasa Inggeris yang menunjukkan unsur budaya dialek yang diterjemahkan menggunakan tiga strategi, yaitu (i) literal, (ii) makna, dan (iii) pengguguran, dengan padanan terjemahan fungsian.

Selain itu, dapatan kajian ini juga menunjukkan perbezaan dengan kajian oleh Ziyi & Zheng (2023) dalam menterjemah sari kata filem *The Lord of the Rings* dengan pasangan bahasa yaitu Bahasa Inggeris–Bahasa Cina yang menunjukkan unsur budaya diterjemah dengan menggunakan strategi terjemahan pengasingan serta naturalisasi, dan padanan terjemahan fungsian merupakan paling dominan. Dapatan kajian oleh Yutong (2023) yang menunjukkan sari kata filem *Moon Man* dengan padanan bahasa yaitu Bahasa Cina–Bahasa Inggeris diterjemah dengan menggunakan strategi terjemahan *domestication* dan *foreignization* berpandukan teori padanan terjemahan fungsian juga menunjukkan perbezaan dengan kajian ini.

Seterusnya, dapatan kajian oleh Nouredin Mohamed (2024) juga terdapat perbezaan dengan kajian ini apabila filem *The Treasure* dalam pasangan bahasa Arab–Inggeris menunjukkan unsur budaya Arab melalui enam strategi terjemahan, yaitu (i) pengekalan, (ii) spesifikasi, (iii) literal, (iv) generalisasi, (v) penggantian, dan (vi) pengguguran, dengan padanan terjemahan yang digunakan dalam sari kata bahasa Inggeris adalah padanan fungsian. Dapatan kajian dijalankan oleh Zou (2025) yang menterjemah sari kata dokumentari dalam Bahasa Cina–Bahasa Inggeris juga menunjukkan perbezaan dengan kajian ini apabila unsur budaya yaitu metafora diterjemah dengan menggunakan strategi terjemahan metafora yaitu terjemahan literal

yang paling dominan.

Berdasarkan dapatan kajian yang dijalankan ini, filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula* merupakan filem yang berjaya mengetengahkan unsur budaya yang terdapat di Malaysia dan setiap unsur budaya diterjemah dengan kepelbagaian prosedur terjemahan serta jenis padanan terjemahan. Setiap prosedur terjemahan yang digunakan adalah bersesuaian kerana berjaya mengekalkan makna budaya sumber yang diterjemah ke dalam sari kata. Namun begitu, terdapat penambahbaikan yang boleh dilakukan iaitu unsur budaya yang diterjemah dengan menggunakan pengguguran boleh diterjemah dengan menggunakan prosedur terjemahan berbeza. Ini kerana, nilai budaya dalam bahasa Melayu yang diterjemah ke dalam sari kata bahasa Inggeris akan kurang difahami oleh penonton. Begitu juga dengan jenis padanan terjemahan yang digunakan adalah bersesuaian kerana mengekalkan makna budaya, namun pada masa yang sama, boleh dilakukan penambahbaikan. Contohnya, unsur budaya yang diterjemah dengan prosedur terjemahan pengguguran dan padanan terjemahannya adalah pragmatik. Perubahan boleh dilakukan dengan mengubah kepada padanan denotasi bagi memastikan nilai budaya dalam bahasa sumber dikekalkan ke dalam bahasa sasaran.

4.5 Rumusan

Rumusannya, bab ini membicarakan mengenai dapatan kajian bagi ketiga-tiga objektif kajian ini secara terperinci. Dapatan kajian menunjukkan terdapat kategori budaya oleh Newmark (1988) digunakan, menunjukkan terdapat empat kategori budaya yang dikenal pasti iaitu (i) ekologi, (ii) material, (iii) sosial dan (iv) organisasi, adat, aktiviti, prosedur atau konsep. Unsur budaya yang dikenal pasti diterjemah dengan menggunakan prosedur terjemahan oleh Newmark (1988), iaitu (i) terjemahan literal, (ii) pemindahan, (iii) kuplet, (iv) persamaan budaya, (v) pengguguran, (vi) persamaan deskriptif, (vii) naturalisasi, (viii) transposisi dan (ix) penggantian. Terdapat empat padanan mengikut jenis padanan terjemahan oleh Koller (1979), iaitu (i) padanan denotasi, (ii) padanan konotasi, (iii) padanan pragmatik dan (iv) padanan formal.

BAB 5

KESIMPULAN

5.1 Pendahuluan

Bab 5 merumuskan dapatan kajian bagi terjemahan budaya dalam sari kata filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*. Seterusnya, beberapa sumbangan kajian daripada kajian yang dilakukan turut diberikan dalam perbincangan. Cadangan kajian lanjutan terjemahan unsur budaya daripada bahasa Melayu kepada bahasa sasaran dalam sari kata turut dijadikan sebagai topik dalam Bab 5.

5.2 Rumusan Dapatan

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula* merupakan filem animasi yang mengetengahkan unsur budaya tempatan kerana terdapatnya 89 unsur budaya yang dikenal pasti dalam dialog bahasa Melayu filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*. Hal ini sekali gus mengesahkan bahawa filem animasi merupakan medium penting yang memainkan peranan sebagai medium representasi budaya masyarakat Malaysia. Lima kategori budaya yang diketengahkan oleh Newmark (1988), namun dalam kajian ini mendapati hanya empat daripada lima kategori budaya dapat dikenal pasti. Hal ini kerana, kajian yang dijalankan dibataskan kepada dialog dalam bahasa Melayu dan terjemahannya dalam sari kata bahasa Inggeris.

Budaya material merupakan kategori budaya yang paling dominan dikenal pasti dalam filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*. Ini menunjukkan kecenderungan pengkarya dalam memperkenalkan makanan tempatan di Malaysia yang dikategorikan sebagai budaya material. Budaya ekologi menunjukkan kategori budaya yang kurang ditonjolkan oleh pengkarya. Ini menunjukkan bahawa filem animasi tempatan seperti *Geng: Pengembaraan Bermula* cenderung memperkenalkan budaya tempatan seperti makanan dan minuman, memandangkan Malaysia merupakan negara yang dikenali dengan kepelbagaian makanan tradisional daripada pelbagai kaum, termasuk Melayu, Cina dan India. Selain itu, representasi makanan yang terdapat di dalam filem ini bukan hanya sekadar memberi elemen hiburan, malah ia turut mahu menonjolkan pendidikan budaya buat penonton.

Dari prosedur terjemahan, ia menunjukkan prosedur terjemahan literal merupakan prosedur terjemahan yang kerap kali digunakan oleh penyari kata dalam menterjemah budaya dalam bahasa Melayu ke dalam sari kata bahasa Inggeris. Penggunaan prosedur terjemahan literal merupakan pendekatan yang tepat terhadap pengekalan bentuk dan makna asal budaya sumber. Pada masa sama, kesilapan dalam menterjemah budaya dengan menggunakan terjemahan literal juga mampu menyebabkan makna budaya tersebut hilang. Dalam kajian ini, budaya yang diterjemah dengan menggunakan prosedur terjemahan adalah tepat kerana mengekalkan makna budaya sumber. Kesannya, budaya yang diterjemah dengan menggunakan prosedur terjemahan adalah mudah difahami kerana mengekalkan makna budaya sumber yang diterjemah ke dalam sari kata bahasa Inggeris.

Analisis jenis padanan terjemahan dengan menggunakan Koller (1979) menunjukkan penyari kata menggunakan padanan terjemahan dalam sari kata bahasa Inggeris dengan mengekalkan makna yang sama atau sepadan. Terdapat lima jenis padanan terjemahan yang diketengahkan oleh Koller (1979), namun dalam kajian ini terdapat empat jenis padanan terjemahan sahaja. Padanan teks normatif merupakan jenis padanan terjemahan tidak dikenal pasti kerana kajian yang dijalankan merupakan TAV dengan menggunakan transkripsi dialog dalam bahasa Melayu dan terjemahannya dalam sari kata bahasa Inggeris. Keadaan ini menyebabkan padanan teks normatif tidak dapat dikenal pasti kerana hanya digunakan kepada jenis teks tertentu dan teks yang dihasilkan. Empat padanan terjemahan digunakan dalam sari kata bahasa Inggeris menunjukkan penyari kata berjaya menggunakan padanan terjemahan dengan tepat kerana mengekalkan makna budaya dalam bahasa sumber. Pada masa sama, penyari kata juga menggunakan padanan terjemahan dengan tepat berdasarkan daripada konteks situasi dalam filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*.

Secara rumusannya, dapatan ini menunjukkan bahawa terdapatnya unsur budaya dalam filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula* dengan menggunakan kepelbagaian prosedur terjemahan serta padanan terjemahan untuk mengekalkan makna berdasarkan konteks situasi. Dalam masa sama, terdapat juga prosedur terjemahan yang kurang sesuai digunakan seperti pengguguran yang menghilangkan makna budaya bahasa sumber. Oleh itu, dapatan kajian ini memberi implikasi bahawa unsur budaya yang diterjemah ke dalam sari kata memerlukan penelitian yang lebih kerana mampu menjejaskan kebolehbacaan penonton.

5.3 Sumbangan Kajian

Kajian yang dijalankan menyumbang kepada bidang TAV, khususnya unsur budaya yang diterjemah ke dalam sari kata filem animasi tempatan seperti *Geng: Pengembaraan Bermula*. Antaranya, kajian yang dijalankan mengisi jurang penyelidikan terjemahan budaya dengan menumpukan unsur budaya yang diterjemah ke dalam sari kata bahasa Inggeris. Biarpun terdapat kajian terdahulu yang membincangkan TAV, namun kategori budaya, prosedur terjemahan serta jenis padanan terjemahan dibincangkan secara terperinci dalam kajian yang dijalankan. Kajian yang dijalankan juga menunjukkan bahawa unsur budaya bukan sahaja diketengahkan ke dalam filem pergerakan manusia tetapi juga terjemahan sari kata filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*.

Selain itu, memperkaya perbincangan akademik dalam bidang TAV. Dapatan kajian menunjukkan kecenderungan unsur budaya yang diketengahkan iaitu budaya material dalam filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula*. Setiap unsur budaya yang dikenal pasti juga diterjemah dengan kepelbagaian prosedur terjemahan serta padanan terjemahan untuk mengekalkan makna dalam bahasa sumber.

- Wan Halizawati, W. M. (2021). Keris Siamang Tunggal: Unveiling Malay Artistic Culture. *International Journal of Language, Literacy and Translation*, 4(1), 28-44. <https://doi.org/10.36777/ijollt2021.4.1.041>.
- Xiong, B. (2022). A Study of Dialect Films Subtitle Translation Strategies Guided by the Theory of Functional Equivalence — Taking the Dialect Film "A Cool Fish" as an Example. *Journal of Higher Education Research*, 3(4), 366-369.
- Xuyuan, W., & Shuangyu, C. (2025). Subtitling Chinese Animated Films under Functional Equivalence: A Case Study of Nobody. *International Journal of English Literature and Social Sciences*, 10(5), 81-84..
- Yanan, Y., Muhammad Alif Redzuan, A. & Syed Nurulakla, S. A. (2024). Adaptive Transformations in Subtitle Translation: An Eco-Translatology Analysis of Hi, Mom. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 14(9), 1206-1222.
- Yang, L., & Qin, D. (2025). A Study on English Subtitle Translation from the Perspective of Functional Equivalence Theory: A Case Study of the Film Hidden Blade. *International Journal of English Language Studies*, 7(1), 59-67.
- Yang, S. (2024). Analysis of the Translation Characteristics of Movie Subtitles from the Perspective of Functional Equivalence Theory. *Proceedings of the 2024 2nd International Conference on Language, Innovative Education and Cultural Communication (CLEC, 2024), Advances in Social Science, Education and*

- Humanities Research* 853. https://doi.org/10.2991/978-2-38476-263-7_5
- Yu, Y. (2023). A Study on the Traditional Cultural Elements in the Animated Film Kung Fu Panda. *Journal of Theory and Practice of Social Science*, 3(12), 21–28. [https://doi.org/10.53469/jtpss.2023.03\(12\).04](https://doi.org/10.53469/jtpss.2023.03(12).04).
- Yusmawati , Y. & Mohd Khaidir, A. W. (2021). Kata Sapaan dan Rujukan dalam Kalangan Masyarakat Banjar Terpilih di Daerah Kerian Perak. *International Journal Of Language Education And Applied Linguistics (IJLEAL)*, 11(2), 6 - 22.
- Yutong, H. (2023). An Analysis of the Use of Domestication and Foreignization Strategies in the Subtitle Translation of the Film “Moon Man”. *The Frontiers of Society, Science and Technology*, 5(4), 57-62.
- Zanariah, A. & Haniza, M. S. (2023). *Peribahasa WATAFA*. Pelangi ePublishing Sdn Bhd.
- Zhao X. (2023). A Brief Analysis of English Film Subtitle Translation Based on Relevance Theory - A Case Study of the Film Green Book. *Commications in Humanities Research*, 3(1), 191-197. 10.54254/2753-7064/3/20220244.
- Zieman (2009, Februari 26). *Geng: Pengembaraan Bermula filem animasi terbaik Malaysia*. mStar. Dicapai pada Disember 18, 2025 daripada <https://www.mstar.com.my/spotlight/hiburan/2009/02/26/geng-pengembaraan-bermula-filem-animasi-terbaik-malaysia>
- Ziyi, W. & Zheng, C. (2023). A Report on EC Translation of *The Lord of the Rings* Based on Functional Equivalence Theory. David Publishing, 21(11), 459-465.
- Zou, J. (2025). Translating Linguistic Metaphors in Documentary Subtitles: A Cross-Cultural Reconstruction Perspective. *Contemporary Education Frontiers*, 3(5), 9-13.

LAMPIRAN

LAMPIRAN 1

Metodologi yang Disemak oleh Penilai

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pendahuluan

Bab 3 membincangkan reka bentuk kajian dan kaedah kajian diguna pakai bagi mencapai objektif kajian prosedur terjemahan unsur budaya dalam sari kata filem animasi. Bahan kajian, proses pengumpulan data dan kerangka analisis turut dibincangkan dalam bab ini.

3.2 Reka Bentuk Kajian



Kajian ini merupakan satu kajian kes yang mengkaji prosedur terjemahan unsur budaya dalam sari kata filem animasi *Geng Pengembaraan Bermula*. Analisis ini melibatkan analisis kandungan dan analisis perbandingan terhadap filem animasi *Geng Pengembaraan Bermula*. Satu reka bentuk kajian dihasilkan bagi mencapai tiga objektif kajian iaitu (i) mengenal pasti kategori unsur budaya dalam filem animasi *Geng Pengembaraan Bermula*, (ii) menganalisis prosedur terjemahan unsur budaya dalam sari kata filem animasi *Geng Pengembaraan Bermula* dan (iii) menghurai padanan terjemahan dalam sari kata filem animasi *Geng Pengembaraan Bermula*.



Kajian ini dijalankan secara kualitatif kerana mampu memperoleh keputusan atau teori yang mudah difahami dan dipercayai mengenai situasi, perkara atau individu yang dikaji (Martella & Marchand-Martella, 1999: 258-265 dlm. Husin, 2015). Kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah analisis kandungan dan analisis perbandingan. Transkripsi juga dilakukan secara manual tanpa menggunakan sebarang aplikasi. Transkripsi diperolehi daripada filem animasi *Geng Pengembaraan Bermula* melalui YouTube.

Analisis kandungan digunakan untuk mengenal pasti kategori unsur budaya dalam filem animasi *Geng Pengembaraan Bermula*. Analisis perbandingan dilakukan bagi mencapai dua objektif kajian iaitu menganalisis prosedur terjemahan unsur budaya dalam sari kata filem animasi *Geng Pengembaraan Bermula* dan menghurai padanan terjemahan dalam sari kata filem animasi *Geng Pengembaraan Bermula*.



Kategori unsur budaya oleh Newmark (1988), prosedur terjemahan oleh Newmark (1988) dan padanan terjemahan oleh Koller (1979) digunakan sebagai kerangka untuk mengenal pasti unsur budaya, menganalisis prosedur terjemahan dan menghurai padanan terjemahan.

Nota: Reka bentuk kajian akan dimasukkan ke dalam tesis.

3.3 Kaedah Kajian

Dua kaedah kajian iaitu analisis kandungan dan analisis perbandingan digunakan sebagai kaedah kajian dalam kajian ini. Kaedah-kaedah kajian ini digunakan untuk mencapai tiga objektif kajian.

3.3.1 Transkripsi

Transkripsi adalah pemindahan audio atau video kepada format teks (Eftekhari, 2024). Transkripsi diguna pakai bagi analisis linguistik dan bahan pembelajaran (Rajalakshmi et al., 2025) dan boleh juga digunakan untuk mengenal pasti elemen lain bagi tujuan analisis. Contohnya, seperti mengenal pasti elemen budaya, menganalisis prosedur dan menghurai padanan sebagaimana yang dijalankan dalam kajian ini. Ini selaras dengan objektif kajian ini iaitu (i) mengenal pasti kategori unsur budaya dalam filem animasi *Geng Pengembaraan Bermula* (ii) menganalisis prosedur terjemahan dalam sari kata filem animasi *Geng Pengembaraan Bermula* dan (iii) menghurai padanan terjemahan dalam sari kata filem animasi *Geng Pengembaraan Bermula*. Transkripsi dalam bahasa Melayu dan sari kata bahasa Inggeris dilakukan melalui filem animasi *Geng Pengembaraan Bermula*. Transkripsi bahasa Melayu digunakan bagi mengenal pasti unsur budaya. Transkripsi sari kata bahasa Inggeris pula digunakan bagi menganalisis prosedur terjemahan dan padanan terjemahan.

3.3.2 Analisis Kandungan

Analisis kandungan adalah analisis yang mengguna pakai bahan media cetak dan bahan elektronik (Shabuddin & Badaruddin, 2018). Analisis kandungan diguna pakai bagi menganalisis aspek penggunaan bahasa dan gaya penyampaian (Husin,

2015). Pada mana sama, analisis kandungan boleh juga digunakan untuk mengenal pasti elemen yang lain bagi tujuan analisis. Contohnya seperti elemen budaya sebagaimana yang dilakukan dalam kajian ini. Ini selaras dengan objektif kajian iaitu mengenal pasti kategori unsur budaya dalam filem animasi *Geng Pengembaraan Bermula* untuk mengenal pasti unsur budaya yang terdapat di dalamnya. Transkripsi dalam bahasa Melayu dibaca berulang kali agar kandungannya dapat difahami dan unsur budaya dapat dikenal pasti. Elemen budaya yang dikenal pasti kemudiannya dilakukan kategori berdasarkan kategori unsur budaya oleh Newmark (1988).

Contoh Dialog 1

Eh, ini **atok** aku. (1:40)

Contoh dialog 1 menunjukkan analisis kandungan dilakukan bagi mengenal pasti unsur budaya dengan menggunakan transkripsi. **Unsur budaya dikenal pasti dilakukan pengelompokan dengan menggunakan pakai kategori unsur budaya oleh Newmark (1988). Atok merupakan unsur budaya dikenal pasti dengan menggunakan analisis kandungan. Atok dikategorikan mengikut kategori unsur budaya sosial iaitu kelas masyarakat.** ✓

Dalam kajian ini, hanya fokus kepada unsur budaya sahaja. Maka, bukan unsur budaya tidak dikira sebagai data. Tambahan pula, unsur budaya dikenal pasti mempunyai ulangan dikira sebagai sekali sahaja.

Contoh Dialog 2

Eh, ini **atok** aku. (1:40)

Atok percaya, ini kegiatan Hantu Durian. (2:22)

Contoh dialog 2 menunjukkan unsur budaya yang dikenal pasti dengan menggunakan analisis kandungan. Bagi mengenal pasti unsur budaya, analisis kandungan dilakukan dengan menggunakan transkripsi. Kategori unsur budaya oleh Newmark oleh (1988) diguna pakai bagi tujuan pengelompokan. **Atok** merupakan unsur budaya dikenal pasti melalui analisis kandungan dan dikelompokan dengan menggunakan Newmark (1988). Namun, **Atok** terdapat pengulangan maka dikira sebagai sekali sahaja.

Dalam kajian ini analisis kandungan digunakan bagi mengenal pasti unsur budaya. Ini selaras dengan objektif kajian iaitu mengenal pasti unsur budaya dalam filem animasi *Geng Pengembaraan Bermula*. Analisis kandungan juga merupakan kaedah bersesuaian bagi mengenal pasti unsur budaya yang terdapat di dalamnya.

3.3.3 Analisis Perbandingan

Analisis perbandingan adalah perbandingan dengan melibatkan kod, kategori dan tema (Lim, 2025). Analisis perbandingan diguna pakai dengan membandingkan data yang dikumpul untuk mengenal pasti persamaan dan perbezaan antara data (Samoilenko et al., 2024) dan boleh juga membandingkan elemen lain bagi tujuan analisis perbandingan dalam terjemahan. Contohnya seperti membandingkan unsur budaya dan terjemahannya. Ini selaras dengan objektif kajian ini iaitu menganalisis prosedur terjemahan unsur budaya dalam sari kata filem animasi *Geng Pengembaraan Bermula*. Dalam kajian ini, analisis perbandingan digunakan dengan membandingkan unsur budaya dalam bahasa Melayu dan terjemahannya dalam sari kata bahasa Inggeris. Unsur budaya dalam bahasa Melayu dan terjemahannya dalam sari kata bahasa Inggeris dilakukan perbandingan berdasarkan prosedur terjemahan oleh Newmark (1988). Contohnya:

Contoh 1

Bahasa sumber: Eh, ini *atok* aku. (1:40)

Bahasa sasaran: Hey, my *grandpa* on TV! (1:40)

Contoh 1 menunjukkan hasil analisis perbandingan dengan membandingkan unsur budaya dalam bahasa Melayu dan terjemahannya sari kata dalam bahasa Inggeris. Analisis perbandingan digunakan dengan menggunakan prosedur terjemahan oleh Newmark (1988). *Atok* merupakan unsur budaya sosial dalam bahasa Melayu dan terjemahannya *grandpa* dalam sari kata bahasa Inggeris. *Atok* dan terjemahannya *grandpa* diterjemah dengan menggunakan prosedur terjemahan transposisi mengikut prosedur terjemahan oleh Newmark (1988).

Analisis perbandingan turut digunakan dalam kajian ini bagi menghurai padanan terjemahan dalam sari kata filem animasi *Geng Pengembaraan Bermula*.

Dalam kajian ini analisis perbandingan diguna pakai bagi membandingkan unsur budaya dalam bahasa Melayu dan padanannya dalam sari kata bahasa Inggeris. Perbandingan dilakukan bagi menghurai padanan terjemahan yang diguna pakai. Analisis perbandingan dilakukan dan dikelompok berdasarkan padanan terjemahan oleh Koller (1979). Contohnya:

Contoh 2

Bahasa sumber: Eh, ini Atok aku. (1:40)

Bahasa sasaran: *Hey, my grandpa on TV!* (1:40)

Contoh 2 menunjukkan hasil analisis perbandingan yang digunakan dalam kajian. Unsur budaya dalam bahasa Melayu dan padanannya dalam sari kata bahasa Inggeris dilakukan perbandingan berdasarkan padanan terjemahan oleh Koller (1979). **Atok** dalam bahasa Melayu dikategorikan sebagai unsur budaya sosial dibandingkan dengan padanannya dalam bahasa Inggeris iaitu *grandpa* merupakan padanan denotasi mengikut Koller (1979). ✓

3.4 Bahan Kajian


Kajian ini menggunakan filem animasi *Geng Pengembaraan Bermula* sebagai bahan kajian. Filem animasi *Geng Pengembaraan Bermula* merupakan filem animasi pertama dihasilkan oleh Les' Copaque Production Sdn. Bhd. Penerbit bagi filem animasi *Geng Pengembaraan Bermula* adalah pengasas kepada Les' Copaque Production Sdn. Bhd. iaitu Hj. Burhanuddin Md Radzi dan Hj. Ainon Ariff. Filem animasi *Geng Pengembaraan Bermula* memakan masa selama dua tahun dengan menelan perbelanjaan sebanyak RM 4.7 juta. Penghasilan filem animasi *Geng Pengembaraan Bermula* melibatkan 100 peratus karyawan tempatan. Filem animasi *Geng Pengembaraan Bermula* ditayangkan di pawagam pada tahun 2009. Filem animasi *Geng Pengembaraan Bermula* ditayangkan dalam bahasa Melayu dengan penyediaan sari kata bahasa Inggeris. Ini kerana, filem animasi *Geng Pengembaraan Bermula* bukan sahaja ditayangkan di Malaysia namun turut ditayangkan di Asia Tenggara seperti Indonesia, Singapura dan Brunei (Rafik et al., 2020). Filem animasi

Geng Pengembaraan Bermula memperoleh pelbagai anugerah seperti Malaysia Book of Records sebagai Filem 3D Animasi Pertama di Malaysia (Bernama, 2019) dan Anugerah Pencapaian Karyawan Filem Tempatan di Peringkat Antarabangsa.

Filem animasi *Geng Pengembaraan Bermula* mengisahkan dua sahabat iaitu Badrol dan Lim pulang ke Kampung Durian Runtuh bagi melawat Tok Dalang iaitu datuk kepada Badrol. Kepulangan mereka berdua dikejutkan kehilangan buah durian di dusun penduduk kampung. Penduduk kampung berspekulasi kehilangan buah durian berpunca daripada Hantu Durian. Badrol dan Lim ingin ke dusun durian milik Tok Dalang dengan menaiki kereta lembu bersama Upin, Ipin dan Rajoo. Kehadiran mereka di dusun durian turut dikejutkan dengan seekor haiwan yang dikenali sebagai Opet. Upin, Ipin dan Rajoo mengejar Opet. Kehilangan mereka bertiga menyebabkan Kak Ros, Badrol dan Lim mencari tiga sahabat itu. Pertemuan Kak Ros, Badrol dan Lim bersama Upin, Ipin dan Rajoo menyebabkan mereka tersesat jauh ke dalam hutan dan mula mencari jalan pulang. Filem animasi *Geng Pengembaraan Bermula* dipilih sebagai bahan kajian kerana filem ini mengetengahkan elemen budaya yang terdapat di Malaysia (Rafik et al., 2020) selaras dengan objektif kajian yang dijalankan ini.

3.5 Proses Pengumpulan Data

Kajian ini melalui lapan proses pengumpulan data. Rajah 3.2 menunjukkan carta alir bagi proses pengumpulan data.



Rajah 3.2 Proses Pengumpulan Data

Proses pertama dalam kajian ini adalah menonton filem animasi *Geng Pengembaraan Bermula* yang diperoleh melalui saluran di platform Youtube. Tontonan dilakukan secara berulang kali bagi memahami jalan penceritaan, watak serta konteks budaya yang dipaparkan.

Proses kedua adalah membuat transkripsi bagi keseluruhan dialog bahasa Melayu dan sari kata bahasa Inggeris. Dialog dalam bahasa Melayu diambil sama seperti yang terdapat dalam filem animasi *Geng Pengembaraan Bermula*. Sari kata bahasa Inggeris turut dilakukan transkripsi. Setiap dialog dan sari kata mengandungi minit pada bahagian hujung. Setelah itu, kedua-dua transkripsi dalam bahasa Melayu dan sari kata bahasa Inggeris dikumpul dan disimpan dalam perisian *Microsoft Word* untuk digunakan dalam mengenal pasti dan menganalisis data.

Proses ketiga adalah analisis kandungan dengan mengenal pasti unsur budaya yang terdapat dalam dialog filem animasi *Geng Pengembaraan Bermula*. Pada proses ini, setiap unsur budaya dalam dialog bahasa Melayu dikenal pasti dan disenaraikan.

Proses keempat adalah pengelompokan data bagi unsur budaya. Setiap unsur budaya disenaraikan dan dilakukan pengelompokan. Pengelompokan berdasarkan kategori unsur budaya oleh Newmark (1988) iaitu ekologi, material, sosial, organisasi serta amalan dan gerak laku.

Proses kelima adalah analisis perbandingan bagi menganalisis prosedur terjemahan dalam sari kata filem animasi *Geng Pengembaraan Bermula*. Perbandingan dilakukan dengan membandingkan dialog yang mengandungi unsur budaya dalam bahasa Melayu dan terjemahannya dalam sari kata bahasa Inggeris. Dialog mengandungi unsur budaya dan terjemahannya dilakukan perbandingan bagi meneliti prosedur terjemahan yang diguna pakai. Setiap prosedur terjemahan diletakkan bersebelahan unsur budaya yang dilakukan perbandingan.

Proses keenam adalah pengelompokan berdasarkan prosedur terjemahan oleh Newmark (1988). Pengelompokan dilakukan dengan membahagikan prosedur terjemahan kepada 18 iaitu pemindahan, naturalisasi, persamaan budaya, terjemahan literal, persamaan fungsian, persamaan deskriptif, sinonim, pinjam terjemah, transposisi, modulasi, terjemahan sedia ada, terjemahan label, analisis komponen, pengguguran, pengembangan, parafrasa, kuplet serta nota, maklumat tambahan dan glos.

Proses ketujuh adalah analisis perbandingan bagi membandingkan dapatan unsur budaya dalam bahasa Melayu dan padanannya dalam sari kata bahasa Inggeris. Analisis perbandingan bagi meneliti padanan terjemahan diguna pakai bagi menterjemah unsur budaya dalam bahasa Melayu kepada sari kata bahasa Inggeris. Padanan terjemahan oleh Koller (1979) diguna pakai bagi analisis perbandingan. Setiap perbandingan dilakukan dicatat dan disenaraikan bersebelahan dengan prosedur terjemahan.

Akhir sekali, pengelompokan data bagi padanan terjemahan. Setelah perbandingan dilakukan setiap padanan terjemahan dilakukan pengelompokan. Padanan terjemahan oleh Koller (1979) diguna pakai bagi proses pengelompokan. Setiap padanan terjemahan dikelompok kepada lima padanan iaitu padanan denotasi, padanan konotasi, padanan pragmatik, padanan teks normatif dan padanan formal.

3.6 Kerangka Analisis

Kajian ini mengemukakan tiga kerangka analisis bagi tiga objektif kajian iaitu kerangka analisis kategori unsur budaya, prosedur terjemahan dan padanan terjemahan. Kerangka-kerangka analisis ini digunakan untuk menganalisis ketiga-tiga objektif kajian.

3.6.1 Kategori Unsur Budaya

Objektif pertama kajian ini adalah mengenal pasti kategori unsur budaya dalam filem animasi *Geng Pengembaraan Bermula* dengan menggunakan analisis kandungan.

Contoh Dialog 3

Eh, ini **atok** aku. (1:40)

Contoh dialog 3 menunjukkan unsur budaya dikenal pasti melalui transkripsi filem animasi *Geng Pengembaraan Bermula* dalam bahasa Melayu. Unsur budaya yang dikenal pasti dilakukan pengelompokan berdasarkan kategori unsur budaya oleh Newmark (1988). **Atok** dikategorikan kepada unsur budaya sosial iaitu kelas masyarakat. Kelas masyarakat melibatkan istilah, ungkapan yang merujuk kepada aktiviti atau kebiasaan dalam budaya sosial sesebuah masyarakat (Husin et al., 2024). Budaya sosial adalah aktiviti dalam kehidupan harian seperti (i) aspek kerja, (ii) kelas masyarakat dan (iii) riadah atau permainan yang dimainkan oleh sesebuah masyarakat (Newmark, 1988)

3.6.2 Prosedur Terjemahan Budaya

Objektif kedua kajian ini adalah menganalisis prosedur terjemahan unsur budaya dalam sari kata filem animasi *Geng Pengembaraan Bermula* dengan menggunakan analisis perbandingan.

Contoh 3

Bahasa sumber: Eh, ini **atok** aku. (1:40)

Bahasa sasaran: *Hey, my grandpa on TV!* (1:40)

Contoh 3 merupakan unsur budaya dalam bahasa Melayu dilakukan perbandingan dengan terjemahan sari kata dalam bahasa Inggeris. Unsur budaya yang diterjemah kepada sari kata bahasa Inggeris dilakukan pengelompokan berdasarkan prosedur terjemahan oleh Newmark (1988). **Atok** diterjemah kepada *grandpa* dengan

mengguna pakai prosedur terjemahan **transposisi**. Prosedur terjemahan transposisi adalah penukaran kelas kata atau elemen dalam bahasa sumber kepada bahasa sasaran (Newmark, 1988).

melaksudnya tukar part of speech. Cth: noun - verb. Tapi kalau contoh *Atok - Grandpa* → tiada perubahan kelas kata. Jadi, prosedur dominan ialah literal.

3.6.3 Padanan Terjemahan

Objektif ketiga kajian ini adalah menghurai padanan terjemahan unsur budaya dalam sari kata filem animasi *Geng Pengembaraan Bermula* dengan menggunakan analisis perbandingan.

Contoh 4

Bahasa sumber: Eh, ini *atok* aku. (1:40)

Bahasa sasaran: *Hey, my grandpa on TV!* (1:40)

Contoh 4 merupakan ayat yang mengandungi unsur budaya dalam bahasa Melayu dan padanannya dalam sari kata bahasa Inggeris. Perbandingan dilakukan dengan membandingkan unsur budaya dalam bahasa Melayu dan padanannya dalam sari kata bahasa Inggeris. Prosedur terjemahan oleh Koller (1979) diguna pakai bagi pengelompokan. *Atok* dan padanannya *grandpa* merupakan padanan terjemahan denotasi. Padanan denotasi adalah bahasa sumber diterjemah dengan mengguna pakai padanan sedia ada (Koller, 1979).

3.7 Penilai Kedua

Analisis kandungan dilakukan bagi mengenal pasti unsur budaya yang terdapat dalam dialog bahasa Melayu filem animasi *Geng Pengembaraan Bermula*. Setiap unsur budaya yang dikenal pasti perlu disemak, disahkan fungsi dan makna berdasarkan konteks bahasa sumber. Maka, dalam kajian ini dua penilai dilantik. Penilai merupakan individu yang dianggap sebagai pakar bagi bidang terjemahan.

Melalui perbincangan bersama penyelia, dua nama telah dicadangkan sebagai penilai bagi kajian ini. Penilai dilantik untuk memastikan ketepatan maklumat dan panduan berkaitan dengan unsur budaya dalam bahasa Melayu diterjemah kepada sari kata bahasa Inggeris dalam kajian ini. Dua orang penilai ini menyemak data kajian

dengan teliti. Tugas penilai dalam kajian ini adalah menyemak dan mengesahkan unsur budaya, prosedur terjemahan serta padanan terjemahan berdasarkan teori yang digunakan. Penilai dalam kajian ini mempunyai pengalaman sebagai pensyarah dan merupakan seorang penterjemahan.

3.8 Rumusan

Rumusannya, bab ini membicarakan mengenai metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini secara terperinci. Perbincangan mengenai reka bentuk kajian, kaedah kajian, bahan kajian, proses pengumpulan data dan kerangka analisis diterangkan dalam bab ini. Dapatan kajian dibincangkan dalam bab yang seterusnya.

LAMPIRAN 2

Data Kajian yang Disemak oleh Penilai

KATEGORI UNSUR BUDAYA				
1. Ekologi (flora, fauna, iklim dan sebagainya)				
BIL	BAHASA SUMBER	BAHASA SASARAN	PROSEDUR TERJEMAHAN (NEWMARK, 1988)	PADANAN TERJEMAHAN (KOLLER, 1979)
1.	Sekarang kita ke berita dalam negeri dengan misteri kehilangan durian di Kampung Durian Runtuh bersama wartawan kita Rokiah. (1:10)	<i>We now go live state-side with news on the mystery durians in Kampung Durian Runtuh with our correspondent Rokiah. (1:10)</i>	Pemindahan ✓	Padanan Denotasi ✓
2.	Begini, setiap kali musim durian mesti punya ada durian yang hilang. (2:01)	<i>Everytime during the durian season the durians go missing. (2:01)</i>	Kuplet (Transposisi dan Pemindahan)	Padanan Formal ✓ + Terjemahan literal
3.	Dia ada dusun durian . (9:19)	<i>He has a durian orchard. (9:19)</i>	Kuplet (Transposisi dan Pemindahan) + Terjemahan literal	Padanan Formal ✓
4.	Itu musang makan ma. (11:42)	<i>It was a fox that ate all those durians. (11:42)</i>	Terjemahan Literal Persamaan budaya	Padanan Denotasi
5.	Angsa kejar baru tahu. (16:32)	<i>You want to get chased by that goose? (16:32)</i>	Transposisi Terjemahan literal	Padanan Denotasi ✓

6.	Lembu kau ni faham ke apa yang kau cakap? (29:56)	<i>Does your cow really understand what you say to her?</i> (29:56)	Transposisi Terjemahan literal	Padanan Denotasi ✓
7.	Panjat pokok durian lah. (35:12)	<i>I'm climbing this durian tree.</i> (35:12) + Terjemahan literal	Kuplet (Transposisi dan Pemindahan)	Padanan Formal ✓
8.	Dahlah panas banyak nyamuk pulak tu! (35:59)	<i>It's so hot and mosquitoes are everywhere!</i> (35:59) ✓	Terjemahan Literal ✓	Padanan Denotasi ✓
9.	Dahlah panas banyak nyamuk pulak tu! (35:59)	<i>It's so hot and mosquitoes are everywhere!</i> (35:59) ✓	Terjemahan Literal ✓	Padanan Denotasi ✓
10.	Wah, cantiknya kelip-kelip! (1:01:04)	<i>What a beautiful firefly!</i> (1:01:04)	Terjemahan Literal ✓	Padanan Denotasi ✓
11.	Beruang ah? (1:07:45)	<i>Is it a bear?</i> (1:07:45)	Transposisi Terjemahan literal	Padanan Denotasi ✓
12.	Ooh itu gajah ah? (1:07:48)	<i>An elephant?</i> (1:07:48) ✓	Terjemahan Literal ✓	Padanan Denotasi ✓

2. Budaya Material (makanan, pakaian, rumah dan bandar)

BIL	BAHASA SUMBER	BAHASA SASARAN	PROSEDUR TERJEMAHAN (NEWMARK, 1988)	PADANAN TERJEMAHAN (KOLLER, 1979)
1.	Kuih tak ada ke? (10:33)	Don't you have any snacks ? (10:33)	Transposisi Persamaan budaya	Padanan Konotasi
2.	Teh ada, teh tarik ada, milo ais, teh o panas, teh o ais, barli ais, air kosong, air suam. (13:11)	<i>There's tea, teh tarik, milo, hot tea, iced tea, iced barlee, iced water, warm water.</i> (13:11) ✓	Naturalisasi ✓	Padanan Denotasi ✓
3.	Teh ada, teh tarik ada, milo is, teh o panas, teh o ais, barli ais, air kosong, air suam. (13:11)	<i>There's tea, teh tarik, milo, hot tea, iced tea, iced barlee, iced water, warm water.</i> (13:11) ✓	Pemindahan ✓	Padanan Denotasi ✓
4.	Teh ada, teh tarik ada, milo ais, teh o panas, teh o ais, barli ais, air kosong, air suam. (13:11)	<i>There's tea, teh tarik, milo, hot tea, iced tea, iced barlee, iced water, warm water.</i> (13:11) ✓	Pemindahan ✓	Padanan Denotasi ✓
5.	Teh ada, teh tarik ada, milo ais, teh o panas , teh o ais, barli ais, air kosong, air suam. (13:11)	<i>There's tea, teh tarik, milo, hot tea, iced tea, iced barlee, iced water, warm water.</i> (13:11)	Kuplet (Naturalisasi dan Transposisi)	Padanan Formal + Terjemahan literal
6.	Teh ada, teh tarik ada, milo ais, teh o panas, teh o ais , barli ais, air kosong, air suam. (13:11)	<i>There's tea, teh tarik, milo, hot tea, iced tea, iced barlee, iced water, warm water.</i> (13:11)	Kuplet (Naturalisasi dan Transposisi)	Padanan Formal + Terjemahan literal

7.	Teh ada, teh tarik ada, milo ais, teh o panas, teh o ais, barli ais , air kosong, air suam. (13:11)	<i>There's tea, teh tarik, milo, hot tea, iced tea, iced barlee, iced water, warm water. (13:11)</i> ✓	✓ Kuplet (Naturalisasi dan terjemahan literal)	Padanan Formal ✓
8.	Teh ada, teh tarik ada, milo ais, teh o panas, teh o ais, barli ais, air kosong , air suam. (13:11)	<i>There's tea, teh tarik, milo, hot tea, iced tea, iced barlee, iced water, warm water. (13:11)</i> ✓	Terjemahan Literal ✓	Padanan Denotasi
9.	Teh ada, teh tarik ada, milo ais, teh o panas, teh o ais, barli ais, air kosong, air suam . (13:11)	<i>There's tea, teh tarik, milo, hot tea, iced tea, iced barlee, iced water, warm water. (13:11)</i> ✓	Terjemahan Literal ✓	Padanan Denotasi ✓
10.	Roti kosong ada, roti telur ada, roti sardin, roti planta, mee goreng, maggi goreng, maggi goreng telur mata, nasi lemak, nasi goreng, nasi goreng pattaya semua pun ada! (13:17)	<i>There's roti, egg roti, sardine roti, butter roti, fried noodles, fried magee, fried magee with egg, nasi lemak, fried rice, pattaya fried rice and so much more. (13:17)</i>	Kuplet (Pemindahan dan Pengguguran)	Padanan Konotasi
11.	Roti kosong ada, roti telur ada, roti sardin, roti planta, mee goreng, maggi goreng, maggi goreng telur mata, nasi lemak, nasi goreng, nasi goreng pattaya semua pun ada! (13:17)	<i>There's roti, egg roti, sardine roti, butter roti, fried noodles, fried magee, fried magee with egg, nasi lemak, fried rice, pattaya fried rice and so much more. (13:17)</i>	Kuplet (Pemindahan dan Transposisi) + Terjemahan literal	Padanan Formal

12.	Roti kosong ada, roti telur ada, roti sardin , roti planta, mee goreng, maggi goreng, maggi goreng telur mata, nasi lemak, nasi goreng, nasi goreng pattaya semua pun ada! (13:17)	<i>There's roti, egg roti, sardine roti, butter roti, fried noodles, fried magee, fried magee with egg, nasi lemak, fried rice, pattaya fried rice and so much more. (13:17)</i>	Kuplet (Pemindahan dan Naturalisasi) ✓	Padanan Formal ✓
13.	Roti kosong ada, roti telur ada, roti sardin, roti planta , mee goreng, maggi goreng, maggi goreng telur mata, nasi lemak, nasi goreng, nasi goreng pattaya semua pun ada! (13:17)	<i>There's roti, egg roti, sardine roti, butter roti, fried noodles, fried magee, fried magee with egg, nasi lemak, fried rice, pattaya fried rice and so much more. (13:17)</i> ✓	Kuplet (Pemindahan dan Persamaan Budaya) ✓	Padanan Konotasi
14.	Roti kosong ada, roti telur ada, roti sardin, roti planta, mee goreng , maggi goreng, maggi goreng telur mata, nasi lemak, nasi goreng, nasi goreng pattaya semua pun ada! (13:17)	<i>There's roti, egg roti, sardine roti, butter roti, fried noodles, fried magee, fried magee with egg, nasi lemak, fried rice, pattaya fried rice and so much more. (13:17)</i>	Transposisi + Terjemahan literal	Padanan Denotasi ✓
15.	Roti kosong ada, roti telur ada, roti sardin, roti planta, mee goreng, maggi goreng , maggi goreng telur mata, nasi lemak, nasi goreng, nasi goreng pattaya semua pun ada! (13:17)	<i>There's roti, egg roti, sardine roti, butter roti, fried noodles, fried magee, fried magee with egg, nasi lemak, fried rice, pattaya fried rice and so much more. (13:17)</i>	Kuplet (Naturalisasi dan Transposisi) + Terjemahan literal	Padanan Formal

16.	Roti kosong ada, roti telur ada, roti sardin, roti planta, mee goreng, maggi goreng, maggi goreng telur mata , nasi lemak, nasi goreng, nasi goreng pattaya semua pun ada! (13:17)	<i>There's roti, egg roti, sardine roti, butter roti, fried noodles, fried magee, fried magee with egg, nasi lemak, fried rice, pattaya fried rice and so much more.</i> (13:17)	Kuplet (Naturalisasi dan Transposisi) + Terjemahan literal	Padanan Formal
17.	Roti kosong ada, roti telur ada, roti sardin, roti planta, mee goreng, maggi goreng, maggi goreng telur mata, nasi lemak , nasi goreng, nasi goreng pattaya semua pun ada. ✓ (13:17)	<i>There's roti, egg roti, sardine roti, butter roti, fried noodles, fried magee, fried magee with egg, nasi lemak, fried rice, pattaya fried rice and so much more.</i> (13:17)	Pemindahan ✓	Padanan Denotasi ✓
18.	Roti kosong ada, roti telur ada, roti sardin, roti planta, mee goreng, maggi goreng, maggi goreng telur mata, nasi lemak, nasi goreng , nasi goreng pattaya semua pun ada! (13:17)	<i>There's roti, egg roti, sardine roti, butter roti, fried noodles, fried magee, fried magee with egg, nasi lemak, fried rice, pattaya fried rice and so much more.</i> (13:17)	Transposisi Terjemahan literal	Padanan Denotasi ✓
19.	Roti kosong ada, roti telur ada, roti sardin, roti planta, mee goreng, maggi goreng, maggi goreng telur mata, nasi lemak, nasi goreng, nasi goreng pattaya semua pun ada! (13:17)	<i>There's roti, egg roti, sardine roti, butter roti, fried noodles, fried magee, fried magee with egg, nasi lemak, fried rice pattaya fried rice and so much more.</i> (13:17)	Kuplet (Pemindahan dan Transposisi) + Terjemahan literal	Padanan Formal ✓

20.	Belakang itu Pak Samad punya reban ayam sudah nampak pusing kiri. (13:40)	<i>Then when you see Uncle Samad's chicken coop, turn left.</i> (13:40) ✓	Terjemahan Literal ✓	Padanan Denotasi ✓
21.	Ini Ros ada bawa pulut panggang sama karipap ya. (14:28)	<i>I've brought some pulut panggang and curry puffs!</i> (14:28) ✓	pemindahan ✓	Padanan Denotasi ✓
22.	Ini Ros ada bawa pulut panggang sama karipap ya. (14:28)	<i>I've brought some pulut panggang and curry puffs!</i> (14:28) ✓	Naturalisasi ✓	Padanan Denotasi ✓
23.	Tadi kat warung dio orang semua sibuk cerita pasal Hantu Durian. (15:35)	<i>I'm scared people are talking about the Durian Ghost back at the village.</i> (15:35)	Pengguguran ✓	Padanan Konotasi
24.	Haa, itu rumah Tok Dalang! (17:13)	<i>That's Tok Dalang's house!</i> (17:13)	Transposisi Terjemahan literal	Padanan Denotasi ✓
25.	Ha, ambil balik selipar akak tu. (17:33)	<i>And take back my slipper!</i> (17:43) ✓	Naturalisasi ✓	Padanan Denotasi ✓
26.	Yang pintu kayu tu? (26:50)	<i>You see the wooden door?</i> (26:50) ✓	Terjemahan literal ✓	Padanan Denotasi ✓
27.	Ada kat pondok tu. (38:05)	<i>They're over at the hut.</i> (38:05) ✓	Persamaan budaya ✓	Padanan Denotasi ✓

28.	Eh, ini macam guli cucu aku. (53:34)	<i>These look like my grandson's marbles. (53:34)</i>	Transposisi Terjemahan literal	Padanan Denotasi ✓
-----	---	---	-----------------------------------	--------------------

3. Budaya Sosial (pekerjaan, aktiviti masa lapang atau permainan)

BIL	BAHASA SUMBER	BAHASA SASARAN	PROSEDUR TERJEMAHAN (NEWMARK, 1988)	PADANAN TERJEMAHAN (KOLLER, 1979)
1.	Eh, ini Atok aku. (1:39)	<i>Hey, my grandpa on TV! (1:39)</i>	Transposisi Terjemahan literal	Padanan Denotasi ✓
2.	Kenapa pula pak cik percaya yang ia adalah hantu? (2:26)	<i>Why do you believe it was a ghost? (2:26)</i> ✓	Persamaan Budaya ✓	Padanan Pragmatik ✓
3.	Apa-apa je lah Lim. (3:53)	<i>Whatever, Lim. (3:53)</i> ✓	Pemindahan ✓	Padanan Formal
4.	Eh Badrol! (4:00)	<i>Badrol! (4:00)</i> ✓	Pemindahan ✓	Padanan Formal
5.	Panggil saja Singh. (9:04)	<i>Just call me Singh. (9:04)</i> ✓	Pemindahan ✓	Padanan Formal

6.	Eh Uncle Muthu buat apa tu? (10:20)	<i>Hey, what's Uncle Muthu doing?</i> (10:20) ✓	Pemindahan ✓	Padanan Formal
7.	Belum sampai lagi adik manis! (10:37)	<i>They're not here yet, darling!</i> (10:37) ✓	Persamaan Budaya ✓	Padanan Konotasi ✓
8.	Opah datang! (10:44)	<i>Opah's here!</i> (10:44) ✓	Pemindahan ✓	Padanan Formal
9.	Jom main kejar-kejar? (10:54)	<i>Let's play tag!</i> (10:54) ✓	✓ Terjemahan Literal	Padanan Denotasi ✓
10.	Jom main kejar-kejar? (10:54)	<i>Let's play tag!</i> (10:54)	Terjemahan Literal	Padanan Denotasi ✓
11.	Hey Salleh! (10:57)	<i>Hey, Salleh!</i> (10:57) ✓	Pemindahan ✓	Padanan Formal
12.	Belum lagilah Mak Uda (11:14)	<i>Not yet, Mak Uda.</i> (11:14) ✓	Pemindahan ✓	Padanan Formal
13.	Eh, Ah Tong! (11:27)	<i>Ah Tong!</i> (11:27) ✓	Pemindahan ✓	Padanan Formal
14.	Dey Salleh! (12:10)	<i>Salleh!</i> (12:10) ✓	Pengguguran ✓	Padanan Pragmatik ✓
15.	Tengok muka kau pun dah kenyang tak kuasa aku. (12:16)	<i>I lost my appetite just looking at you.</i> (12:16) ✓	Pengguguran ✓	Padanan Pragmatik ✓

16.	Ish.. budak-budak ni. (12:50)	<i>Darn</i> kids. (12:50) ✓	Pengguguran ✓	Padanan Pragmatik
17.	Eh, tak apa, Uncle. (13:30)	<i>It's</i> okay, Uncle. (13:30) ✓	Pemindahan ✓	Padanan Denotasi
18.	Belakang itu Pak Samad punya reban ayam sudah nampak pusing kiri. (13:40)	<i>Then when you see Uncle Samad's chicken coop, turn left.</i> (13:40)	Pemindahan Kuplet Terjemahan literal + Pemindahan	Padanan Formal
19.	Pak Mail! (15:21)	<i>Pak</i> Mail! (15:21) ✓	Pemindahan ✓	Padanan Formal ✓
20.	Abang! (16:03)	<i>Abang!</i> (16:03) ✓	Pemindahan ✓	Padanan Denotasi
21.	Tok Dalang tu atok abang ke? (16:04)	<i>Is Tok Dalang your grandfather?</i> (16:04) ✓	Pemindahan ✓	Padanan Formal ✓
22.	Macam Kak Ros! (16:49)	<i>Just like Kak Ros!</i> (16:49) ✓	Pemindahan ✓	Padanan Formal ✓
23.	Itu adik engkau eh? (16:57)	<i>Are those your brothers?</i> (16:57)	Transposisi ✓	Padanan Denotasi ✓
24.	Badrol ni, cucu Atok! (17:52)	<i>It's Badrol, your grandson!</i> (17:52)	Transposisi Terjemahan literal	Padanan Pragmatik
25.	Abah dengan mak kirim salam. (18:28)	<i>Mom and Dad send their regards</i> (18:29)	Transposisi Terjemahan literal	Padanan Denotasi ✓

26.	Abah dengan mak kirim salam (18:28)	<i>Mom and dad send their regards.</i> (18:29)	Transposisi Terjemahan literal	Padanan Denotasi ✓
27.	Sedap kau makan asap! (22:36)	<i>Eat my dust!</i> (22:36)	Terjemahan Literal	Padanan Formal ✓
28.	Rajoo. (24:10)	<i>Rajoo.</i> (24:10) ✓	Pemindahan ✓	Padanan Formal ✓
29.	Ada sekali tu Pak Dollah , kau kenal Pak Dollah? (25:31)	<i>There was this one time Pak Dollah, you know ✓ Pak Dollah, right?</i> (25:33)	Pemindahan ✓	Padanan Formal ✓
30.	Eh, Upin, Ipin. (31:33)	<i>Upin, Ipin.</i> (31:33) ✓	Pemindahan ✓	Padanan Formal ✓
31.	Eh, Upin, Ipin. (31:33)	<i>Upin, Ipin.</i> (31:33) ✓	✓ Pemindahan	Padanan Formal ✓
32.	Tanam tanam ubi (33:55)	<i>Tapioca plant</i> (33:55) ✓	Terjemahan Literal ✓	Padanan Denotasi ✓
33.	Penduduk Kampung Durian Runtuh melaporkan tentang kes kehilangan buah durian di dusun mereka. (1:17)	<i>The villagers of Kampung Durian Runtuh have reported on the case of the missing durian ✓ fruits from their orchards.</i> (1:17)	Pemindahan ✓	Padanan Formal ✓

34.	Macam biasa Batu Lima. (7:25)	<i>Same place at Batu Lima.</i> (7:25)	Pemindahan ✓	Padanan Formal ✓
35.	Aku ni nak bergaya pergi ke rumah orang kahwin. (11:24)	<i>I'm planning to wear it to a wedding.</i> (11:24) ✓	Persamaan ✓ Budaya	Padanan Pragmatik ✓
36.	Dari KL! (17:06)	<i>KL!</i> (17:06) ✓	Pemindahan ✓	Padanan Denotasi ✓
37.	Aku tak nak mati kat sini. (1:12:38)	<i>I don't want to die here.</i> (1:12:38) ✓	Terjemahan Literal ✓	Padanan Denotasi ✓
38.	Aku tahu kau ada dekat sini! (1:13:39)	<i>I know you're here!</i> (1:13:39) ✓	Terjemahan Literal ✓	Padanan Denotasi ✓

4. Organisasi, adat, aktiviti, prosedur atau konsep (artistik, keagamaan, politik dan pentadbiran)

BIL	BAHASA SUMBER	BAHASA SASARAN	PROSEDUR TERJEMAHAN (NEWMARK, 1988)	PADANAN TERJEMAHAN (KOLLER, 1979)
-----	---------------	----------------	-------------------------------------	-----------------------------------

1.	Perang Dunia , Perang Dingin, Perang Saudara, Perang Teluk. (1:04)	World War , Cold War, Civil War, Gulf War. (1:04)	Terjemahan Sedia Ada Terjemahan literal	Padanan Denotasi ✓
2.	Perang Dunia, Perang Dingin , Perang Saudara, Perang Teluk. (1:04)	World War, Cold War , Civil War, Gulf War. (1:04)	Terjemahan Sedia Ada Terjemahan literal	Padanan Denotasi ✓
3.	Perang Dunia, Perang Dingin, Perang Saudara , Perang Teluk. (1:04)	World War, Cold War, Civil War , Gulf War. (1:04)	Terjemahan Sedia Ada Terjemahan literal	Padanan Denotasi ✓
4.	Perang Dunia, Perang Dingin, Perang Saudara, Perang Teluk . (1:04)	World War, Cold War, Civil War, Gulf War . (1:04)	Terjemahan Sedia Ada Terjemahan literal	Padanan Denotasi ✓
5.	Atok percaya ini kegiatan Hantu Durian .(2:22)	<i>I believe this is the work of the Durian Ghost.</i> (2:22) Kuplet Pemindahan dan Terjemahan literal	Terjemahan Literal	Padanan Formal ✓
6.	Kalau hantu , hantu mana ada tapak kaki.(3:18)	<i>If it was a ghost, there wouldn't be any footprints at all.</i> (3:18) ✓	Terjemahan Literal ✓	Padanan Denotasi ✓

7.	Peribahasa Melayu kata sediakan payung sebelum hujan. (3:44)	<i>Have an umbrella ready before it rains.</i> (3:44) ✓	✓ Terjemahan Literal	Padanan Formal ✓
8.	Orang kata tempat tu keras! (10:02)	<i>People say that place is cursed!</i> (10:02) ✓	Persamaan Budaya ✓	Padanan Formal ✓
9.	Sama-sama ya! (14:51)	<i>You're welcome!</i> (14:51) Terjemahan fungsian?	Terjemahan Literal	Padanan Denotasi ✓
10.	Hmm dua kali lima je! (16:17)	<i>His grandson is no different!</i> (16:17) ✓	Persamaan Deskriptif ✓	Padanan Konotasi ✓
11.	Terima kasih adik! (17:16)	<i>Thanks,</i> ✓ <i>kids!</i> (17:16)	✓ Terjemahan Literal	Padanan Denotasi ✓
12.	Abah dengan mak kirim salam (18:28)	<i>Mom and dad send their regard</i> (18:28) Terjemahan literal	Kuplet (Terjemahan Literal dan Pengembangan)	Padanan Pragmatik ✓
13.	Wah juara wayang kulit 2007. (18:43)	<i>Wow 2007 shadow puppet champion.</i> (18:43) ✓	✓ Persamaan Deskriptif	Padanan Denotasi ✓

14.	Allahuakbar (19:20)	-	Pengguguran ✓	Padanan Pragmatik
15.	Atok nak pergi ke surau dulu. (19:28)	<i>I'm going to the mosque.</i> (19:28)	Terjemahan ✓ Literal	Padanan Denotasi ✓
16.	Orang berbudi kita berbahasa. (32:06)	We should do unto others, As they'd do unto us (32:06) ✓	Persamaan Budaya ✓	Padanan Konotasi ✓
17.	Solat jangan lupa. (33:43)	<i>Never forget your prayers.</i> (33:43)	Transposisi ✓	Padanan Denotasi ✓
18.	Dah nak Maghrib pun tak balik-balik lagi.(45:28)	<i>It's almost Maghrib and they're not home!</i> (45:28) ✓	Pemindahan ✓	Padanan Denotasi ✓
19.	Assalamualaikum! (45:39)	<i>Assalamualaikum!</i> (45:39) ✓	Pemindahan ✓	Padanan Denotasi ✓
20.	Walaikumussalam! (45:42)	<i>Walaikumussalam!</i> (45:42) ✓	Pemindahan ✓	Padanan Denotasi ✓
21.	Aaah, Hantu Timun! (1:12:53)	<i>A cucumber ghost!</i> (1:12:54) ✓	Terjemahan Literal ✓	Padanan Formal ✓

22.	Toyol! (1:12:59)	<i>Bald</i> (1:12:59) ✓ <i>ghosts!</i>	Persamaan Deskriptif ✓	Padanan Pragmatik ✓
-----	----------------------------	---	---------------------------	------------------------

LAMPIRAN 3

Borang Maklum Balas Penilai



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Akademi
Pengajian Bahasa

BORANG PENILAIAN DATA KAJIAN

Nama Penilai : Nor Idatul Akmar binti Zulkipli

Tajuk Kajian : Prosedur Terjemahan Unsur Budaya dalam Sari Kata Filem Animasi

"Geng Pengembaraan Bermula"

Bil	Pernyataan Penilaian	Betul	Tidak
1.	Adakah metodologi digunakan bersesuaian dengan kajian dilakukan?	✓	
2.	Adakah terdapat kesalahan data bagi kategori unsur budaya?		✓
3.	Adakah terdapat kesalahan data bagi prosedur terjemahan?		✓
4.	Adakah terdapat kesalahan data bagi padanan terjemahan?		✓
5.	Adakah data yang disemak bersesuaian berdasarkan kategori unsur budaya oleh Newmark (1988)?	✓	
6.	Adakah data yang disemak bersesuaian berdasarkan prosedur terjemahan oleh Newmark (1988)?	✓	
7.	Adakah data yang disemak bersesuaian berdasarkan padanan terjemahan oleh Koller (1979)?	✓	
8.	Adakah terdapat penambahbaikan yang dapat dilakukan (jika ada)?	Penambahbaikan adalah seperti yang dimaklumkan kepada calon	

Tandatangan Penilai

Nama Penilai:

DR. NOR IDATUL AKMAR BINTI ZULKIPLI
Pensyarah Kanan
Pusat Pengajian Ilmu Komunikasi
Universiti Sains Malaysia
11800 USM Pulau Pinang

LAMPIRAN 4

Transkripsi bahasa Melayu

Badrol	:	Tak aman-aman. (1:03)
Lim	:	Itulah! Dari dulu sampai sekarang, tak habis-habis berperang. Perang Dunia, Perang Dingin, Perang Saudara, Perang Teluk. (1:04)
Pembaca Berita	:	Sekarang kita berita dalam negeri dengan misteri kehilangan durian di Kampung Durian Runtuh bersama Rokiah, wartawan kami. (1:10)
Lim	:	Macam-macam lah! (1:15)
Badrol	:	Hey, tepi! (1:16)
Rokiah	:	Penduduk Kampung Durian Runtuh melaporkan tentang kes kehilangan durian di Dusun Merdeka. (1:17)
Badrol	:	Eh, macam kenal je. (1:21)
Rokiah	:	Walaupun kejadian kehilangan durian adalah perkara biasa. (1:24)
Lim	:	Tengok macam Malaysia. Aman, damai, harmoni. Mana ada perang. (1:24)
Rokiah	:	Tetapi penduduk kampung ini percaya ia berkaitan dengan misteri yang menyelubungi kampung mereka. (1:26)
Lim	:	Kita ni patut bersyukur. (1:30)
Rokiah	:	Untuk mengetahui lebih lanjut tentang misteri tersebut, bersama saya di sini, Senin bin Kamis. Atau lebih dikenali sebagai Tok Dalang. (1:32)
Badrol	:	Eh, ini atok aku! (1:39)
Rokia	:	Pakcik, sejak bila kejadian ini disedari oleh penduduk kampung? (1:41)
Tok Dalang	:	Okey, dah <i>on</i> ni? (1:47)
	:	Atok cakap ye? (1:52)
	:	Dah lama dah ni! (1:54)
	:	Sejak minggu lepas. (1:55)

Rokiah	:	Apa sebenarnya yang sedang terjadi di kampung ini? (1:58)
Tok Dalang	:	Begini, setiap kali musim durian, mesti ada kes durian yang hilang. (2:01) Tapi kali ini, kulit durian bersepah merata-rata. (2:06) Kalau orang yang curi, takkanlah dia nak tinggalkan kulit durian. (2:09) Tengok tu, tengok tu. (2:14) Kalau binatang pula, mesti ada kesan tebuk. (2:16) Ini dikopek, cantik! (2:19) Atok percaya, ini kegiatan Hantu Durian. (2:22)
Rokiah	:	Kenapa pula pakcik percaya ia adalah hantu? (2:26)
Tok Dalang	:	Mestilah hantu! (2:30) Atok dah pasang banyak perangkap, satu pun tak kena. (2:31) Atok ada bukti. (2:37) Mari sini, mari sini. (2:38) Tengok ni, tengok. (2:46) Mana ada manusia ke, binatang ke, tapak kaki macam ni. (2:47)
Rokiah:	:	Tapi, ini kan tapak kaki manusia. (2:53)
Tok Dalang	:	Mana ada. (2:56) Tengok ni. (2:57) Jari dia kan panjang sikit. (2:58)
Rokiah	:	Ini tapak kaki atok ni. (3:01)
Tok Dalang	:	Eh, ha ah lah! (3:02) Bukan yang ni. (3:04) Sini, sini. (3:06) Tengok ni, tengok. (3:12) Lain. (3:14) Memang sah hantu yang curi. (3:16)
Rokiah	:	Tapi Pakcik (3:17) kalau hantu, hantu mana ada tapak kaki? (3:18)
Tok Dalang	:	Eh, hmm. (3:24)
Rokiah	:	Ya, itulah dia “misteri” hantu durian. (3:26) Kita balik ke studio. (3:30)

Badrol	: Wah, <i>glamor</i> atok aku! (3:32)
Lim	: Badrol, atok kau tahu ke kita nak pergi sana? (3:35)
Badro	: Tahu. (3:36) Semalam aku dah... (3:38) Yang kau nak bawa semua ni, buat apa? (3:42)
Lim	: Peribahasa Melayu kata, sediakan payung sebelum hujan. (3:44) Eh ha ah lah! (3:49) Payung! (3:50)
Badrol	: Apa apa je lah, Lim. (3:53) Aku nak tidur dulu. (3:54) Tunggu kau bersiap, sampai bila pun tak habis. (3:55)
Lim	: Eh, Badrol! (4:00) Payung aku mana? (4:01)
	: [Lagu] Indahnya panorama (4:18) Disekeliling kita (4:22) Hutan hijau tropika (4:26) Udara bersedap-sedap (4:31) Usah kita jalankan (4:35) Jangan kita abaikan (4:39) Sama-sama kita bertahan (4:43) Dengan ciptaan Tuhan (4:47) Sayang seribu sayang (4:52) Manusia mudah lupa (4:56) Kerja siang dan malam (5:00) Himpun harta dunia (5:05) Berbakti pada alam (5:09) Kita tak rugi apa (5:14) Musnahkan ciptaanNya (5:18) Undang mala petaka (5:22) Indahnya alam maya (5:27) Kekalkan hutan kita (5:31) Hidup jadi sempurna (5:36)

	Indahnya panorama (5:40) Sayang seribu sayang (6:00) Manusia mudah lupa (6:04) Kerja siang dan malam (6:08) Himpun harta dunia (6:13) Berbakti pada alam (6:17) Kita tak rugi apa (6:21) Musnahkan ciptaanNya (6:26) Undang mala petaka (6:30)
Badrol	: Pakcik. (6:51) Apa hal ni? (6:52)
Pemandu Bas	: Tayar meletop. (6:57)
	: Ha tayar meletop lagi (7:20) Macam biasa. (7:24) Batu Lima. (7:25)
Anak Pemandu Ba	: Nasib baiklah engko ni bapa aku. (7:35)
Badrol	: Macam mana ni, Pakcik? (7:37)
Pemandu Bas	: Macam itulah. (7:41)
Lim	: Berapa lama kena tunggu ni? (7:43)
Pemandu Bas	: Tak lama. (7:46) Esok mereka sampai lah. (7:47)
Badrol	: Besok? (7:50) Jauh ke lagi, Pakcik? (7:51)
Pemandu Bas	: Itu. (7:53)
Lim	: Aduh, penatnya, Badrol. (8:01) Bila nak sampai ni? (8:04) Tadi kau kata dah dekat. (8:07)
Badro	: Ish, bising aku ni. (8:09) Aku pun penat juga. (8:12)
Lim:	: Kau penat je. (8:14) Aku haus sekali. (8:17)
Pak Mail	: Apa pasal kau berhenti? (8:37)

Uncle Singh	:	Masuk. (8:42)
Badrol	:	Assalamualaikum, Pakcik. (8:45)
Pak Mail	:	Waalaikumsalam. (8:48)
Lim	:	Terima kasih, Uncle. (8:53)
Uncle Sing	:	<i>No problem!</i> (8:55) Adik siapa nama? (8:56)
Badrol	:	Saya Badrol. (8:58) Ini Lim. (9:00)
Uncle Singh	:	Oh, nama Uncle Singh. (9:01) Panggil saja Singh. (9:04) Ini Pak Mail. (9:06)
Pak Mail	:	Kamu ni nak pergi mana? (9:08)
Badrol	:	Kami nak pergi kampung durian runtuh. (9:10)
Uncle Singh	:	Oh, satu jalan juga. (9:12)
Pak Mail	:	Eh, kau pergi sana buat apa? (9:15)
Badrol	:	Nak jumpa Atok saya. (9:18) Dia ada dusun durian. (9:19)
Uncle Singh	:	Durian? (9:21) Yum, yum. (9:22) Itu hari, ada satu kali <i>uncle</i> dapat satu durian banyak besar. (9:23) Ini lori punya besar. (9:28) Eh, ada betul. (9:33) <i>Uncle</i> mana dah tipu. (9:34) Bos! (9:35) Tengok dia cakap saya tipu. (9:36) Ini. (9:38) Tengok. (9:38) Macam mana? (9:43) Cantik kan? (9:44) <i>Uncle</i> memang suka ambil gambar. (9:46) Mana-mana <i>uncle</i> pergi, kamera mesti ada. (9:48)
Lim	:	Wow! (9:51)

		Rumah siapa tu? (9:52) Besarnya. (9:53)
Pak Mail	:	Eh, kau jangan pergi tempat tu. (9:55)
Badrol	:	Kenapa, Pakcik? (9:57)
Pak Mail	:	Rumah tu dah lama kena tinggal. (9:59) Orang kata tempat tu keras. (10:02)
Lim	:	Keras? (10:04)
Pak Mail	:	Berhantu! (10:06) Korang pernah dengar cerita pasal Hantu Durian? (10:07)
Lim	:	Ha, ha, ha. (10:08)
Pak Mail	:	Ha, ada orang nampak Hantu Durian berkeliaran dekat situ malam-malam. (10:10) Jadi, kamu jangan sekali-sekali pergi sana. (10:15)
Upin	:	Eh Uncle Muthu buat apa tu? (10:20)
Ipin	:	Jom tengok! (10:22)
Upin	:	Tarik lagi <i>Uncle</i> . (10:25) Tarik lagi. (10:26) Bos! (10:28) Teh tarik satu! (10:29)
Uncle Muthu	:	Chit! (10:30) Podah! (10:30)
Salleh	:	Abang buntal. (10:32) Kuih tak ada ke? (10:33) Lapar ni! (10:35)
Uncle Muthu	:	Belum sampai lagi adik manis! (10:37)
Upin	:	Adik manis. (10:40)
Upin	:	Eh, Opah! (10:42)
Ipin	:	Opah datang! (10:44)
Upin & Ipin	:	Yay yay opah datang! (10:45) Yay yay opah datang! (10:46)
Opah	:	Oh! (10:48) Sini cucu opah rupanya. (10:48) Nanti balik dengan Kak Ros tau? (10:50)

Ipin	:	Okay, opah! (10:52)
Upin	:	Okay! (10:53) Eh, jom main kejar-kejar jom? (10:54)
Ipin	:	Hah jom! (10:56)
Opah	:	Hey, Salleh! (10:57)
Salleh	:	Hey! (10:58) Apa ni? (10:59) Nama kita Sally lah! (11:00) S-I-L-L-Y. (11:02)
Uncle Muthu	:	Hah, Silly? (11:08)
Salleh	:	Apa-apa je lah! (11:11)
Opah	:	Baju aku dah siap ke? (11:12)
Salleh	:	Belum lagilah, Mak Uda. (11:14) Butang asyik tanggal-tanggal je. (11:16) Habis rosak kuku kita yang lawa ni tau. (11:19)
Opah	:	Ha, siapkan cepat. (11:22) Aku ni nak bergaya ke rumah orang kahwin. (11:24) Eh, Ah Tong. (11:27)
